

DEWAN NEGARA

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KEDUA

Bil. 14

Rabu

20 Julai 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005 (Halaman 29)

Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa
Langkawi 2005 (Halaman 52)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 20 Julai 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Jins Shamsudin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menguatkuasakan undang-undang penggunaan Bahasa Kebangsaan khususnya di papan-papan iklan yang tidak mengutamakan Bahasa Kebangsaan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini pihak berkuasa tempatan telah pun melaksanakan Undang-undang Kecil yang menjelaskan kedudukan bahasa Malaysia yang perlu diutamakan pada sesebuah papan iklan. Undang-undang Kecil tersebut juga menetapkan tindakan yang boleh diambil oleh PBT terhadap pihak yang melanggar syarat-syarat pengiklanan yang telah ditetapkan. Di samping itu kementerian juga telah menyediakan garis panduan papan iklan premis perniagaan yang turut menekankan kepada penggunaan bahasa Malaysia yang betul dan tepat. Dengan adanya Undang-undang Kecil dan garis panduan ini, maka usaha untuk menguatkuasakan penggunaan bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Jins Shamsudin.

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah Bahasa Kebangsaan adalah bahasa rasmi dan juga bahasa perpaduan. Setelah 48 tahun kita merdeka masih terdapat lagi banyak papan iklan di premis perniagaan dan juga di jalan-jalan raya tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan betul dan ada di antaranya mengelirukan terutama sekali di bandar-bandar besar seperti di Pulau Pinang, Kuching dan banyak

lagi bandar-bandar lain. Satu daripada contoh yang ingin saya bawa di sini ialah mengenai kalau kita baca dengan izin, *"This is Celcom territory"*, dan ia amat mengelirukan kerana kita ada *territory* kalau kita terjemahkan bererti, "Ini adalah wilayah Celcom" sedangkan kita mempunyai wilayah

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Datuk Jins Shamsudin: Ya, ... Wilayah Persekutuan, Wilayah Persekutuan Labuan dan apakah tindakan kerajaan dalam hal ini? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan sentiasa mengutamakan penggunaan bahasa Malaysia di papan-papan iklan, ada situasi-situasi yang tertentu di mana kelonggaran diberi kepada prinsip ini. Kadang-kadang kalau penterjemahan dibuat untuk sesuatu iklan dengan penuh, ada kemungkinan ini boleh menukar rupa dan ciri perniagaan yang asal. Contohnya kalau *'Hard Rock Cafe'* bila diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia bermakna 'Kedai Kopi Batu Keras', ini tidak akan memberi gambaran yang sebenar berkenaan imej dan identiti perniagaan ini. Maka dengan keadaan sedemikian kerajaan harus mempunyai pandangan yang lebih luas demi kepentingan perkembangan perniagaan dan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan Yang Berhormat tadi menunjukkan kepada kesungguhan pihak berkuasa tertentu bagi menekankan penggunaan Bahasa Kebangsaan, kesungguhan pihak berkuasa.

Dr. S. Subramaniam: Perkara ini memang diberi penekanan cuma kelonggaran pada situasi-situasi tertentu sahaja. Undang-undang memang ketat dan pihak-pihak berkuasa kadang-kadang mereka mesti mengambil tindakan. Tindakan-tindakan tersebut termasuk memberi arahan menurunkan papan iklan yang telah dibuat dan kalau ini tidak dipatuhi, maka boleh dikenakan denda sebanyak RM2,000 atau hukum penjara selama setahun atau kedua-duanya. Di dalam undang-undang penekanan memang ada dan penguatkuasaan sedang dilakukan, tetapi di dalam situasi-situasi tertentu kelonggaran diberi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Wan Ubaidah selepas itu Dato' Haji Abdul Rashid.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah apakah justifikasi kerajaan menggunakan perkataan "persint" untuk jalan-jalan raya di

Putrajaya dan tidak menggunakan perkataan biasa seperti jalan atau lorong dan sebagainya. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Penamaan jalan-jalan raya bukan sahaja di dalam pihak PBT, tetapi ada juga di pihak JKR yang mempunyai jawatankuasa yang menjaga nama yang sesuai untuk digunakan. Ada *guideline* yang ditetapkan dan untuk memastikan nama yang sesuai untuk diberi kepada sesuatu tempat dan di dalam perkara ini mungkin soalan ini patut dijawab oleh pihak JKR. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh manakah garis panduan (*guidelines*), dengan izin yang disebut tadi diperturunkan daripada kementerian terus ke jabatan-jabatan yang berkenaan, dan sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang yang disebut ketat tadi dapat diambil oleh pihak-pihak yang tertentu. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. S. Subramaniam: Kementerian telah menyediakan satu Undang-undang Kecil dan dasar-dasar melalui Undang-undang Kecil yang telah diberi kepada semua pihak-pihak berkuasa tempatan yang telah melaksanakannya melalui kerajaan-kerajaan negeri dan selain daripada itu kementerian telah mengeluarkan garis panduan untuk digunakan oleh PBT. Semua pihak berkuasa tempatan mempunyai garis-garis panduan dan Undang-undang Kecil ini.

Untuk menjawab soalan berkenaan sejauh mana penguatkuasaan telah dibuat oleh pihak PBT, tiap-tiap tahun pihak-pihak yang mempunyai tanda-tanda papan iklan perlu mendapat lesen. Semasa permohonan lesen ini dibuat, PBT memang semak dengan teliti untuk memastikan bahawa kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Undang-undang Kecil ini diikuti. Pada pandangan saya ialah PBT memang prihatin terhadap prinsip ini dan sedang buat semua untuk memastikan penguatkuasaan ini dilakukan dengan sepenuhnya. Terima kasih.

2. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta Menteri Kewangan menyatakan langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan agar GLC's benar-benar membantu usahawan dan kontraktor bumiputera yang bermasalah sekarang ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha menangani masalah usahawan dan

kontraktor bumiputera syarikat GLC telah memperkenalkan serta meneruskan program-Program Pembangunan Usahawan yang bertujuan meningkatkan prestasi ekonomi bumiputera seperti Program Vendor, Program Francais, Program Biasiswa Bumiputera bagi menjana sumber manusia di kalangan bumiputera dalam bidang-bidang profesional seperti kejuruteraan, kewangan dan perakaunan, memupuk usahawan di sektor teknologi tinggi, menyediakan peluang pembiayaan di peringkat awal ataupun *seed capital*, untuk membantu mengkomersialkan produk-produk yang inovatif.

Program konsep payung yang disediakan oleh Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dan Proton, jumlah vendor bumiputera yang terlibat adalah melebihi 550 buah syarikat. Manakala dari segi jumlah kontrak yang diberikan dalam tempoh 10 tahun ini iaitu dari tahun 1994 hingga 2004 - Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional telah memberikan kontrak lebih daripada RM11 bilion kepada syarikat-syarikat bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad dan kemudian Tuan Ismail Kasim.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kerajaan ingin mengawal supaya syarikat-syarikat GLC ini tidak memberikan kerja-kerja kontraknya itu hanya kepada anak-anak syarikat mereka, tetapi diagihkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera seperti mana yang berlaku di Putrajaya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang dilakukan sekarang ini memang pihak GLC bukan hanya bagi kontrak-kontrak ataupun apa juga peluang kepada anak syarikat mereka sahaja, tetapi membuka peluang kepada mereka yang luar daripada syarikat GLC ini. Contoh seperti yang disebut tadi mereka membangunkan vendor-vendor. Ini bermakna membangunkan syarikat-syarikat persendirian dalam program payung misalnya, ini contoh yang saya bagi yang sedang dijalankan oleh pihak syarikat. GLC bukan hanya menumpukan kepada anak-anak syarikat sahaja tetapi kepada lebih menyeluruh daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam mengawal selia perjalanan syarikat-syarikat GLC.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Konteks soalan asal ialah usaha GLC membantu usahawan dan kontraktor sedangkan pertanyaan tambahan adalah peranan kerajaan dalam memantau perjalanan GLC. Saya serahkan kepada Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya kira ada kena-mengena sedikit dengan soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak layan juga Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Kawan saya, saya kena layanlah. Kaedah mengawal ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bagi tiap-tiap syarikat GLC memang ada wakil kerajaan dalam syarikat itu. Dari segi *shareholding* Tuan Yang di-Pertua, ada syarikat yang memang milik penuh kerajaan yang majoriti dipegang oleh kerajaan dan ada syarikat minoriti tapi kerajaan memegang *golden share* maknanya segala keputusan dibuat oleh pihak kerajaan. Maknanya dasar kerajaan akan dibawa oleh syarikat-syarikat ini kerana ada kepentingan kerajaan. Kadang-kadang ada satu sahaja *golden share*, tidak ada *share* lain cuma *golden share*. Itu pun memberi kuasa kepada pihak kerajaan untuk menentukan dasar. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

[Soalan nombor 3 – Y.B. Puan Mariah binti Haji Abdullah tidak hadir]

4. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) bilangan permit import kenderaan (AP) yang telah dikeluarkan pada tahun 2000 hingga Mei 2005 kepada individu, syarikat atau koperasi; dan
- (b) apakah kriteria untuk mendapatkan permit import kenderaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir pada 21 Julai 2005, Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar pada

21 Julai 2005, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng pada 21 Julai 2005 dan Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad pada 26 Julai 2005 kerana kesemua pertanyaan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai lesen import AP kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, lesen import atau AP telah diperkenalkan pada tahun 1970 untuk menggalakkan usahawan bumiputera bergiat dalam sektor automatif dan terdapat dua jenis AP yang dikeluarkan oleh MITI iaitu AP terbuka dan AP francais. Mulai tahun 1988 peruntukan AP terbuka telah dibekukan dan tidak lagi dipertimbangkan kepada syarikat-syarikat baru. AP francais diperkenalkan pada tahun 1997 kepada syarikat-syarikat pemegang francais untuk memenuhi komitmen kepada pembukaan pasaran automatif. Pemberian AP francais baru hanya dipertimbangkan kepada syarikat sekiranya ia memenuhi syarat seperti berikut:-

- i) mempunyai perjanjian francais yang sah antara pengimport dan *principal*;
- ii) pengimportan secara langsung dari syarikat *principal* atau kilang *principal* di luar negeri;
- iii) model kereta belum dipasang di Malaysia;
- iv) pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% oleh bumiputera; dan
- v) berkeupayaan dari segi kewangan dan pengurusan bagi menyediakan kemudahan ruang pameran dan perkhidmatan lepas jualan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas 30 Jun 2005 terdapat 35 buah syarikat pemegang AP francais yang mengimport 41 jenama kenderaan dan 76 syarikat pemegang AP terbuka termasuk lapan konsortium menjadikan jumlah pemegang AP terbuka sebanyak 93 syarikat. Syarikat pemegang AP terbuka ini boleh mengimport kenderaan baru atau terpakai kecuali model yang dikenakan sekatan import. Jumlah AP yang digunakan bagi tempoh 2000 hingga 31 Mei 2005 adalah seperti berikut:-

- i) pada tahun 2000 jumlah AP adalah 21,375;
- ii) tahun 2001 jumlah AP 28,449 unit;

- iii) pada tahun 2002 jumlah AP 21,963 unit;
- iv) pada tahun 2003 jumlah AP 28,981 unit; dan
- v) pada tahun 2004 jumlah AP 45,580 unit.

Setakat kepada 30 Mei tahun ini adalah 25,695 unit. Jumlahnya tahun 2000 sampai 31 Mei adalah 172,043 unit.

Bagi tempoh yang sama jumlah AP yang dikeluarkan untuk syarikat di negeri Sabah jumlahnya untuk tahun 2000 ke 2005 Mei adalah 7,862 unit.

Jumlah AP yang diluluskan kepada individu bagi tempoh Januari 2000 hingga 31 Mei 2005 adalah 4,393 unit. AP individu merangkumi rakyat Malaysia yang bekerja atau belajar di luar negara, anggota kedutaan asing, peserta skim galakan pulang ke Malaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia, peserta Malaysia *My Second Home Program* di bawah Kementerian Pelancongan, Yang Dipertuan Agong, Sultan, YDP negeri-negeri dan Perdana Menteri, Ahli Parlimen dan anggota *Royal Australian Air Force*.

Mengenai senarai syarikat-syarikat pemegang AP sebagaimana yang telah Yang Berhormat sedia maklum senarai tersebut telah dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada hari Isnin 18 Julai 2005. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa kriteria dan syarat-syarat untuk meluluskan AP adalah kelulusan objektif umpamanya dikendalikan oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MITI. Berkaitan penyalahgunaan AP kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan pihak kastam dan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi menangani masalah ini dan memastikan kenderaan yang diimport adalah sebagaimana yang diluluskan di dalam AP kepada syarikat berkenaan.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya merakamkan dan mengalu-alukan ketibaan rombongan Perwakilan UMNO daripada Batu Pahat. Terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, berdasarkan empat syarikat yang monopoli AP sebanyak 28,283 unit bagaimanakah asas perkiraan jumlah AP yang dikeluarkan setiap tahun. Adakah ia berasaskan 10% jumlah pengeluaran kereta yang diambil kira semua jumlah kenderaan kereta termasuk kenderaan komersial dan buatan yang diimport. Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kemasukan kereta import ke negara ini adalah dikawal dan kita menggunakan bumbung 10% daripada pengeluaran tempatan kenderaan penumpang dan komersial dan ini ditambah pertumbuhan 10%. Pengeluaran AP ini adalah selaras dengan usaha liberalisasi yang patut diberi di bawah akta dan WTO. Tetapi ia dihadkan kepada 10% supaya mengimbangkan untuk menjaga kereta nasional kita supaya mereka masih terus dapat berjaya dan bersaing. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memilih saya kerana saya juga ada soalan. Soalan tambahan saya, untuk menjaga kepentingan kereta nasional adakah kementerian tidak bercadang untuk membatalkan ataupun menghapuskan pemberian AP ini. Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pada jangka masa ini belum ada keputusan untuk membatalkan sistem AP ini. Tapi saya hendak menegaskan bahawa di bawah peraturan-peraturan WTO dan AFTA pada masa akan datang kita terpaksa. So, kita hendak sampai pada masa itu kerana sebenarnya ada banyak negeri jiran yang telah membuat kompelin terhadap sistem AP ini.

Pada pendapat kementerian, sistem AP ini masih diperlukan untuk sebagai perlindungan kepada kereta nasional kita supaya kita dapat mengehendkan kemasukan kereta import. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di samping AP yang tulen yang telah dikeluarkan oleh kementerian, terdapat juga AP-AP palsu yang terlepas yang telah dibawa masuk ke negara kita. Sejauh manakah pihak kementerian dapat memantau dan telah dapat menangkap mereka yang membawa masuk kenderaan-kenderaan berdasarkan kepada permit palsu. Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Jika AP itu palsu adalah salah dari segi undang-undang tetapi saya juga ambil kesempatan pagi ini untuk menjelaskan sedikit sebab ada banyak pandangan bahawa AP boleh dijual dan AP berharga dan kita keluarkan 60,000 lebih AP. Saya hendak menegaskan bahawa AP tadi saya nyatakan ada dua jenis iaitu *open* AP dan AP francais. Bagi tahun yang diperuntukkan pada tahun 2005, *open* AP adalah 17,526 dan AP francais Tuan Yang di-

Pertua adalah 49,632 dan AP *open* itu sudah dihentikan. Semua yang dikeluarkan pada baru-baru ini adalah AP *francais*. AP *francais* adalah terhadap kepada *agreement* yang sah. *You* mesti ada *showroom*, dan ada model tertentu. *So*, AP *francais* itu tidak boleh dijual sebab ia terhadap. *So*, ada banyak *misconception*, *okay*. Kepada AP *open* kemungkinan boleh dijual tetapi itu adalah salah kerana kementerian sejak beberapa tahun lalu telah membatalkan peruntukan AP kepada 153 syarikat apabila mereka menyalahgunakan AP ini. Walau bagaimanapun kementerian akan memantau dengan lebih ketat untuk memastikan bahawa tidak ada masalah AP palsu dan AP tidak disalahgunakan. Terima kasih.

[Soalan No. 5 – Y.B. Dato' Hamzah bin Zainudin tidak hadir]

5. **Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah kementerian bercadang memasukkan peruntukan had umur pemimpin persatuan belia dan menyediakan panduan jelas bagi memisahkan persatuan belia dengan politik kepartian dalam draf Akta Pembangunan Belia yang sedang digubal oleh pihak kementerian sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan sedang dalam proses merangka draf akta belia yang bertujuan bukan sahaja untuk memperkasakan pertubuhan belia di negara ini bahkan untuk mewujudkan satu undang-undang bagi golongan belia keseluruhannya termasuk golongan belia yang tidak berpersatuan. Fakta tersebut juga akan melihat skop yang lebih luas dalam aspek pembangunan belia di negara ini. Soal sama ada had umur pemimpin persatuan belia akan ditentukan atau sebaliknya dalam akta tersebut selagi pada peringkat kajian perbincangan.

Selain kajian mengenainya sedang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia isu had umur pemimpin belia ini juga dibincangkan bersama dengan pihak Majlis Belia Malaysia serta perbincangan menerusi forum-forum lain yang berkaitan sebelum dikemukakan kepada jabatan Peguam Negara, Jemaah Menteri dan seterusnya di Parlimen.

Dalam soal panduan bagi pemisahan antara Persatuan Belia dengan politik kepartian perkara ini sememangnya tidak dinyatakan dengan jelas dalam akta pertubuhan 1996. Namun demikian perkara ini bergantung kepada perlembagaan persatuan belia masing-masing dan oleh yang demikian perkara ini juga dibincangkan dalam penggubalan draf akta belia dan sekiranya wajar ianya akan diperjelaskan lagi dalam draf akta belia yang sedang digubal sekarang. Terima kasih.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kementerian ada bukti kukuh yang menyatakan ada pemimpin belia menggunakan persatuan belia untuk kepentingan politik mereka. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak pernah dijelaskan oleh kementerian, bahawa ada orang perseorangan yang menggunakan politik dalam golongan belia. Apa yang telah dimaksudkan dan sedang dibincangkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan guna politik untuk belia Yang Berhormat. Guna belia untuk politik.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hadkan pemimpin-pemimpin tidak termasuk persatuan belia, ini bermaksud belia-belia tidak boleh masuk dalam persatuan itu ataupun parti politik. Apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat tadi adalah berkenaan dengan, adakah ahli-ahli politik menggunakan belia? Itu kita tidak ada keterangan, *evidence* dengan izin bahawa mereka menggunakan. Tetapi dalam satu *survey* yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 74% bersetuju umur belia dihadkan kepada 40 tahun. Sebab-sebab yang diberikan, sesuai dengan gelaran belia, memahami golongan belia lebih lasak dan aktif dan 86% menyokong bahawa mudah menerima pandangan orang muda.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, 60% bersetuju pemimpin belia yang berumur melebihi 40 tahun ada banyak berpengalaman. Elakkan pemimpin monopoli persatuan, menjadi penasihat, mendidik pelapis dan tidak terburu-buru menyediakan pelapis. So, yang kita bincangkan di sini Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita memberi pandangan yang serius kepada ahli-ahli politik yang menyertai persatuan-persatuan yang melebihi umur 40 tahun, tetapi

juga kepada semua persatuan yang dijalankan oleh pemimpin yang lebih berpersatuan, kita sekarang tengah membincangkan kerana kita tidak ingin membuat satu keputusan yang terburu-buru sebelum fakta-fakta dikemukakan di Parlimen. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan, berapa peratuskah pertubuhan-pertubuhan belia yang telah dibatalkan pendaftarannya mengikut Akta Pertubuhan 1966 dan apakah sebab-sebab pembatalan tersebut? Dari segi umur, saya lihat dalam Akta Pertubuhan, dibenarkan belia-belia ataupun orang-orang yang berumur 16 tahun menyertai mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah akta ini. Mereka yang dibenarkan memegang jawatan ialah mereka yang 21 tahun. Apakah peruntukan ini tidak cukup ataupun memang hendak dihadkan bahawa umur belia itu ialah hingga 40 tahun sahaja. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa soalan yang dikemukakan memang luar sedikit dari soalan asal. Soalan asal adalah berkenaan dengan Akta Belia yang sedang dirancang dan akan dikemukakan kepada Parlimen. Oleh yang demikian, saya dengan rendah hati meminta izin supaya diberi notis menjawab semasa.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak mahu *pre-empt* kah?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Kasim. Ooh, minta maaf Tuan Ismail bin Kasim.

7. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi kes-kes lambakan kesalahan trafik di Mahkamah Majistret di seluruh negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, badan kehakiman telah mengambil langkah-langkah perlu untuk mengatasi masalah kes-kes trafik yang

tertunggak. Pada masa ini, kes-kes trafik yang tertunggak masih di dalam keadaan terkawal dan bukannya kritikal dan statistik menunjukkan pelupusan kes-kes trafik di dalam tempoh setahun adalah amat menggalakkan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh badan kehakiman ialah:

- (i) operasi pelupusan kes-kes pra 2000 dan termasuk kes-kes trafik dan operasi ini telah menunjukkan pencapaian pelupusan dan penyelesaian kes-kes amat memuaskan di seluruh negara;
- (ii) operasi pelupusan kes-kes pasca tahun 2000 dan juga meliputi kes-kes trafik telah dan sedang dilaksanakan. Tumpuan kini diberikan kepada penyelesaian kes-kes jenayah pra tahun 2004;
- (iii) arahan-arahan dan pekeliling dikeluarkan kepada pegawai kehakiman, timbalan pendakwa raya dan peguam-peguam bermatlamat untuk mengurangkan penangguhan perbicaraan-perbicaraan;
- (iv) memantau dan mengkaji untuk memperbaiki prosedur-prosedur dan undang-undang yang sedia ada bagi mempercepatkan proses perbicaraan dan penyelesaian kes-kes; dan
- (v) berusaha untuk menambah bilangan pegawai kehakiman dan kakitangan sokongan bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai dan anggota dan akhir sekali dalam proses melaksanakan sistem pengkomputeran meliputi proses pendaftaran dan penggunaan, semasa perbicaraan bagi mempercepatkan pendaftaran dan penyelesaian kes-kes. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memburu pesalah-pesalah trafik yang telah didapati bersalah dan tidak adakah peruntukan undang-undang yang membolehkan pesalah-pesalah trafik ini dikompaun sahaja dan tidak dibawa ke mahkamah?

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sekarang mengikut peruntukan dan undang-undang yang sedia ada. Apabila kita hanya boleh kompaun

sahaja kepada salah satu kesalahan trafik, ini terserah kepada keseriusan kesalahan. Ada kesalahan hanya satu kemalangan yang kecil, ada juga satu kemalangan di mana mungkin ada seorang meninggal dan kes-kes ada perbezaan.

Oleh sebab itu, kita tidak boleh hanya beri saman. Lagi satu perkara yang kita perlu fikir ialah apabila kuasa diberi kepada polis trafik di peringkat jalan raya sahaja untuk kompaun, ini mungkin menjadi lagi satu masalah di mana rasuah akan bertambah kerana biasanya apabila seseorang kena tangkap oleh polis trafik, sebelum dia kena saman, orang sudah bincang berapa boleh bayar untuk menyelesaikan masalah beliau. Oleh sebab itu mungkin kita perlu kaji dan perlu menukar undang-undang. Selain daripada itu, ada beberapa banyak proses di mahkamah perlu orang kena saman hadir ke mahkamah, selepas itu kita perlu tanya kepada mereka, adakah mereka mengaku salah, tidak mengaku salah? Kalau tidak mengaku salah, mungkin itu adalah hak beliau untuk *defend* kes berkenaan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah dicadangkan dilantik Jaksa-Jaksa Pendamai (JP) yang layak menjadi majistret kelas dua untuk mendengar kes-kes kesalahan trafik?

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan ini suatu masa dulu apabila Menteri yang lama iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, dia telah mulakan perkara ini berjumpa dengan badan-badan persatuan yang ada JP ini, Jaksa Pendamai. Tetapi nampaknya kebanyakan daripada nama-nama yang kita dapat, mereka tidak ada *qualifications* yang mereka boleh duduk sebagai *second-class magistrate* di Mahkamah Rendah. Tetapi, ada juga kita terima nama-nama daripada negeri-negeri yang setuju untuk kita mengadakan satu Mahkamah Rendah di mana majistret kelas kedua boleh duduk sebagai majistret untuk mengambil kira kes-kes ini. Tetapi, setakat ini kita belum buat satu keputusan dan belum lagi menjalankan perkara ini tetapi kita haraplah dalam masa yang akan datang, kita boleh memberi peluang kepada JP-JP ini untuk mengendalikan kes sebagai *second-class magistrate*.

Kita dapati hanya sekarang, pada masa sekarang mungkin dalam lima tahun dahulu, ada peguam-peguam dan orang-orang yang berpengalaman dapat JP. Tetapi, kalau kita bandingkan 20 tahun selepas itu, kebanyakan JP yang sedia ada, dia

daripada parti-parti yang tertentu yang dapat. Ahli-ahli politik dia masih buta huruf. Oleh sebab itu, mereka tidak layak untuk duduk sebagai JP, sebagai majistret yang kedua.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam kes-kes ini, dalam tahun 2004 hingga 2005. Dari tahun 2004 hingga 2005, ada 74,783 kes dan purata kes yang diselesaikan adalah 59,288 kes. Kita lebih kurang dapat 6,217 kes tiap-tiap bulan. Tetapi kes yang kita selesai sekarang ini adalah begitu baik dan mungkin kita tidak ada masalah dalam dua, tiga tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tidak mustahil terdapat JP yang buta huruf.

8. **Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta** Menteri Kewangan menyatakan bagaimana dan bilakah kerajaan akan melaksanakan sistem BLT (*Build Lease & Transfer*)

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, BLT (*Build Lease & Transfer*) merupakan salah satu daripada konsep yang telah diguna pakai dalam pelaksanaan projek kerajaan sejak bermulanya dasar penswastan kerajaan. Pelaksanaan berdasarkan konsep BLT kebanyakannya adalah bagi pembinaan bangunan kerajaan seperti bangunan pejabat kerajaan di Putrajaya, di mana Putrajaya Holdings yang dipertanggungjawabkan untuk membina bangunan-bangunan berkenaan dan kerajaan akan membayar sewaan selama 23 tahun dan hak milik dipindah kepada kerajaan pada akhir tempoh konsesi tersebut.

Konsep BLT juga akan diguna pakai dalam melaksanakan projek-projek Polis Diraja Malaysia bagi pembinaan kuarters dan pejabat polis. Sebuah syarikat *Special Purpose Vehicle* milik Menteri Kewangan diperbadankan telah ditubuhkan untuk melaksanakan projek-projek berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada jawapan Yang Berhormat, menyatakan bahawa kerajaan menyewa selama 23 tahun kepada Putrajaya Holdings. Jadi, saya ingin tahu, berapakah jumlah kos sewaan yang dibayar oleh kerajaan kepada Putrajaya Holdings setakat ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada pada saya sekarang. Saya minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

9. **Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah strategi kementerian di dalam menggalakkan pelaburan antarabangsa di Sabah, terutama di dalam industri pelancongan dan pertanian berteknologi tinggi, memandangkan pembangunan negeri Sabah di sektor industri masih jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 2000 hingga Mei 2005, sejumlah 133 projek pengilangan dengan nilai pelaburan sebanyak RM6.2 bilion telah diluluskan di negeri Sabah. Nilai pelaburan ini adalah sebanyak 4.3% daripada keseluruhan nilai pelaburan berjumlah RM143.5 bilion yang diluluskan bagi sektor perkilangan di seluruh negara.

Selain daripada projek pengilangan, sebanyak 10 projek pertanian dengan nilai pelaburan berjumlah RM233.9 juta dan lapan projek hotel bernilai RM93.9 juta telah diluluskan untuk ditempatkan di Sabah bagi tempoh masa yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan kemasukan pelaburan bagi projek-projek pengilangan yang seimbang di semua negeri. Bagi tujuan ini, kerajaan telah menyediakan insentif khusus untuk menarik pelaburan ke koridor Pantai Timur Semenanjung dan negeri Sabah dan Sarawak dengan menawarkan insentif yang lebih menarik bagi projek-projek yang ditempatkan di kawasan ini iaitu:

- (i) pemberian pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat pengilangan sehingga 100%;
- (ii) pemberian pengecualian cukai bagi kali kedua kepada syarikat sedia ada yang menempatkan semula aktiviti pengilangan ke negeri-negeri di koridor di pantai timur; dan
- (iii) memberi pengecualian cukai kali kedua bagi syarikat sedia ada milik rakyat Malaysia yang membuat pelaburan semula dalam industri-industri berasaskan sumber seperti kayu, getah dan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor perhotelan dan pertanian, projek hotel sedia ada yang menjalankan pembesaran atau pemodenan adalah layak untuk mendapatkan pengecualian cukai bagi kali kedua, manakala bagi sektor pertanian syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan pengeluaran makanan adalah layak untuk mendapat pengecualian cukai sebanyak 100 peratus bagi tempoh 10 tahun, ini sahaja. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya dengan galakan-galakan yang telah disebutkan itu adakah kementerian meninjau respons daripada sektor swasta terhadap semua yang telah diberikan itu. Memandangkan bilangannya yang telah disebutkan itu begitu rendah sahaja yang masuk ke Sabah. Terima kasih.

Datin Paduk Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelabur masuk ke Sabah, bukan sahaja bergantung kepada insentif-insentif yang diberikan kepada pelabur, yang diberikan kerajaan. Tetapi juga bergantung kepada banyak faktor-faktor seperti *freight charges* dan juga sama ada tenaga buruh yang mencukupi ataupun yang mencukupi kemahiran dan juga tapak projek, harga tanah - faktor-faktor seperti ini dan juga infrastruktur, sama ada infrastruktur yang mencukupi. Ini semua bergantung kepada keputusan perniagaan, *business decision* bukan sahaja terpulang kepada insentif kerajaan sahaja, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa bilangan pelaburan di negeri Sabah telah semakin bertambah ya. Sekian, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, pertama sekali saya mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan untuk menyeimbangkan kemasukan pelaburan ke seluruh negeri-negeri terutama di *corridor* Pantai Timur termasuk semenanjung. Persoalan saya ialah apakah usaha kerajaan dalam menggalakkan pelaburan ke negeri Pantai Timur contohnya di Kelantan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan adalah menjurus kepada penggalakan pelaburan di Sabah.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Arr....

Tuan Yang di-Pertua: Iaitu Malaysia Timur.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan pertanyaan tambahan adalah mengenai Pantai Timur.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Pantai Timur di Kelantan, tetapi dalam jawapan saya, saya telah menyebutkan kriteria-kriteria ataupun insentif yang diberikan *corridor* timur juga sama dengan negeri Sabah dan Sarawak dan jawapan sudah diberikan seperti di antaranya insentif yang diberikan...

Tuan Yang di-Pertua: cukuplah, jawapan sudah diberikan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Ya, sudah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

10. **Dato' Kamaruddin bin Ambok** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menangani tohmahan dan serangan peribadi terhadap kepimpinan Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditimbulkan di dalam media massa seolah-olah berlaku penentangan di antara Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan serta Kementerian Wilayah Persekutuan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Kamaruddin bin Ambok, apabila Kementerian Wilayah Persekutuan diwujudkan kementerian adalah bertanggungjawab untuk menguruskan kemajuan dan membangunkan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Kementerian ini juga bertanggungjawab dalam menggubal dasar-dasar tentang kerajaan tempatan bagi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan tersebut iaitu Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan.

Sehubungan itu ketiga-tiga agensi tersebut pula ada bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan kepada kementerian sebelum sebarang tindakan penting diambil atau sesuatu projek pembangunan hendak dilaksanakan. Wilayah-wilayah tersebut ada diurus tadbir mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang yang diluluskan oleh kerajaan. Isu penentangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak timbul sama sekali kerana apa yang berlaku ialah Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan mengemukakan cadangan-cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan DBKL. Cadangan-cadangan penambahbaikan ke

atas pengurusan DBKL seperti juga ke atas agensi-agensi kerajaan lain diterima daripada berbagai pihak melalui sama ada jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat kementerian, perbincangan, dialog atau media massa.

Kementerian Wilayah Persekutuan tidak menganggap cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan atau mana-mana pihak sebagai tohmahan dan serangan malahan Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa mengalu-alukan mana-mana cadangan yang boleh membantu menambah baik pembangunan dan tadbir urus di Wilayah Persekutuan termasuk isu perundangan, peraturan dan prosedur seperti mana yang dikehendaki oleh kerajaan. Sekian.

Dato' Kamaruddin bin Ambok: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, menjawab soalan saya, tapi jawapan tersebut kurang jelas. Tapi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maksud jawapan tersebut?

Dato' Kamaruddin bin Ambok: Jawapan tersebut tak beberapa jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi saya cukup baik.

Dato' Kamaruddin bin Ambok: Saya merujuk kepada keratan surat khabar, ianya jelas berlaku penentangan di antara Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Badan Perhubungan UMNO Wilayah, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat menyatakan tidak boleh mencari pengesahan akhbar, jelas Peraturan Mesyuarat, sebab itu yang saya cangkil jawapan saya, saya faham aliran pertanyaan tapi dia tidak dibolehkan oleh Peraturan Mesyuarat supaya Dewan nak kata laporan akhbar sah, tak sah itu adalah bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat.

Dato' Kamaruddin bin Ambok: Saya, Tuan Yang di-Pertua dimaklumkan mengenai Datuk Bandar menyatakan bahawa UMNO Wilayah Persekutuan ingin mengurangkan kuasa beliau. Jadi, pada pendapat saya

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi Yang Berhormat, akhbar yang menyatakan dan kononnya datuk Bandar mengatakan, bukan Datuk Bandar mengatakan, kalau dalam Dewan, kita kata Datuk Bandar mengatakan - benar, Datuk Bandar mengatakan. Tapi di sini ialah soal akhbar kata, Datuk Bandar kata.

Dato' Kamaruddin bin Ambok: Okey, yang saya pelik dan sangsi Tuan Yang di-Pertua, bukan, mengenai Datuk Bandar membuat kenyataan akhbar tanpa berbincang dengan Badan Perhubungan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah yang dilarang oleh pertanyaan. Adakah benar Datuk Bandar membuat pertanyaan akhbar, Dewan tak maklum, Dewan tak dapat membuktikan. Itu sebab Peraturan Mesyuarat....

Dato' Kamaruddin bin Ambok: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat sila kemukakan pertanyaan tambahan.

Dato' Kamaruddin bin Ambok: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Tanpa merujuk kepada laporan akhbar dan keratan akhbar.

Dato' Kamaruddin bin Ambok: Okey. Saya ingin menyatakan bahawa Perhubungan UMNO Wilayah membuat cadangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja. Jadi, bagaimanakah Datuk Bandar boleh menyatakan bahawa Perhubungan UMNO Wilayah ingin mengurangkan kuasanya. Kerana jikalau beliau memahami isi kandungan kertas cadangan UMNO Perhubungan Wilayah beliau pasti tidak mempersoalkan. Jadi, saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya rangkumilah. Adakah benar dakwaan bahawa Datuk Bandar mendakwa sekian, sekian, sekian. Yang Berhormat boleh jawab. Adakah benar seperti mana akhbar mendakwa bahawa Datuk Bandar, mendakwa, adakah benar atau tidak?

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian saya telah menerima cadangan secara rasmi dari Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan tentang cadangan-cadangannya. Kementerian saya pun sedang mengkaji dengan teliti. Mengenai tentang apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat memang saya tidak tahu atau tiada maklumat nak buat komen. Sekian.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan saya, dari segi pengurusan kerajaan apakah kekeliruan timbul jikalau tanggungjawab DBKL dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan itu tidak jelas atau bertindih. Adakah

tanggungjawab yang yang bertindih itu kalau di tanggungjawab DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menjelaskan bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan dengan bidang kuasa DBKL. Mengikut akta tugas-tugas Menteri merangkumi:

- i) menguruskan kemajuan dan pembangunan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya;
- ii) Dasar-dasar tentang kerajaan tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya;
- iii) Perancangan Lembah Klang;
- iv) Perintah 'tahan' oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah kanun tatacara jenayah;
- v) Pentadbiran Mahkamah 'Anak Lelaki' di Wilayah Persekutuan Labuan dan hal ehwal kepulauan.

Tambahan pula perkara-perkara berikut berkaitan dengan DBKL dan Perbadanan Labuan Putrajaya juga di bawah pengawasan-pengawasan Menteri Wilayah Persekutuan iaitu:

- vi) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960,
- vii) Dasar-dasar Hal ehwal Bandar Raya Kuala Lumpur.
- viii) Dasar-dasar mengenai kadar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- ix) Dasar-dasar mengenai perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- x) Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Perbadanan Labuan 2001.
- xi) Melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995.

Dengan itu, kuasa dan fungsi Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah dinyatakan di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, bertanggungjawab untuk menjalankan pengurusan harian, manakala Menteri Wilayah Persekutuan adalah bertanggungjawab

tentang segala dasar-dasar dan polisi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dengan pendek kata keputusan Menteri ke atas sesuatu perkara adalah muktamad, itu sahaja. Sekian.

11. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pendapatan Petronas hasil daripada Kerjasama cari gali minyak di luar negara mengikut negeri yang terbabit antara 2000 hingga 2004.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2005 operasi Petronas di luar negara menyumbang sebanyak RM48.5 bilion atau 35 peratus daripada keseluruhan hasil kumpulan Petronas. Dari jumlah tersebut pada tahun 2000 hasil yang diperolehinya adalah sejumlah RM9.5 bilion. Untuk 2001 meningkat kepada 23 bilion dan seterusnya menurun pada 2002, pada RM20.4 bilion. Pada tahun 2003 meningkat semula kepada RM25 bilion dan seterusnya RM34.3 bilion pada 2004.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Petronas telah mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat minyak negara lain dalam usaha cari galinya seperti Sudan misalnya. Jika ada, berapa syarikat-syarikat yang mengadakan usaha sama dengan Petronas dan jika tidak ada, mengapa. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang kita mempunyai operasi bersama dengan syarikat-syarikat di luar negara dan sebenarnya kita ada 32 buah negara semuanya. Secara *detail* saya tidak dapat memberi kepada Yang Berhormat dalam masa yang singkat ini. Insya-Allah, saya akan memberikan secara bertulis berkenaan syarikat-syarikat yang terlibat dengan Petronas di luar negara itu kerana terlampau banyak. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, daripada jumlah keuntungan sebanyak RM48.5 bilion itu ada suatu keuntungan yang besar. Adakah mana-mana negara luar yang kita ceburi yang mengalami kerugian? Jika ada, mengapa kerugian-kerugian tersebut boleh berlaku. Itu yang pertama. Yang kedua, adakah negara-negara baru yang kita berhasrat untuk menerokai rancangan cari gali Petronas pada masa yang akan datang?

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat hari ini kita belum lagi bercadang untuk menambah negeri-negeri yang ada. Kita hanya memiliki 32 buah negara dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, berkenaan dengan syarikat-syarikat atau di mana negeri-negeri yang terlibat, saya tidak ada laporan berkenaan dengan negara tersebut. Tetapi walau bagaimanapun saya percaya kebanyakan dan mengikut laporan yang kita dapat, setakat hari ini Petronas tidak mempunyai masalah di negeri-negeri yang kebanyakannya kita mendapat keuntungan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan beralih kepada pertanyaan berikutnya tetapi supaya Dato' Haji Kamaruddin puas hati, Peraturan Mesyuarat 22(1)(m) iaitu '*Pertanyaan tiada boleh dikeluarkan, meminta keterangan yang ada dalam surat-surat yang boleh didapati atau yang ada dalam buku-buku huraian*'.

12. Dato' Musa bin haji Sheikh Fadzir minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah kementerian meletakkan satu 'standard' khas iaitu kelayakan yang perlu diikuti bagi memastikan tenaga pengajar di IPTS terdiri daripada mereka yang berkelayakan sahaja.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dalam melaksanakan jaminan kualiti terhadap kursus pengajian IPTS, amat menitikberatkan kualiti tenaga pengajar yang terlibat. Antara *standard* dan kriteria yang ditetapkan ialah:

- (i) kelayakan akademik pensyarah di IPTS hendaklah berkelayakan satu tahap lebih tinggi dari peringkat kursus pengajian yang diajar dengan kelayakan minimum adalah Ijazah Sarjana Muda;
- (ii) kesesuaian kelayakan berdasarkan bidang pengajian seseorang pensyarah IPTS yang dinilai oleh Pakar Panel Penilai yang dilantik oleh LAN;
- (iii) bilangan guru yang perlu dilantik bagi sesuatu peringkat pengajian berdasarkan jumlah mata pelajaran yang ditawarkan. Ini adalah bagi memastikan kepakaran guru tidak terlalu terbeban dengan jumlah mata pelajaran yang diajar selain mempunyai ruang kepada penglibatan aktiviti pembangunan kerjaya;

- (iv) 60% daripada guru yang dilantik bagi sesuatu kursus pengajian, perlu bertaraf tetap untuk mengoptimumkan bimbingan dan interaksi guru dan pelajar;
- (v) menepati nisbah guru/pelajar yang ditetapkan bagi sesuatu kursus pengajian;
- (vi) bagi tenaga pengajar tidak mempunyai kelayakan yang ditetapkan tetapi mempunyai kemahiran dan pengalaman praktikal, mereka boleh dilantik sebagai tenaga pengajar sokongan bertaraf tutor, *instructor* makmal dan sebagainya.

Selain daripada yang di atas, IPTS hendaklah mempunyai program pembangunan staf yang melibatkan konsultasi, keahlian badan profesional, pendidikan *spectacle*, seminar dan latihan. Sekian, terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Masih akreditasi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, apakah benar lepasan IPTS ini tidak dapat pengiktirafan untuk melanjutkan pelajaran atau berkhidmat dengan badan-badan kerajaan? Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa pengiktirafan kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTS adalah dalam tiga peringkat kawalan kualiti:

- (i) setiap kursus yang ditawarkan oleh IPTS perlu mendapatkan kelulusan daripada kementerian setelah cadangan sesuatu kursus dinilai oleh pihak LAN;
- (ii) selepas IPTS menjalankan kursus, mereka perlu mendapatkan standard minimum dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum sesuatu kelayakan dianugerahkan; dan
- (iii) jika kursus tersebut adalah merupakan kursus 3 + 0 mereka perlu mendapatkan perakuan akreditasi dengan adanya perakuan akreditasi barulah dia boleh diiktiraf oleh kerajaan dan barulah mereka layak untuk memohon pekerjaan dalam kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna pengiktirafan adalah berdasarkan kursus, bukan sama ada dari IPTA atau IPTS, betul kan?

Dato' Fu Ah Kiow: Betul, Tuan Yang di-Pertua. Ini memang berasaskan kepada kursus bukan IPTS atau IPTA.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Berapa ramaikah pensyarah yang memiliki Ph.D yang mengajar di IPTS? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Susah dapat angka itu Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya tidak ada angka yang dapat saya bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh mohon notis.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya pohon notis. Saya ada tetapi susah hendak cari sekarang.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setelah sesuatu kursus itu diterima oleh Lembaga Akreditasi Negara adakah tenaga pengajar itu dipantau. Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, walau pun sesuatu kursus telah mendapat penganugerahan akreditasi, namun LAN mensyaratkan bahawa penilaian perlu dijalankan dalam tempoh lima tahun untuk memastikan segala syarat dan minimum masih dipenuhi. Dalam tempoh lima tahun kita akan menilai semula dan kalau ia masih menepati semua syarat maka perakuan akreditasi akan disambung. Sekian, terima kasih.

13. Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah pihak kementerian berhasrat melebarkan Jalan Kuala Lipis – Gua Musang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian memang berhasrat untuk melebarkan Jalan Kuala Lipis ke Gua Musang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Cadangan pelaksanaan projek tersebut akan dibahagikan kepada dua fasa seperti berikut:

- (i) menaik taraf jalan Gua Musang ke Merapoh kepada piawaian JKR R5 sepanjang 20 kilometer. Anggaran kos berjumlah RM70 juta; dan

- (ii) menaik taraf jalan Kampung Relong – Kuala Lipis ke Merapoh di sempadan Kelantan kepada piawaian R5 juga, sejauh 25 kilometer dengan anggaran kos berjumlah RM72 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini cadangan projek-projek untuk Rancangan Malaysia Kesembilan sedang dalam kajian dan penelitian Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

14. Dr. Raja Ram a/l Nadayson minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan kaedah kementerian mengagihkan peruntukan untuk sektor pertanian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan agar dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, khususnya di kampung yang kebanyakan terdiri daripada peladang dan pekebun-pekebun kecil. Selain itu, bagaimanakah soal pemilikan tanah akan diselesaikan untuk tujuan tersebut?

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: *[Menjawab bagi pihak Kementerian Pertanian]* Tuan Yang di-Pertua, di dalam proses pengagihan peruntukan untuk sektor pertanian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian akan meneliti setiap permohonan projek pembangunan yang dibuat oleh setiap jabatan dan agensi di bawah kementerian adalah selari dengan berdasarkan makluman dan hala tuju kementerian.

Antara maklumat dan hala tuju kementerian ialah memodenkan sektor pertanian, meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan, mengurangkan defisit imbalan, perdagangan, sektor makanan, menerusi pendekatan eksport serta memajukan industri asas tani negara. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, penekanan akan diberi terhadap projek-projek yang akan memberi impak secara langsung kepada petani, penternak dan nelayan.

Selain daripada itu masalah kekurangan tanah boleh merumitkan usaha kerajaan untuk menjadikan pengeluaran makanan pertanian sebagai penjana baru pertumbuhan ekonomi negara. Sehingga kini kementerian telah membeli tanah untuk melaksana projek pertanian moden di Kluang Johor iaitu projek perintis bagi melaksanakan projek pertanian komersial berskala besar oleh pelabur-pelabur swasta.

Di samping usaha untuk memudahkan sektor pemilik tanah, kementerian sedang berusaha untuk mewujudkan maklumat *land bank* bagi pengeluaran makanan melalui

pengumpulan data, mengemas kini maklumat-maklumat tanah yang boleh digunakan untuk projek pertanian.

Kerjasama dengan kerajaan negeri juga dilakukan untuk menangani isu pemilik tanah. Contoh bagi projek tanah kekal pengeluaran makanan yang dijalankan oleh kementerian bersama-sama dengan kerajaan negeri di mana kerajaan negeri menyediakan tanah bagi projek tersebut dan kementerian akan menyalurkan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur serta memberi khidmat nasihat teknikal kepada petani yang terlibat.

Kementerian juga membangunkan tanah-tanah terbiar untuk digabungkan bagi projek-projek kelompok atau disewakan. Bagi pemilik tanah yang tidak berkemampuan untuk mengusahakan tanah mereka, mereka akan diminta untuk mendaftar dengan kementerian agar kementerian dapat mengenal pasti pengusaha pelabur yang berminat untuk mengusahakan tanah tersebut dan mengemukakan mereka kepada pemilik tanah berkenaan.

14. Puan Wan Ubaidah binti Omar minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) bilangan IPTS yang dimiliki oleh bumiputera dan bukan bumiputera sehingga kini dan bilangan IPTS yang sedang menghadapi masalah serta jelaskan masalah-masalah yang dihadapi itu; dan
- (b) apakah pula langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh kerajaan bagi membantu IPTS yang bermasalah.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 559 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta atau IPTS yang berdaftar dengan kerajaan. Dari jumlah tersebut 26 buah IPTS bertaraf universiti manakala 533 buah adalah IPTS yang bukan bertaraf universiti. Berdasarkan pemilikan ekuiti, lebih daripada 51% yang ditafsirkan sebagai pemilik bumiputera, maka daripada jumlah 559 buah IPTS itu sebanyak 212 atau 38% adalah milik bumiputera, manakala 283 buah lagi atau 51% adalah milik bukan bumiputera dan 64 buah atau 11% adalah milik badan-badan kerajaan.

Terdapat beberapa buah IPTS yang menghadapi masalah tenat terutamanya yang dimiliki oleh bumiputera. Perangkaan sebenarnya sedang dikumpulkan. Di antara masalah utama yang dihadapi oleh IPTS ini adalah kemerosotan bilangan pelajar kerana penajaan atau pinjaman dana pengajian yang terhad daripada badan-badan penaja. Kementerian sentiasa peka dengan masalah yang dihadapi oleh IPTS-IPTS tersebut.

Oleh itu langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh kementerian bagi membantu IPTS yang bermasalah ini adalah seperti berikut:

- (i) memohon supaya dana PTPTN dan MARA untuk tujuan pengajian ditambah bagi memenuhi keperluan peningkatan jumlah penuntut dan dengan demikian lebih ramai berpeluang belajar di IPTS;
- (ii) meminta dan menggalakkan badan-badan korporat memberi penajaan atau pinjaman bagi membolehkan pelajar-pelajar di IPTS;
- (iii) mencadangkan penubuhan satu konsortium bagi menyelaras dan menangani masalah yang dihadapi IPTS yang tenat;
- (iv) menggalakkan IPTS tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan sebaliknya berusaha bersaing di pasaran terbuka dengan menawarkan program dan perkhidmatan serta prasarana yang terbaik bukan sahaja bagi menarik pelajar tempatan malah juga pelajar antarabangsa;
- (v) mencadangkan penubuhan tabung kumpulan wang amanah IPTS untuk membantu pelajar bumiputera belajar dan meneruskan pengajian di IPTS; dan
- (vi) mempelawa IPTS menyertai promosi pendidikan atau *road-show* dengan izin, di bawah program *Meeting, Incentive, Convention and Exhibition (MICE)* di dalam dan luar negara bagi menarik lebih ramai pelajar memasuki IPTS.

Kementerian yakin dengan usaha-usaha ini akan dapat membantu IPTS yang menghadapi masalah untuk terus beroperasi dan seterusnya meningkatkan prestasi agar setanding dengan IPTS lain. Sekian, terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bilakah dana ini akan ditambah sebab apa yang kita ketahui ialah keadaan bagi kebanyakan IPTS yang bermasalah sedang dalam keadaan nazak sekarang untuk pengambilan dalam bulan Julai. Sekiranya dana tidak ditambah dalam bulan ini, banyak di kalangan IPTS akan gulung tikar. Sebab daripada langkah-langkah Yang Berhormat sebutkan tadi ialah agaknya bagi jangka panjang. - apakah langkah-langkah yang segera. Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan sebenarnya tabung dan penajaan daripada PTPTN pada tahun-tahun sebelum ini tidak berkurangan. Misalnya untuk PTPTN, penajaan kepada bilangan pelajar daripada tahun 1997 sejak ia ditubuhkan sehingga bulan Mei 2005 jumlah yang telah ditaja ialah seramai 118,254 pelajar iaitu jumlah penajaan daripada IPTS iaitu sebanyak 18.4% adalah daripada tabung PTPTN. Kalau kita lihat angka daripada tahun demi tahun ia telah menunjukkan peningkatan. Misalnya pada tahun 2003 cuma 20,000 orang mendapat pinjaman dan pada tahun 2004 seramai 27,000 telah mendapat pinjaman.

Salah satu masalah pokok ialah disebabkan tabung daripada MARA telah disalurkan kepada IPTS yang ditubuhkan oleh MARA sendiri, maka lain-lain IPTS menghadapi masalah kekurangan penajaan pelajar ke IPTS mereka. Itu adalah masalah yang utama. Bagaimanapun kerajaan memang mengambil berat dan sedang berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan untuk memperbanyakkan lagi tabung dan dana pinjaman kepada pelajar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tunggu hendak jawab soalan tadi?

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN) 2005****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[19 Julai 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng sambung ucapan.

11.19 pagi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah tentang cadangan untuk menambah Subseksyen 2 kepada Seksyen 73 iaitu berkaitan dengan tamat perkhidmatan sebagai wakil Penasihat Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperlukan dalam perkara ini ialah Penasihat Kewangan sebagai majikan wakilnya kena menulis sepucuk surat kepada Bank Negara untuk memberitahu bahawa pekerja itu telah menamatkan perkhidmatan dan kemudian tidak disebutkan apakah langkah seterusnya.

Biasanya dalam kes-kes yang mana melibatkan orang awam mungkin wakil ini sungguhpun telah ditamatkan perkhidmatannya tetapi masih mungkin berterusan, masih berjumpa dengan pelanggan dan sebagainya. Saya dapati ada kes-kes yang mana selepas ditamatkan bekerja, seseorang wakil itu masih meneruskan perkhidmatan dan mungkin mengambil kesempatan untuk menipu pihak-pihak tertentu.

Satu daripada keperluan ialah supaya diiklankan dalam surat khabar bahawa pihak ini telah tamat pekerjaan. Selepas ditamatkan pekerjaan mungkin nama, nombor kad pengenalan dan sebagainya akan disebutkan dalam iklan itu bahawa orang itu telah

tamat perkhidmatan dan tidak boleh menjalankan apa-apa lagi perkhidmatan untuk penasihat kewangan itu.

Untuk menjaga kepentingan orang ramai supaya mereka sedar bahawa orang ini tidak berkhidmat lagi, itu adalah satu cara tetapi saya tidak tahu sama ada dalam peraturan nanti ini akan diwajibkan, apakah caranya. Apabila Bank Negara menerima surat daripada penasihat kewangan tentang tamat perkhidmatan wakilnya, apa tindakan seterusnya oleh Bank Negara, adakah Bank Negara hanya mengambil tahu perkara ini dan kemudian memfailkan surat itu ataupun akan bertindak seterusnya untuk menarik balik lesen yang telah dikeluarkan kepada wakil dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, apakah tindakan seterusnya apabila surat daripada penasihat kewangan itu diterima atas hal penamatan perkhidmatan wakilnya. Kerana saya dapati ini juga sangat penting dari segi pengawasan dan dari segi memastikan tidak ada penyelewengan berlaku selepas seseorang itu tamat perkhidmatannya dengan sesuatu pihak itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah komen-komen saya mengenai rang undang-undang ini dan akhir sekali saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siw Chun.

11.24 pg.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi.....

Tuan Yang di-Pertua: Bunyinya macam mana? Siew Chun atau Sue Chun?

Puan Siw Chun a/p Eam: S.I.W. Siw Chun

Tuan Yang di-Pertua: Siw Chun, terima kasih. Puan Siw Chun.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1996.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pemahaman saya insurans adalah satu benda yang baik dan boleh dibahagikan kepada dua kategori. Satu ialah insurans am, dengan izin, *general insurance*. Yang keduanya ialah insurans hayat iaitu *life insurance*. Insurans am adalah perlindungan harta benda. Insurans untuk perlindungan harta benda -

contohnya kenderaan, bangunan, produk-produk seperti insurans untuk *coverage bond* dan lain-lain.

Firma-firma syarikat insurans am yang memang popular pada masa sekarang ialah contohnya, Syarikat Kurnia, Pan Global dan lain-lain. Insurans hayat - pelindungannya termasuklah menjamin kehidupan selesa di hari tua. Ada perlindungan perubatan, pembedahan, kemalangan, pendidikan dan lain-lain lagi. Firma-firma insurans yang mengendalikan insurans hayat yang boleh dikatakan popular sekarang ialah *Great Eastern, AIA, Prudential, Manulife, Etna insurance* dan lain-lain lagi. Jadi, insurans untuk perlindungan barangan sudah ada, untuk hayat sudah ada, mungkin nanti ada untuk menjamin perkahwinan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa hendak terima premium? Kalau bagi saya lesen pun saya tidak buka firma itu.. *[Ketawa]*

Puan Siw Chun a/p Eam: Jadi, insurans ini ia boleh mendatangkan keburukan dan kebajikannya. Kebajikannya ialah menjamin keselesaan kehidupan di hari tua, mengurangkan beban ahli keluarga semasa kita sakit, ahli keluarga dapat menikmati wang kita sekiranya kita mati ataupun akibat daripada kemalangan ataupun sakit, dan menjamin pendidikan anak-anak kita di masa depan. Itu kebajikannya dan lain-lain lagi.

Keburukan - kesan-kesan negatifnya memang menakutkan. Ada setengah dia sanggup bunuh ahli keluarga sendiri untuk mendapatkan wang pampasan insurans. Ada setengah sanggup potong mana-mana bahagian dalam anggota badan kita sendiri untuk mendapatkan pampasan, sanggup bakar rumah ataupun kedai untuk mendapatkan pampasan. Ini keburukannya dan banyak lagi contoh.

Di masa dahulu, jurujual wakil insurans digelar ejen. Dan, jenis insurans yang lama iaitu, dengan izin, *traditional insurance* adalah berbeza dengan konsep baru ini. Ejen selain daripada mengenalkan insurans dengan memakai mulut dan juga kertas dapat duit. Jadi, ini adalah satu perkara yang penting, dengan mulut bercakap, dengan kertas sahaja boleh dapat duit. Jadi, saya baca di dalam, ada satu fakta yang menyatakan bahawa di negara kita kadar pencapaian penerimaan insurans tradisional adalah hanya tahap sederhana iaitu sekitar 37% sahaja berbanding dengan Hong Kong hampir 100%, Jepun 300% dan negara-negara Barat yang lain.

Kenapa perkara ini berlaku? Kerana rakyat kehilangan kepercayaan kepada ejen. Jadi, saya amat bersetuju supaya perkataan “ejen insurans” ditukarkan kepada “penasihat kewangan”. Pada masa sekarang saya pun dengar bahawa memang ada syarikat-syarikat insurans ataupun firma-firma insurans ini telah menukarkan kepada *financial consultant*, dengan izin, perunding kewangan.

Ini adalah satu perubahan yang positif dan menampakkan bahawa wakil insurans ataupun ejen ini jadi satu profesion yang profesional, bukannya ejen yang macam dahulu, orang kehilangan kepercayaan kerana mereka pergi kutip dan melabur dalam insurans ini boleh membayar bulanan, tiga bulan sekali, enam bulan sekali ataupun tahunan.

Jadi, yang menjadi masalah, yang bayar tiga bulan sekali ataupun bulanan ejen ini pergi kutip dan tidak sampaikan bayaran ini kepada syarikat insurans. Kesedaran ini berlaku apabila orang yang beli insurans itu sedar apabila mereka ditimpa kemalangan ataupun sakit hendak masuk hospital. Jadi, mereka baru tahu kata *policy has already lapsed* kerana tidak bayar premium, dengan izin.

Jadi, sekiranya ejen ini ditukar kepada ‘penasihat kewangan’ akan mengembalikan balik kepercayaan rakyat kita kepada insurans. Sebenarnya insurans ini adalah satu benda yang baik, macam saya mengatakan bahawa ia boleh meringankan beban keluarga. Saya masih ingat pada 18 sehingga 20 Mac 2005 Persatuan Insurans Hayat dan Kewangan Malaysia, singkatannya ialah ‘6-LIFA’ telah menjadi tuan rumah menganjurkan Kongres Insurans Hayat Asia Pasifik yang telah diadakan di Genting Highlands dan ini merupakan satu persidangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar? Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara seterusnya. Terima kasih.

[Datuk Haji Karim Ghani *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Puan Siw Chun teruskan.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu Kongress Insurans Hayat Asia Pasifik yang telah diadakan di Genting Highlands merupakan kali pertama persidangan insurans hayat yang terbesar diadakan di Malaysia. Peserta seramai 10,000 dari 11 buah negara, 65% peserta dari luar negara, 52 orang pakar insurans membentangkan kertas kerja, maka satu *solution* atau satu *conclusion*, dengan izin, telah dibuat dengan mengambil kira pandangan-pandangan semua pihak, maka satu produk baru telah dikemukakan iaitu dipanggil *investment link*, dengan izin. *Investment link* ini adalah hasil kerjasama di antara bank-bank dan juga firma-firma insurans.

Pada pendapat saya, *investment link* ini adalah satu polisi yang memang manfaat kepada rakyat kita. Apakah itu *investment link*? *Investment link*...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak tanya juga, mungkin Puan Siw Chun, seperti ditanya oleh Tuan Yang di-Pertua tadi a/p Eam, bukan dapat AP ya? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, dalam polisi-polisi ataupun hujah-hujah yang telah diberi bahawasanya pihak syarikat insurans ini telah memainkan peranan yang begitu besar dan pastikan bahawa perkembangan dalam menjanakan ekonomi masa depan negara amat penting. Tetapi terdapat juga dari segi ejen-ejen yang menjualnya hanya sekadar menjual sahaja tanpa memberi *accountability* kepada pemegang-pemegang polisi ataupun memberi laporan-laporan di manakah kedudukan polisi-polisi mereka yang mereka telah beli.

Ini sedikit-sebanyak menimbulkan bahawa keraguan terhadap rakyat pada syarikat-syarikat insurans ini. Pada hemat saya, saya melihatkan bahawa ejen-ejen yang menjualkan insurans ini baiknya merupakan khususnya kepada insurans hayat tidak mempunyai pengalaman ataupun *qualification* yang baik, hanya sekadar mengikuti kursus satu minggu sahaja sudah jadikan seorang itu pakar di dalam hal-hal insurans.

Jadi, yang lebih menakutkan ialah apabila berlakunya sesuatu tuntutan terhadap polisi-polisi ini sudah tentu pihak insurans ini mencari helah dan daya cara-cara mana boleh polisi ini tidak dibayarkan ataupun dikurangkan. Ini sedang berlaku dan sering berlaku khususnya mungkin dari segi insurans kesihatan (*health insurance*). Tiap-tiap kali berlaku tuntutan ianya mencari helah dan mengambil masa yang begitu lama. Saya jangka mungkin pihak kerajaan perlu mengadakan had-had yang tertentu supaya

tuntutan-tuntutan kepada polisi-polisi insurans ini perlu dibayar dengan masa yang segera, cepat dan tepat. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya amat bersetuju sekali tentang cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan. Sebab itu saya memang merasa gembira kerana saya difahamkan - tak tahu bila kerajaan akan membatalkan insurans tradisional, saya difahamkan di luar. Saya cuma hendak pastikan bilakah kerajaan akan batalkan insurans tradisional ini?

Satu *conclusion* ataupun satu keputusan telah dibuat di mana dipanggil *investment link* yang saya kata tadi. Jadi, perbezaannya memang jauh, iaitu sesiapa yang hendak menjadi wakil *investment link* ataupun jurujual, mereka haruslah berkelulusan sebagai seorang graduan yang berlatarbelakangkan kewangan (*finance*). Kelulusan dalam akademik itu memang tidak cukup, tetapi mereka terpaksa mengikuti banyak kursus dari semasa ke semasa dan mereka terpaksa menduduki peperiksaan untuk mendapatkan kad keahlian untuk menjadi seorang perunding kewangan (*financial consultant*) yang sah untuk pergi ke pasaran.

Bayaran dalam *investment link* ini pula tak perlu tunai dan boleh dipotong daripada gaji kita. Ia ada had, maksudnya minimum RM150 dan maksimum tidak ada had, cuma ada had minimum sahaja RM150. Mungkin potongan RM150 itu kita bukan bayar sebulat-bulat semua jumlah itu kepada pihak insurans. Daripada RM150 yang potongan daripada gaji kita ataupun daripada akaun kita, sebahagian sahaja dia bayar untuk perlindungan dan selebihnya ialah pelaburan. Sebab itu sesiapa yang ingin menjadi wakil ataupun perundingan kewangan ini haruslah berlatar belakang kewangan, haruslah seorang graduan dan mesti menyertai kursus yang dianjurkan oleh pihak firma insurans itu dan menduduki peperiksaan barulah boleh menjadi seorang perundingan kewangan yang sah.

Jadi, saya rasa dengan cara ini rakyat kita akan mengembalikan balik kepercayaan terhadap insurans. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, insurans – tadi saya sebutkan *investment link* itu terbahagi kepada dua cabang – satu perlindungan, dan satu lagi pelaburan. Di dalam cabang perlindungan termasuk juga 36 jenis penyakit, dengan izin, 36 *illnesses*. Dahulu kanser dengan *kidney failure*, dengan izin, tidak termasuk.

Dan sekarang kerana keadaan semasa ini, orang yang menghidap kanser dan *kidney failure* bertambah, jadi dari masa ke semasa mereka menambahkan lagi perlindungan insurans ini untuk penyakit kanser dan juga *kidney failure*. Inilah perbezaan di antara tradisional insurans dengan yang moden punya insurans. Dan pelaburan, pulangan dia memang lumayan, saya bukan agen insurans dan saya bukan nak kempen untuk Ahli Yang Berhormat supaya beli insurans tetapi cuba ambil penjelasan ini sebagai satu renungan.

Jadi, pelaburan pulangannya memang lumayan, saya sudah dapat menikmatinya. Sekiranya kita simpan di dalam bank, sebulan RM150, setahun RM1,800. Kalau kita simpan dalam bank, memang *secure*, memang tidak ada masalahlah, duit kita memang dok dalam bank. Ada setengah dia punya persepsi kata pelaburan mungkin satu perjudian, kadang-kadang untung, kadang-kadang rugi. Jadi, pelaburan ini yang kita dapat buktikan pulangannya boleh sampai ke tahap 12%.

Sekiranya, kita potong daripada gaji ataupun paksa kita simpan RM150 sebulan, setahun baru RM1,800. Kemudian, apa-apa terjadi kepada kita pada bulan Januari, pada tahun baru, maknanya sudah 12 bulan kita sudah simpan duit RM1,800. Bila apa-apa terjadi kepada kita pada bulan yang ketiga belas, bulan satu tahun baru jadi, katalah kita mati, anak ataupun waris kita hanya boleh ambil RM1,800 daripada akaun bank kita yang boleh diambil balik.

Tetapi kalau kita melabur dalam insurans, apa yang dipanggil *investment link* ini, selain daripada bahagian perlindungan itu, kita dapat balik *the sum insured* yang kita labur itu, perlindungan yang kita dapat. Contohnya katalah kita mati di tempat awam, dalam itu *the sum insured* ialah RM100,000, firma insurans akan bayar balik. Kalau di tempat awam *double*, Tuan Yang di-Pertua, kali dua. Tempat awam, contohnya di *bus station*, di panggung wayang ataupun di restoran-restoran. Kita, pewaris kita ni akan dapat balik dua kali ganda, maksudnya RM200,000.

Di bahagian pelaburan pula, kita akan dapat balik juga, pewaris kita. Ini adalah satu kebaikan dan tidak akan berlakunya penipuan dalam kes ini. Rakyat kita boleh ..

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat, tapi kita mesti mati dulu.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tidak semestinya, tidak semestinya, ini cuma contoh. Sekiranya kita melabur atau potongan RM150 satu bulan itu, ia tidak terhad, kadang-

kadang kita ada duit bulan, kita boleh bayar RM500. Ada sesetengah itu dia kena loteri, tak tau duit nak simpan di mana, boleh simpan dalam bank itu untuk pelaburan, fleksibel. Kemudian sekiranya wang kita, duit kita yang kita bayar itu sebanyak, dalam akaun tu ada RM4,000, jadi kita boleh ambil keluar macam bank biasa kalau kita perlukan wang. Tetapi minimum kena bayaran kita mesti ke RM4,000. Maksudnya satu tahun RM1,800, jadi dalam tiga, empat tahunlah. Kita boleh *withdraw* mengeluarkan duit itu.

Dari segi pelaburan pula, untung yang kita dapat dari segi pelaburan, kalau kita tak mahu ambil duit itu, duit itu akan *accumulate*, ia akan bertambah dividen, bertambah lagi dividen, ini kebbaikannya. Jadi, *investment link* ini fleksibel, Tuan Yang di-Pertua, fleksibel dan memang sesuai untuk zaman sekarang. Kalau boleh saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mempraktikkan penasihat, memang ubah nama itu memang sudah sesuai dan juga sesuai pada masanya. Kalau boleh ubahkanlah sesiapa yang nak jadi penasihat kewangan haruslah berlatarbelakangkan apa yang saya sebut tadi. Kena mempraktikkan, *compulsory*, jadi penasihat kewangan ini akan menjadi satu penasihat kewangan yang betul-betul boleh menasihatkan rakyat tentang kewangan, itu dia.

Di sini saya ingin tanya pihak kerajaan, bilakah kerajaan akan mempraktikkan perkara ini? Dan, kenapa firma-firma insurans swasta sekarang sudah praktikkan? Sudah praktikkan dan gelaran yang mereka beri kepada wakil insurans mereka ialah *financial consultant* iaitu perunding kewangan dan perkara ini telah diketahui dengan berleluasanya. Cuma ada satu kelemahannya yang saya buat kajian dalam *investment link*, dalam firma-firma insurans yang saya sebutkan tadi macam AIA, Great Eastern, MAA. MAA ini memang *very popular* dalam TV, ada satu *advertisement* yang kata MAA, MAA. Jadi, mungkin ini satu cara untuk *advertise* dia punya syarikat insurans tetapi ini adalah satu kejayaan mereka.

Ada sesetengah firma insurans dalam *investment link* ini saya sudah menyatakan bahawa dia ada dua cabang iaitu perlindungan dan pelaburan. Tetapi dalam perlindungan kita akan dapat satu *medical card*, dalam perlindungan. *Medical card* ini boleh digunakan semasa kita sakit dan memasuki *private hospitals* atau hospital-hospital swasta. Sekarang rakyat kita, kebanyakannyalah rakyat kita telah menyedari dan suka pergi *private hospitals* dan mungkin mereka anggap bahawa hospital swasta *service* dia

lebih bagus, *specialist* dia lebih cukup dan juga dengan peralatan-peralatannya. Ini adalah tanggapan orang sekarang, jadi bila kita sudah ada *medical card* dalam *investment link*, apabila kita memasuki hospital swasta dan kebetulan hospital swasta, bila kita masuk dia akan bagi kita satu *list*, hospital-hospital swasta seluruh Malaysia dan juga dunia, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita pergi Beijing, kita sakit ke apa, kita masuk hospital *free*, swasta.

Jadi bila pergi ke hospital, kita cuma sua kan saja kad ini, bila suakan kad, deposit pun kita tak perlu bayar, tak perlu. Sebab itu di antara bank insurans dengan hospital swasta, jadi ini sudah banyak meringankan beban rakyat kita. Dan, hospital-hospital swasta yang saya maksudkan yang menjadi panel firma-firma insurans kebanyakannya sama, contohnya macam Gleneagles, Island, Mutiara, Fatimah, KMC, PMC, yang Sabah Sarawak itu saya rasa *Sabah Medical Centre (SMC)*. Jadi, semuanya menjadi panel firma-firma insurans.

Tetapi kelemahannya di sini, saya cuma hendak bagi pihak kerajaan cuba imbas balik dan macam mana hendak buat perubahan supaya perkara ini tidak berlaku. *Okay*, masalahnya ada setengah firma-firma insurans, bila kita menjadi pemegang polisi atau melabur dalam *investment link*, masa itu kita sihat, kita masih sihat dan tidak berpenyakit.

Penyakit ini datang dia tidak tentu masa. Selepas 3, 4 tahun selepas kita *invest* dalam *investment link*, kita jatuh sakit dan kita terpaksa belanja wang yang banyak. Ada syarikat insurans ataupun firma insurans yang *guarantee renewal*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Guarantee renewal* maksudnya kita masuk *guarantee renewal* sampai ke umur 75. Tetapi ada firma insurans yang dia bukan *guarantee renewal*. Maksudnya kalau tahun yang ketiga saya sakit, dan saya mungkin guna RM100,000 duit untuk mengubati penyakit saya. Tahun keempat dia tidak akan *renew* kepada saya. *This is unfair*, tidak adil kepada kita.

Firma insurans ini, dia hanya mengautkan keuntungan. Tidak ambil premium kita semasa kita sihat dan kita ini hendak *invest* dalam ini, kita untuk *protect* kita semasa kita sakit. Ada firma insurans, saya tidak mahu sebutlah, firma mana, tetapi saya telah mendengar masalah ini. Cuba pihak kerajaan renung dan kaji balik. Kenapa firma insurans melakukan perkara sebegitu. Kalau boleh kepentingan rakyat, haruslah dijaga.

Kita membayar setiap bulan untuk *protection* dan apabila kita sakit, dia terus *cancel* kita punya *medical card*. Jadi ini tidak adil. Saya minta pihak kerajaan meneliti perkara ini.

Ada firma insurans yang dia punya pelanggan-pelanggan *medical card* ini banyak sakit dan banyak masuk hospital swasta dan mereka menghadapi kerugian. Ada satu syarikat insurans sekarang yang menghadapi masalah kewangan, mereka tidak memberitahu, tidak memaklumkan kepada pelanggannya bahawa hospital swasta itu sudah tidak menjadi panel dia. Rakyat biasa yang memegang kad ini, pergi masuk satu hospital, ini berlaku di dalam kalangan ahli keluarga saya. Dia bawa kad ini pergi ke satu hospital swasta di mana dahulu perunding kewangan itu mengatakan inilah panel hospital yang kita boleh masuk, masuklah dia. Apabila masuk, dia kata kena bayar deposit. Jadi, ahli keluarga saya pun tanyalah. Depa kata tidak payah bayar, kalau ada kad ini. Tetapi dia kata, kami sudah tidak jadi panel pada syarikat ini.

Sekiranya pemegang *medical card* itu, kad perubatan itu, adalah seorang yang hanya mengharapkan wang untuk mengubati penyakitnya dalam *medical card* untuk bayar deposit. Susahlah mereka hendak cari bayar deposit itu, bukannya ia berpuluh ringgit, tetapi beribu kalau hospital swasta. Masa itu sakit tidak sangka. Ini adalah satu masalah kini yang berlaku. Baru-baru sahaja yang berlaku.

Pihak kerajaan kena teliti syarikat mana yang berlaku. Satu lagi yang saya ingin tanya kepada pihak kerajaan, *investment link* sudah popular dalam pasaran sekarang dan mereka firma insurans, *joint-venture* dengan bank, dengan kerjasama dengan bank.

Kenapa bank-bank pula diberi lesen untuk menjalankan perniagaan yang sebegitu. Ada bank-bank yang ada apabila kita pergi ke bank, dia akan tanya tarik ke satu tempat kaunter depan dan akan kempen tentang benda yang sama. Adakah perkara ini akan berlakunya *overlapping* ataupun percanggahan dengan firma insurans...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan....

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya, sila.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik mengenai dengan *investment link* sebab terdapat sekarang ini pelbagai jenis *investment link* yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans di mana terdapat *investment link* yang menaja di atas nama dana-dana Islam yang mengatakan bahawa produk ini adalah dipantau dari sudut pelaburan "*Syariah-based fund*" dia kata

adalah dana macam-macam. Saya pun lupa hendak sebut. Tetapi yang masalahnya dana-dana ini jika kita baca *clause* yang kecil, dalam polisi itu, baru kita tahu bahawa ini adalah bukan takaful.

Saya rasa pihak kerajaan perlu mengambil tindakan untuk memberi kesedaran kepada orang-orang Islam terutamanya bahawa *investment link* yang berdasarkan syariah ini, kenapa ianya tidak dijadikan produk takaful? Sebab saya ada mengambil satu dan baru saya terperasan bahawa *investment link* ini bukan Takaful. Cuma cara pelaburan itu sahaja yang berdasarkan mungkin dalam kaunter-kaunter yang diluluskan oleh Bank Islam. Tetapi *this* tak ada *clause*. *This is a non-Takaful product*. Perkara ini perlu sebab agen-agen yang menjual *investment link* yang berdasarkan Syariah ini tidak memberi tahu atau mungkin menyorokkan perkara ini dan ini boleh menimbulkan kekeliruan dan kesangsian, pertamanya bagi pengguna-pengguna yang beragama Islam. Adakah Yang Berhormat sedar tentang perkara ini?

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Pada saya, penyakit itu dia bukan kira agama, dia tidak kira bangsa dan saya tidak faham apakah *investment link* yang tidak mengikut secara Islam? Saya tidak beberapa faham Tuan Yang di-Pertua. Sila jelaskan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Tidak apa Yang Berhormat, sebenarnya saya menunjukan soalan ini kepada pihak kerajaan. Mungkin menteri lebih faham tentang perkara ini.

Puan Siw Chun a/p Eam: Mungkin Setiausaha Parlimen akan menjawab sebentar nanti kerana bagi saya, ini pandangan saya. Penyakit, dia bukan kira agama, kira bangsa warna kulit, orang tua, orang muda, bayikah, penyokong atau pembangkang dia tidak kira, penyakit. Apabila ada sesuatu benda yang boleh membantu rakyat kita, dari segi meringankan beban ahli keluarga kita, apabila kita sakit. Penyakit ini macam-macam Yang Berhormat. Ada setengah sampai kena jual harta benda untuk mengubati penyakit itu.

Apabila terwujudnya *investment link* ini, yang boleh meringankan beban kita, jadi *why not* kita terima? Mungkin cara-cara Takaful itu mungkin dari segi pelaburan, perlindungan itu saya rasa tidak ada apa-apa yang harus kita pertikaikan. Mungkin dari segi pelaburan, jadi pelaburan itu terpulanglah kepada kita juga sebagai seorang

pelabur. Apabila Pegawai Kewangan ataupun Penasihat Kewangan cari kita, jadi kita cuma khabar, cerita kepada mereka. 'Saya tidak mahu melabur dalam saham sekian-sekian ini.' Kita bukannya semata-mata kita serah kepada Pegawai Kewangan. Katakanlah sesetengah saham itu, untuk orang Islam tidak dibenarkan. Kita yang pilih saham-saham untuk pelaburan. Saya rasa tidak ada masalah tentang ini. Tetapi saya tidak tahulah mungkin Yang Berhormat ada cadangan yang lain. Jadi....

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Chun panjang lagi ke sebab menteri hendak minta izin hendak bertolak lebih awal mahu pergi ke Penang.

Puan Siw Chun a/p Eam: Kelmarin menteri sudah beritahu saya jadi saya habiskanlah dalam dua tiga minit ya. Jadi apa yang ingin saya cadangkan kepada pihak kerajaan supaya kerajaan melalui Bank Negara untuk memantau dan mendapat laporan yang terperinci daripada semua firma insurans yang terlibat dalam *investment link*. Dan sekiranya firma-firma insurans ini telah melanggar undang-undang, menganiayakan rakyat lesen mereka haruslah digantungkan. Saya cuma hendak tanya pihak kerajaan lesen untuk menubuhkan satu firma insurans adalah dia bagi sepuluh tahun sekali ke atau setahun *renew* sekali pembaharuan. Saya kalau boleh saya ingin mencadangkan supaya pembaharuan itu dibuat dari tahun ke setahun supaya kita pihak kerajaan melalui Bank Negara dapat memantau dan mungkin ambil tindakan kepada firma insurans yang tidak mengikut syarat. Jadi itu sahaja pandangan dan cadangan saya dan dengan kata-kata itu saya memang setuju dan menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: [*Bangun*]

Datuk Haji Karim Ghani: Boleh singkatkan sedikit masa.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya hendak bahaskan rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Insurans (Pindaan) 1956. Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini ada satu yang dicadangkan iaitu *financial advisor*, penasihat kewangan. *Financial advisor* kalau tengok perkataan itu, itu '*financial*', 'nasihat' berkenaan dengan kewangan tetapi apa yang dicadangkan itu hanya berkenaan dengan insurans, so nampaknya *title* dia sangat besar *as a 'financial advisor'*, 'penasihat kewangan' tetapi apa yang boleh dibuat hanya menasihati berkenaan dengan insurans sahaja. Nampaknya antara *name and actual* itu,

nama dengan apa yang dibagi kuasa itu adalah tidak seimbang. Mungkin kerana ada satu akta iaitu Akta Perindustrian Sekuriti di mana *investment advisor*, penasihat ini buat laporan telah mengehadikan *financial planner* yang boleh digunakan kerana ada Akta Perindustrian Sekuriti, di mana kalau hendak pakai lagi satu nama adalah yang lain iaitu untuk insurans sebenarnya *should be the insurance financial advisor* tetapi nampaknya ini digunakan tetapi kuasanya adalah terhad. *So we didn't call a spade a spade* dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua.

Yang satu lagi yang kalau saya tengok *the outflow*, saya hendak tengok *the outflow*, aliran keluar bersih sebagai peratusan premium ke luar negara, premium yang keluar dari Malaysia adalah 42.9%. Kedudukan aliran insurans sebenar semula bersih. Nampaknya keluaran wang premium yang diberi oleh orang yang membeli insurans itu banyak yang keluar dari Malaysia. Saya hendak tahu berapa peratusan untuk semua insurans yang masih berada di pertubuhan di Malaysia dan berapa peratusan yang telah mengalir keluar *especially reinsurance*.

Tuan Yang di-Pertua lagi satu juga berkenaan dengan ejen insurans. Sekarang ini ejen insurans itu dipanggil *tied insurance - T-I-E-D - tied insurance*. Maka satu ejen insurans itu tidak boleh jadi ejen satu syarikat insurans sahaja tetapi di UK, United Kingdom, satu ejen insurans itu yang boleh mewakili beberapa syarikat insurans. Ini akan bermanfaat kepada pengguna bahawa ejen itu boleh mencadangkan dan menasihatkan pengguna bahawa insurans mana yang dia boleh ambil dan kerana juga sekarang ini syarikat-syarikat yang agak, syarikat-syarikat yang dipunyai oleh orang asing adalah yang menguasai bidang insurans yang kebanyakan polisi itu diambil bawah syarikat ini. Kalau ada *multi-type insurance, multi-type insurance* itu satu ejen boleh mewakili beberapa syarikat maka kita boleh bagi. Kalau dia adalah ejen satu syarikat insurans yang dikuasai oleh orang asing maka kita akan beritahu *you* ambil lagi satu insurans atau dua syarikat insurans - insurans ejen inilah - untuk syarikat tempatan. Dengan cara ini maka ejen itu boleh juga mewakili beberapa syarikat insurans dan boleh menambahkan premium-premium yang dibayar untuk syarikat-syarikat insurans tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah amat gembira yang kita tengok ada berkenaan dengan profesionalisme ejen iaitu profesionalisme tenaga agensi itu, sekarang sudah

ada satu keperluan kemasukan minimum iaitu SPM dan juga mereka pasti mengambil peperiksaan pra-kontrak bagi ejen insurans dan ini adalah satu kemajuan yang agak baik.

Dari segi perkembangan insurans saya minta kalau kementerian boleh menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menjadi insurans yang lebih besar seperti bank-bank, seperti Maybank itu kerana *reinsurance* selalunya yang kita bawa ke luar negeri kalau ada satu dan dua syarikat insurans yang besar mungkin *reinsurance* itu boleh dikumpul dan juga disimpan di Malaysia juga, tidak dikeluarkan premium itu.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Karim Ghani]: Sila.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Sekarang terdapat semua polisi insurans dalam bahasa Inggeris dan pelanggan untuk insurans dia bukan semuanya tahu baca bahasa Inggeris dan kadangkadangkang mereka pun ingat kertas biasa sahaja. Sebenarnya polisi itu macam geran kereta. Bila apa-apa terjadi polisi itu memang penting. Jadi saya kalau boleh saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh polisi insurans diadakan dua bahasa iaitu bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris supaya kebanyakan orang kampung depa tidak faham tambah-tambah lagi dalam polisi itu ada perkataan-perkataan English yang memang depa tidak faham langsung isi kandungannya. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Lee Sing Chooi: Ya Tuan Yang di-Pertua saya setuju kalau.....

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Tuan Lee, kalau boleh dipercepatkan sedikit.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya. Saya setuju kalau pelanggan yang *sign* itu dia tidak faham apa-apa, itu adalah satu yang tidak betul. Saya setuju dibuat dua bahasa. Dan juga apa syarat-syarat yang akan di"*sign*" itu adalah tanggungjawab kementerian juga mengadakan satu *standard* untuk insurans-insurans itu. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong kepada rang undang-undang yang dicadangkan. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Dato' Ikhwan, ambil *points* yang penting sahaja.

12.10 tgh.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk membahaskan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Insurans 1996. Sebenarnya saya hendak sentuh hanya mengenai aspek definisi penasihat ataupun perunding kewangan, dengan izin, *financial consultants or financial advisors*.

Sebenarnya dari segi insurans pada pandangan saya kita ini membeli perlindungan dan ada juga pandangan, bermakna sebenarnya apabila beli insurans kita beli perlindungan yang maksimum dengan premium yang minimum. Jadi apabila kita buat begitu dan apabila kita kata insurans hayat, ada pula *whole life*, maknanya seumur hidup, dengan izin, *life term* di mana kita setuju membayar dalam beberapa tahun sahaja. Unsur-unsur pelaburan dimasukkan sebagai satu *marketing method*, dengan izin, dari segi *company insurance*.

Jadi pada pandangan saya apabila kita masukkan unsur-unsur perunding, unsur-unsur penasihat, saya amat setuju kalau kerajaan mengambil serius tentang mereka yang memberi nasihat, kerana memang ramai yang menelefon ataupun yang cuba mendapatkan klien dengan mengatakan mereka ini adalah penasihat kewangan dan sebagainya, sekarang pun. Dan untuk kita memikirkan sahaja penasihat undang-undang dalam dunia yang penuh cabaran ini, memang peluang pelaburan pun begitu banyak sekali.

Jadi kalaulah ejen-ejen insurans ini mengatakan mereka ini boleh memberi nasihat, kita kena tengok dengan lebih serius kerana kita menganggapkan apabila kita ke insurans itu selalunya kita membeli perlindungan, pada saya. Kita juga boleh melabur di banyak tempat termasuklah di bank-bank dan di situ juga tentulah sudah ada penasihat dan juga perunding kewangan.

Jadi definisi ini, mungkin ejen tetap ejen pada saya. Mungkin dalam agensi-agensi ini kita mesti ada seorang yang sebagai dengan izin, *certified financial planner*. Saya difahamkan ada juga, dengan izin, *institute of financial planners* yang di mana kelayakannya diterima sebagai kelayakan yang agak tinggi statusnya, yang datangnya daripada negara England. Jadi pada saya ramai yang apabila menghubungi klien-klien ini mereka mengatakan dari segi menasihati.

Jadi kalau ramai tidak faham yang dari segi insurans itu sebenarnya adalah membeli perlindungan. Ini boleh mengakibatkan saya tahu kes-kes di mana ramai membeli insurans, tahanlah mungkin setahun atau dua tahun, kemudiannya tidak boleh bayar, terus keluar. Jadi kerugian memanglah kepada pembeli, tetapi pada masa yang sama kalaulah pada awal-awal lagi diambil kira semua ini, sudah beli perlindungan maksimum dengan premium yang minimum mungkin dia akan dapat meneruskan pembelian ini.

Jadi mengambil kira nasihat Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak mementingkan perkara itu dan saya harap pihak kerajaan betul-betul serius mengambil kira definisi penasihat ataupun perunding. Dengan kata-kata itu saya...

Tuan Lee Sing Choo: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih, pendek sahaja. Ini berkenaan definisi juga yang tadi Yang Berhormat cakap, berkenaan penasihat kewangan tidak ada satu-satu kategori penasihat kewangan, kita juga ada ejen sekarang ini. Bolehkah ejen menjadi penasihat kewangan? Itu satu masalah, satu pertanyaan. Juga sekarang kita ada doktor, doktor boleh *prescribe* dan juga *pharmacist* yang bagi kita ubat-ubat di luar negeri, tetapi di sini doktor kita boleh *prescribe* dan bagi ubat kerana bilangan *pharmacists* itu kurang.

Kalau bilangan, nampaknya ini satu kategori yang baru, bilangan penasihat kewangan itu agak tidak cukup. Bolehkan ejen sekarang ini menjadi penasihat kewangan? Terima kasih.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju kalau pengkhususan diberi kepada kategori-kategori tertentu. Macam saya kata tadi, ejen tetap jadi ejen. Kerja mereka mencari pelanggan tetapi untuk memberi nasihat yang khusus, mereka haruslah menjadi mereka yang berkelayakan agar pelanggan-pelanggan bukan ditipu tetapi tidak membeli barangan yang tidak diperlu. Maksud saya begitulah.

Jadi dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong suatu akta untuk meminda Akta Insurans 1996. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih. Minta menteri menjawab.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Karim Ghani: Minta maaf, masa sudah terlalu singkat sangat sebab Yang Berhormat Dato' hendak berangkat.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Okeylah, saya setuju.

12.17 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005 ini. Terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak mengambil bahagian kerana telah memendekkan perdebatan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang kita bincangkan dan yang kita bahaskan ini ialah untuk mewujudkan satu lagi kategori dari segi industri insurans ini iaitu penasihat kewangan. Penasihat kewangan kalau ikut definisinya ialah syarikat dan syarikat ini melantik wakil penasihat kewangan dan wakil penasihat kewangan ini adalah mereka yang ada kelulusan yang tertentu yang akan ditentukan oleh Bank Negara.

Saya hendak menjawab Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dahulu tentang adakah ejen boleh menjadi penasihat kewangan. Sekarang ini saya difahamkan ada terdapat lebih daripada 80 ribu ejen insurans yang *attached*, dengan izin, kepada syarikat-syarikat insurans. Mereka ini kalau ada kelulusan yang ditetapkan oleh Bank Negara, mereka mengambil peperiksaan yang ditentukan, maka mereka boleh menjadi wakil penasihat kewangan. Mereka boleh tubuhkan syarikat penasihat kewangan dan mereka juga boleh jadi wakil penasihat kewangan. Maknanya kalau ada kelulusan yang tertentu. Kalau tidak, dia tidak boleh jadi wakil, dia cuma boleh terus menjadi ejen biasa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah dan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim menyentuh tentang pindaan Akta Insurans tidak memberi butiran lanjut mengenai kelayakan yang mesti dimiliki oleh wakil penasihat kewangan. Kelayakan minimum kemasukan yang diperlukan untuk menjadi wakil penasihat kewangan, siapakah yang akan memantau standard profesional penasihat kewangan sama ada graduan yang baru tamat pengajian boleh menjadi wakil penasihat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, wakil penasihat kewangan yang dilantik oleh syarikat penasihat kewangan tadi dikehendaki mempunyai kelayakan yang sewajarnya, yang akan ditetapkan oleh Bank Negara melalui garis panduan bagi memastikan mereka mempunyai tahap kecekapan yang diperlukan untuk memberi nasihat kewangan kepada pengguna. Dalam hubungan ini Program Perancang Kewangan Berdaftar (Registered Financial Planner) yang dianugerahkan oleh Majlis Perancang Kewangan Malaysia (Malaysia Financial Planning Council) akan dijadikan sebagai standard profesional bagi penasihat kewangan.

Dalam hal ini Malaysia Financial Planning Council (MFPC) akan memantau standard profesional bagi penasihat kewangan. Graduan-graduan yang mempunyai kelayakan yang telah ditetapkan adalah layak untuk dipertimbangkan sebagai penasihat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Dato' Dr. Chin Fook Weng bertanya tentang syarikat-syarikat insurans yang mengenakan skim jaminan modal ataupun *capital guarantee scheme* di mana pulangnya adalah tidak baik. Bagi produk insurans, modal terjamin ataupun *capital guaranteed insurance scheme*, pelaburan seseorang memegang polisi ini adalah terjamin. Pelanggan skim tersebut adalah tidak setinggi seperti produk ekuiti yang lain kerana kebanyakan daripada pelaburan skim ini adalah dalam sekuriti pendapatan tetap ataupun *fixed income securities* yang mempunyai risiko yang rendah. Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin Fook Weng, sekiranya wakil penasihat kewangan dibayar komisen oleh syarikat insurans, ini akan mewujudkan isu konflik kerana wakil penasihat kewangan akan hanya menjual produk syarikat insurans yang memberikan komisen yang tertinggi. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sesuatu skala fi bagi penasihat kewangan?

Pada kebiasaannya, para pengguna tidak mahu membayar fi kepada penasihat kewangan dengan menggunakan wang mereka sendiri. Penasihat kewangan akan menerima ganjaran dalam bentuk komisen di mana syarikat insurans akan membayar komisen kepada penasihat kewangan dan menjual produk insurans mereka. Ini adalah selaras dengan pengalaman di pasaran luar negeri. Memandangkan kadar komisen akan ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, maka penasihat kewangan tiada insentif

untuk memilih produk syarikat insurans tertentu berbanding dengan syarikat insurans yang lain. Oleh yang demikian, isu konflik tidak akan wujud dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Dato' Dr. Chin Fook Weng bertanya tentang adakah fi, caj dan kos bagi produk insurans dikawal oleh pihak Bank Negara Malaysia? Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 142 Akta Insurans 1996 mengehendaki kesemua produk insurans yang baru dan produk insurans hayat yang baru dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia sebelum ia boleh dipasarkan kepada orang ramai. Di samping itu, aktuari syarikat insurans perlu mengesahkan penentuan kadar premium termasuk caj untuk memastikan bahawa produk insurans direka bentuk secara berhemat. Bank Negara Malaysia akan memastikan fi dan caj yang dikenakan adalah berpatutan supaya pada akhir tempoh polisi, caj-caj yang berlebihan tidak akan mengurangkan polisi dan tidak akan mengurangkan modal yang dilaburkan oleh pemegang polisi.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh tentang Seksyen 184(4) Akta Insurans 1996 melarang penasihat kewangan berlesen daripada merundingkan sesuatu kontrak insurans dengan sesuatu syarikat insurans yang tidak dilesenkan di bawah akta ini dan bolehkah penasihat kewangan menawarkan produk-produk kewangan negara lain yang berpotensi memberi pulangan yang lumayan? Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Seksyen 184(4) Akta Insurans 1996 adalah bertujuan untuk melindungi pengguna-pengguna di Malaysia daripada tertipu dengan jaminan-jaminan pulangan yang ditawarkan daripada syarikat-syarikat insurans yang tidak dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996. Walaupun Bank Negara Malaysia tidak membenarkan penasihat kewangan untuk memasarkan produk yang ditawarkan oleh syarikat insurans asing, pihak kerajaan tidak boleh mengawal pengguna dari membeli produk kewangan secara langsung dari luar negeri. Namun demikian, pengguna perlu menanggung sendiri sebarang risiko yang bakal dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Dato' Dr. Chin Fook Weng bertanya, apakah kriteria yang akan diguna pakai oleh Bank Negara Malaysia semasa meluluskan wakil penasihat kewangan di bawah pindaan Seksyen 70 Akta Insurans 1996. Tuan Yang di-Pertua, bagi wakil penasihat kewangan Bank Negara Malaysia akan mengambil kira antaranya seperti berikut; kelayakan profesional dan berpengalaman bekerja dalam bidang perancangan kewangan dan lain-lain kriteria layak dan sesuai termasuk reputasi,

keperibadian dan kejujuran. Apakah penalti yang akan dikenakan sekiranya penasihat kewangan melantik wakil penasihat kewangan tanpa kelulusan Bank Negara Malaysia. Seksyen 203 Akta Insurans 1996 memperuntukkan bahawa seseorang yang gagal untuk mematuhi sesuatu peruntukan akta ini akan dikenakan denda sebanyak RM500,000 atau dan penjara selama enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Dato' Dr. Chin Fook Weng bertanya apakah perlindungan yang diberikan kepada para pengguna jika didapati mereka telah melaburkan wang dengan seseorang yang menjalankan perniagaan penasihat kewangan tanpa lesen? Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 188 Akta Insurans 1996 mengehendaki mana-mana orang yang menjalankan perniagaan nasihat kewangan tanpa lesen untuk memulangkan wang yang diperolehnya kepada pengguna. Merujuk kepada Seksyen 188(2) Akta Insurans 1996 para pengguna yang kehilangan wang pelaburan mereka boleh membuat sesuatu permohonan kepada Bank Negara Malaysia dan selepas Bank Negara Malaysia menimbangkan permohonan itu boleh membuat sesuatu perintah yang mengarahkan orang yang menjalankan nasihat kewangan tanpa lesen supaya memulangkan amaun kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Jins Shamsudin bertanya bagaimana untuk mengelakkan penipuan oleh ejen insurans? Tuan Yang di-Pertua, pengguna mesti memastikan mereka hanya berurusan dengan ejen yang berdaftar. Pengguna mesti meminta ejen menunjukkan kad pendaftaran agensi bagi memastikan ejen itu adalah berdaftar. Di samping itu, sebagai langkah untuk meningkatkan profesionalisme ejen insurans, Bank Negara Malaysia telah pun memperkenalkan beberapa langkah seperti berikut;

- (i) bagi meningkatkan profesionalisme ejen insurans, keperluan kemasukan minimum bagi tenaga agensi telah dinaikkan kepada SPM. Di samping itu, keperluan latihan minimum 30 jam di bawah Program Pembangunan Profesional Berterusan setiap tahun bagi tenaga agensi hayat dikenakan sebagai sebahagian daripada program pendidikan berterusan bagi ejen insurans;
- (ii) garis panduan mengenai amalan nasihat wajar bagi perniagaan insurans hayat ataupun *guidelines on "Proper Advice Practices for*

Life Insurance Business” telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada Oktober 2003. Ini meletakkan standard minimum bagi nasihat wajar dan proses berstruktur bagi penjualan produk insurans hayat oleh ejen. Ejen insurans dikehendaki mendapatkan maklumat yang cukup mengenai bakal pemegang polisi sebelum memberikan nasihat yang wajar mengenai kesesuaian sesuatu produk.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar bertanya bagaimana pengawalseliaan industri perancangan kewangan diselaraskan di antara Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti untuk mengelakkan kekeliruan. Tuan Yang di-Pertua, industri perancangan kewangan akan dikawal selia berdasarkan pengawalan fungsian (*functional regulation*) di mana penasihat kewangan yang memberi nasihat berkaitan produk insurans akan diletakkan di bawah Skop Akta Insurans 1996 dengan Bank Negara Malaysia sebagai pengawal yang utama (*primary regulator*). Penasihat kewangan akan tertakluk kepada keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Hanya dalam aspek khidmat nasihat pelaburan ataupun *investment advisory and services* sekiranya penasihat kewangan tersebut ingin memberikan khidmat tersebut. Pendekatan pengawalan fungsian ini telah dipersetujui dalam mesyuarat dua hala di antara Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti bagi memastikan tiada jurang dan pertindihan industri pelancongan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Dato' Dr. Chin Fook Weng bertanya apakah langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan seorang wakil penasihat kewangan yang telah berhenti tetapi dia masih berurusan dengan pelanggan-pelanggan? Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan garis panduan bagi memastikan wakil penasihat kewangan yang telah ditamatkan perkhidmatan daripada berurusan dengan pelanggan. Antara lain, penasihat kewangan dikehendaki memaklumkan kepada pelanggan wakil penasihat kewangan yang telah diberhentikan bahawa wakil tersebut tidak lagi mewakili syarikat nasihat kewangan dan pelanggan-pelanggan tersebut hendaklah terus berurusan dengan syarikat nasihat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Haji Roslan bin Awang Chik bertanya apakah langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia bagi memastikan tuntutan-tuntutan

polisi dibayar dalam tempoh masa yang sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah pun mengeluarkan dan mengemaskinikan garis panduan mengenai amalan penyelesaian tuntutan bagi membaiki proses tuntutan insurans oleh penanggung insurans iaitu syarikat insurans serta memastikan layanan yang adil bagi pihak yang menuntut.

Di antara lain garis panduan berkenaan menetapkan jangka masa yang dibenarkan bagi setiap proses tuntutan serta amalan untuk mengurangkan risiko penipuan tuntutan. Amalan kurang sihat dan tidak beretika seperti pembaikan secara kontrak dan kereta potong adalah dilarang.

Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit. Jikalau terdapat mana-mana syarikat insurans yang tidak mematuhi, di manakah pemegang-pemegang polisi ini boleh membuat aduan, adakah tempat-tempat yang tertentu yang disediakan oleh pihak kerajaan. Dalam kita membuat aduan-aduan ini dan berapa lamakah aduan ini akan diambil tindakan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada kes-kes di mana tuntutan atau pihak yang menuntut tidak berpuas hati terhadap syarikat insurans maka mereka bolehlah membuat aduan kepada pengawal kepada syarikat insurans atau kepada industri insurans ini iaitu Bank Negara sendiri dan segala tuntutan hendaklah mengikut garis panduan yang telah pun dikeluarkan oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siw Chun berpendapat adalah tidak wajar syarikat insurans enggan memperbaharui insurans perubatan selepas pemegang polisi membuat tuntutan, walaupun pemegang-pemegang polisi ini telah dan selama ini membayar premium insurans, ini berkenaan dengan *investment link* tadi. Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia sedang mengkaji semula panduan pengunderaitan insurans perubatan dan pembedahan yang menjadi panduan amalan terbaik bagi pengunderaitan polis insurans perubatan untuk mengelakkan layanan yang lebih saksama terhadap pemegang polisi sambil memastikan amalan pengunderaitan berhemat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siw Chun juga mencadangkan polisi insurans dibuat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Pada masa ini polisi

insurans telah pun dilaksanakan dalam dua bahasa, sudah ada. Mungkin mereka mengambil *shortcut* dan dia tidak buat yang sepatutnya, di mana ia kena ada dua bahasa, Bahasa Inggeris dengan Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Wan Ubaidah bertanya mengapakah dana-dana Islam yang diperkenalkan oleh syarikat insurans mengikut *investment link insurance* walaupun mengikut undang-undang syariah tetapi bukanlah suatu produk Takaful. Tuan Yang di-Pertua, setengah dana insurans berkaitan pelaburan yang dilaburkan dalam ekuiti-ekuiti yang mematuhi prinsip-prinsip syariah. Produk-produk tersebut bukanlah merupakan produk Takaful. Dalam hubungan ini Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan arahan kepada syarikat-syarikat insurans supaya menyatakan dengan jelas dalam brosur bahawa produk-produk tersebut bukanlah produk Takaful.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi menyentuh tentang ejen insurans seharusnya jika dibenarkan untuk mewakili beberapa syarikat insurans atau *multi-type agent*. Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini penasihat kewangan boleh menjual produk insurans pelbagai syarikat. Kalau amalan biasa sekarang ini, ejen-ejen ini adalah terikat dengan syarikat-syarikat insurans yang tertentu, tetapi bagi penasihat kewangan mereka boleh menasihatkan mana-mana produk yang dibawa oleh mana-mana syarikat insurans Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian Yang Berhormat Lee juga bertanyakan apakah peratusan aliran keluar (*outflow*) premium insurans semula (*reinsurance*) dari Malaysia dan peratus aliran yang masuk. Tuan Yang di-Pertua, jumlah premium insurans am semula yang ditempatkan di luar Malaysia adalah sebanyak RM962.3 juta. Dalam hubungan ini, tahap perlindungan bersih (*net retention*) keseluruhan telah meningkat kepada 87.8 peratus pada tahun 2004. Untuk meningkatkan tahap perlindungan, satu skim risiko besar untuk kursus telah diperkenalkan pada tahun 1993 bagi membolehkan penglibatan penuh penanggung insurans Malaysia dalam penentuan kadar terma dan syarat untuk penempatan risiko besar insurans dan insurans semula bagi meningkatkan lagi kapasiti insurans semula tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja gulungan ini dan saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Haji Karim Ghani *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
SYARIKAT KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI 2005**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Haji Karim Ghani: Sila menteri yang berkenaan minta beri huraian.

12.50 ptg

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama Akta Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang

Undang-Undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005, dicadangkan adalah bagi melaksanakan keputusan kerajaan untuk;

- (a) menyediakan suatu persekitaran yang boleh menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat aktiviti kapal layar antarabangsa, *international yachting center*, dengan izin, yang pertama di rantau ini dan setanding dengan pusat-pusat aktiviti kapal layar antarabangsa yang terkenal seperti di kawasan Mediterranean, kepulauan Caribbean dan Florida.
- (b) mewujudkan sebuah rejim seumpama rejim luar pesisir (*offshore*) di Langkawi agar faedah-faedah daripada rejim luar pesisir ini dipanjangkan kepada syarikat yang diperbadankan di Langkawi khusus untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan kapal layar.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif untuk mewujudkan satu regim pendaftaran *yacht* atau kapal layar ini telah dimulakan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia hasil dari inisiatif Kementerian Pengangkutan ini sebuah akta yang dikenali sebagai Akta *Langkawi International Yacht Registry Act 2003 [Akta 630]* LIYRA telah digubal bagi membolehkan penubuhan dan penswastan pusat pendaftaran kapal layar dan entiti kapal layar tersebut dilaksanakan. Di bawah LIYRA fungsi pendaftar telah diwakilkan kepada sepasukan perunding asing yang berpengalaman dalam industri dan aktiviti rekreasi kapal layar dan hal-hal perundangan yang berkaitan dengannya melalui sebuah perjanjian konsesi yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia. Selain daripada melaksanakan sistem pendaftaran kapal layar dan entiti kapal layar di bawah LIYRA adalah juga dicadangkan agar rejim seumpama rejim luar pesisir dipanjangkan kepada syarikat yang diperbadankan di Langkawi khusus untuk menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan kapal layar.

Cadangan ini akan dapat memberikan kemudahan, dengan izin, *one-stop center* kepada komuniti, pemilik dan syarikat kapal layar *yachting fraternity* bagi semua keperluan dan aktiviti yang melibatkan industri tersebut. Tuan Yang di-Pertua,

memandangkan rang undang-undang yang akan dicadangkan ini adalah berhubung dengan pemerbadanan sebuah syarikat, maka Jemaah Menteri telah membuat keputusan pada mesyuaratnya yang telah diadakan pada 13 Oktober 2004 agar fungsi berdaftar di bawah rang undang-undang yang dicadangkan ini diberikan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang ketika ini merupakan sebuah badan berkanun yang mengawal selia Akta Syarikat 1995 dan lain-lain perundangan yang berkaitan dengan pemerbadanan syarikat. Tatacara pelaksanaan cadangan sistem perbadanan syarikat kapal layar ini melibatkan penggubalan satu akta baru yang mengandungi peruntukan bagi membolehkan penubuhan satu sistem pendaftaran untuk perbadanan syarikat di Langkawi, khusus untuk menjalankan perniagaan atau aktiviti berkaitan kapal layar.

Selain itu, peraturan-peraturan berkaitan *subsidiary registration*, dengan izin, akan kemudiannya disediakan bagi menetapkan secara terperinci perkara-perkara teknikal dan prosedur yang hendak dilaksanakan bagi melengkapkan akta ibu. Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang pemerbadanan syarikat sedia ada iaitu di bawah Akta Syarikat 1965 Akta 125, pemerbadanan sebuah syarikat di bawah akta ini akan mewujudkan sebuah entiti yang diiktiraf oleh undang-undang sebagai mempunyai personaliti yang sah dan boleh bertransaksi di sisi undang-undang. Akta 125 menyatakan pelbagai keperluan, pematuhan perundangan yang harus dipatuhi oleh syarikat-syarikat yang diperbadankan di bawah akta ini. Walau bagaimanapun, seperti yang dijelaskan di atas bagi memastikan perwujudan suatu persekitaran bagi menarik syarikat asing dan tempatan agar menjalankan aktiviti kapal layar mereka di Langkawi maka perundangan sedia ada di bawah Akta 125 yang memperuntukkan pelbagai kehendak pematuhan perundangan didapati tidak sesuai untuk menampung konsep pemerbadanan syarikat kapal layar.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan pelbagai kelonggaran pematuhan yang antara lainnya seperti berikut:

Satu, membuka pemerbadanan syarikat kapal layar di Langkawi ini kepada rakyat tempatan atau asing atau syarikat-syarikat asing yang menjalankan aktiviti berkaitan kapal layar dan memberikan kelonggaran kepada syarikat kapal layar yang diperbadankan di bawah perundangan yang dicadangkan ini, sebagaimana yang diberikan kepada syarikat-syarikat pesisir pantai yang diperbadankan di bawah *Offshore*

Companies Act 1990 di Labuan, seperti contoh membenarkan pelantikan hanya seorang pengarah, tidak mewajibkan pelantikan pengarah residen, pengecualian audit dan membenarkan perpindahan *domicile* syarikat asing ke Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua Rang, Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 ini mencadangkan 10 bahagian yang dipecahkan kepada 127 klausa yang antara lainnya adalah seperti berikut:

- (i) Bahagian ini memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang disebut Akta Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 melalui pemberitahuan di dalam warta. Bahagian ini juga mencadangkan satu takrif beberapa perkataan dan ungkapan tertentu yang dipakai di dalam rang undang-undang ini. Antara yang penting adalah berkenaan takrif perbadanan yang selain merujuk kepada syarikat Langkawi. Ia juga merangkumi syarikat tempat domestik atau syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia;
- (ii) jenis-jenis aktiviti yang dibenarkan bagi syarikat Langkawi yang terhad kepada aktiviti yang berkaitan dengan kapal layar sahaja, yang maksudnya pemunya kapal layar, pemunya pesawat udara, terutamanya helikopter yang di bawa di atas kapal layar, pengurusan kapal layar, pengambilan dan latihan anak-anak kapal dan kapal layar, pencatatan kapal layar, pembrokeran kapal layar atau selainnya, pemasaran, aktiviti kemudahan atau rekreasi atau percutian berkaitan kapal layar, pembekalan dan perkhidmatan kapal layar, perkhidmatan keselamatan kapal layar atau apa-apa perniagaan yang berkaitan dengan selaras dengan kapal layar dan pelayaran sebagaimana yang ditentukan oleh pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II - mengandungi peruntukan berkaitan dengan pentadbiran akta ini dan perkara-perkara yang berkaitan penyerahan atau pemfailan dokumen dengan pendaftar klausa 12 menyatakan bahawa segala permohonan,

penyerahan pemfailan dan pengeluaran salinan dokumen daripada pendaftar hendaklah dibuat melalui entiti pengurusan yang diberikan kuasa oleh menteri di bawah klausa 102. Bahagian ini juga menyatakan kuasa pendaftar yang meluluskan juruaudit dan pelikuidasi bagi syarikat-syarikat Langkawi.

Bahagian III - Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pemerbadanan syarikat kapal layar. Bahagian ini terbahagi kepada dua penggal iaitu penggal satu menyatakan peruntukan berkaitan dengan penubuhan dan pendaftaran syarikat-syarikat Langkawi yang terdiri daripada syarikat yang terhad mengikut syer sahaja. Klausa 22 dan 23 membenarkan sebuah syarikat asing yang menjalankan aktiviti kapal layar memohon pada pendaftar kebenaran untuk berpindah dan didaftarkan di bawah akta ini dan jika didaftarkan ia disifatkan sebagai suatu syarikat Langkawi ber*domicile* di Langkawi tanpa menjejaskan kewujudan syarikat itu. Kedua pula memperuntukkan berkenaan status dan nama sesuatu syarikat Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV - cadangan yang berikutnya adalah di bahagian IV yang mengandungi peruntukan berhubung dengan terbitan syer-syer dan daftar gadaian. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga penggal iaitu penggal satu adalah berhubung dengan menumpukan dan urus niaga mengenai syer-syer suatu syarikat Langkawi. Klausa 47 menyatakan bahawa terbitan syer-syer adalah terhad hanya kepada tawaran yang memberikan kepada pemegang syernya hak untuk menggunakan mana-mana kemudahan rekreasi dan aktiviti percutian yang berkaitan dengan kapal layar yang dipunyai oleh syarikat yang membuat tawaran tersebut.

Penggal dua adalah berhubung dengan hak milik dan pemindahan syer-syer dan kepentingan satu syarikat Langkawi. Klausa 48 menyatakan jenis syer yang diterbitkan oleh suatu syarikat Langkawi. klausa 51 membenarkan satu syarikat Langkawi mempunyai suatu meterai syer bagi maksud-maksud perakuan syernya. Klausa 53 mengehendaki satu syarikat Langkawi mengeluarkan perakuan syer dalam tempoh dua bulan selepas mengumpulnya dan untuk menyempurnakan apa-apa pemindahan syer dalam tempoh satu bulan.

Perenggan tiga adalah berhubung dengan daftar gadaian di mana klausa 55 mengehendaki suatu Syarikat Langkawi menyenggara suatu daftar gadaian dan menyimpan satu salinan tiap-tiap surat cara yang mewujudkan suatu gadaian di pejabat pendaftarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V - Bahagian V pula mengandungi peruntukan berkenaan dengan pengurusan dan pentadbiran sesuatu Syarikat Langkawi. Bahagian dibahagikan kepada lima penggal iaitu penggal satu adalah berhubung dengan pejabat pendaftar dan mengehendaki nama sesuatu Syarikat Langkawi dipamerkan di luar pejabat dan di semua dokumen-dokumen syarikat. Penggal dua adalah berhubung dengan pelantikan dan kewajipan-kewajipan pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai Syarikat Langkawi.

Klausa 58 menyatakan bahawa setiap Syarikat Langkawi dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah. Di bawah klausa ini seseorang pengarah tidak boleh mendedahkan atau menggunakan untuk apa-apa tujuan atau apa-apa maklumat yang didapatinya disebabkan oleh jawatannya kecuali jika dia dikehendaki oleh undang-undang untuk berbuat demikian.

Klausa 62 menghendaki seorang pengarah mendedahkan kepentingannya dalam apa-apa kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan Syarikat Langkawi yang dia adalah seorang pengarah.

Klausa 63 menjadikannya kewajipan setiap pegawai suatu Syarikat Langkawi untuk bertindak dengan jujur dan penuh keusahawanan dan melarangnya daripada menggunakan secara tidak patut apa-apa maklumat yang diperolehinya disebabkan oleh jawatannya untuk mendapatkan kebaikan bagi dirinya atau bagi orang-orang lain.

Klausa 68 menyatakan tentang perlantikan setiausaha yang boleh melebihi daripada seorang tetapi seorang daripadanya hendaklah pegawai entiti pengurusan.

Klausa 65 mengehendaki sesuatu Syarikat Langkawi menyimpan satu daftar pengarah dan pegawai yang mana hendaklah mengandungi nama penuh dan alamat kediaman biasa seseorang pengarah atau pegawai.

Perenggan tiga adalah mengenai perkara-perkara berkenaan mesyuarat anggota dan prosiding mesyuarat.

Klausa 67 memberi kuasa kepada pengarah-pengarah Syarikat Langkawi untuk memanggil mesyuarat anggota apabila difikirkan perlu atau atas permintaan lebih daripada 10 anggota atau anggota-anggota yang memegang tidak kurang daripada 1/10 modal berbayar. Klausa ini juga mengiktiraf mesyuarat yang diadakan melalui telefon dan elektronik *line*. Penggal empat adalah berhubung dengan daftar anggota-anggota dan penggal lima adalah berhubung dengan penyata yang dikehendaki disenaraikan oleh suatu Syarikat Langkawi kepada pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI Rang undang-undang yang dicadangkan ini pula memperkatakan tentang akuan dan audit dan adalah dibahagikan kepada dua penggal iaitu penggal satu adalah berhubung dengan akuan di mana klausa 81 mengehendaki suatu Syarikat Langkawi menyimpan rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sesuai dan hendaklah terbuka untuk pemeriksaan pengarah-pengarah syarikat itu dan mana-mana juruaudit yang bertindak bagi seorang pengarah.

Klausa 82 menyatakan bahawa tertakluk kepada klausa 85, pengarah Syarikat Langkawi hendaklah membentangkan akuan akaun diaudit atau tidak diaudit syarikat di suatu mesyuarat anggota tidak lebih dari sembilan bulan selepas tarikh setakat mana akaun-akaun itu dibuat kecuali jika kesemua ahli-ahli membuat ketetapan bahawa akaun pada tahun tertentu tidak perlu dibentangkan pada tahun kewangan tersebut dan penggal dua adalah berhubung dengan pengauditan akaun. Keperluan audit adalah tertakluk kepada klausa 85 yang memperuntukkan dua keadaan di mana audit tidak diperlukan iaitu pertama dalam keadaan di mana suatu Syarikat Langkawi tidak menerbitkan pelawaan atau mengedarkan borang permohonan kepada awam untuk membeli *share* Syarikat Langkawi tersebut. Keduanya, apabila anggota syarikat tersebut telah memutuskan bahawa pelantikan juruaudit tidak diperlukan berkenaan dengan setiap tahun kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII. Cadangan yang seterusnya adalah bahagian tujuh yang memperkatakan mengenai perkiraan dan penyusunan semual sebuah Syarikat Langkawi.

Klausa 91 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berkenaan dengan pengawasan dan pengawalan transaksi pengambilalihan dan percantuman Syarikat Langkawi.

Manakala Bahagian VIII pula menyatakan tentang syarikat-syarikat asing.

Klausa 93 membolehkan suatu syarikat asing yang bertujuan mengadakan suatu tempat perniagaan atau menjalankan aktiviti berkaitan kapal layar di Langkawi didaftarkan sebagai sebuah Syarikat Langkawi asing. Syarikat tersebut hendaklah menyerahkan kepada pendaftar dokumen-dokumen tertentu termasuklah salinan diperakui perakuan pemerbadanannya, memorandum dan perkara-perkara dan senarai pengarah-pengarah dan pegawai-pegawainya apabila suatu Syarikat Langkawi asing ini telah didaftarkan. Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan kepada syarikat itu dan hendaklah menjadi keterangan konklusif mengenai pendaftarannya.

Klausa 94 melarang sesuatu Syarikat Langkawi asing daripada menjalankan apa-apa perniagaan atau aktiviti di Langkawi yang Syarikat Langkawi adalah dilarang daripada menjalankannya.

Klausa 95 menghendaki tiap-tiap Syarikat Langkawi asing mempunyai satu pejabat berdaftar di Langkawi yang mestilah pejabat utama sebuah entiti pengurusan yang dilantik oleh Menteri di bawah klausa 102.

Klausa 96 menghendaki suatu syarikat Langkawi asing menyerahkan kepada pendaftar butir-butir mengenai apa-apa pertukaran atau perubahan antara lainnya dalam memorandum perkara-perkara persatuan atau pegawai-pegawai.

Klausa 98 menghendaki suatu Syarikat Langkawi asing memberi notis kepada pendaftar mengenai pemberhentian perniagaannya di Langkawi.

Klausa 101 menghendaki suatu Syarikat Langkawi asing membuat dan menyerahkan kepada pendaftar satu pertanyaan tahunan yang ditetapkan.

Bahagian IX. Bahagian IX ini mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan kuasa Menteri yang boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat tertentu untuk meluluskan entiti pengurusan untuk bertindak sebagai agen kepada Syarikat Langkawi atau Syarikat Langkawi asing dan juga menyatakan keadaan di mana pemberi kuasa tersebut boleh dibatalkan oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian sepuluh cadangan yang terakhir sekali adalah seperti mana yang dinyatakan di bahagian sepuluh yang memperuntukkan mengenai perkara-perkara pelbagai. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Datuk Haji Karim Ghani: Minta Menteri menyokong.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Saya mohon menyokong.

Datuk Haji Karim Ghani: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai Pemerbadanan Pendaftaran dan Pentadbiran Syarikat Kapal Layar Antarabangsa di Langkawi dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dato' Dr. Chin.

12.58 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menjemput saya membahaskan Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 ini. Saya dapati dua tujuan yang telah disebutkan semasa pembentangan tadi iaitu menjadikan Langkawi satu pusat antarabangsa untuk kapal layar di Malaysia malah baik dan sesuai memandangkan perairan kita begitu cantik dan mempunyai banyak kemudahan yang sesuai untuk menarik pelancong dan sebagainya. Itu tujuan yang pertama supaya kita mahu jadikan *Langkawi International Yachting Centre* Tuan Yang di-Pertua, itu adalah tujuannya.

Yang kedua, supaya ia juga mengaitkan kepada kemudahan-kemudahan luar pesisir yang kita sedang giat menggalakkan di *Labuan Offshore Centre* yang sekarang akan memperkenalkan lebih lagi produk. Dengan itu nampaknya kita akan mencapai hasrat kita untuk menjadikan "*Malaysia Truly Asia*" bukan sahaja dalam pemikiran tetapi satu kenyataan. Itu yang penting dan kita berharap dengan adanya apa yang telah dimaksudkan saya lihat ini sebagai infrastruktur, Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Haji Karim Ghani: Dato' Dr. Chin, oleh sebab masa dah jam 1.00 maka saya tangguhkan sidang ini sehingga jam 2.30 petang dan Dato' Dr. Chin akan diminta menyambung balik. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng sila sambung ucapan.

2.30 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah dinyatakan semasa pembentangan rang undang-undang ini, kita telah diberitahu bahawa tujuan mengadakan rang undang-undang ini untuk membolehkan syarikat-syarikat kapal layar antarabangsa Langkawi itu ialah supaya Langkawi akan menjadi pusat kapal layar antarabangsa di Malaysia, dan ini akan menarik banyak daripada tuan punya kapal layar supaya mendaftarkan syarikat-syarikat atau menubuhkan syarikat-syarikat mereka di Malaysia.

Saya ingin bertanya pada peringkat ini, apakah insentif-insentif yang akan diberi oleh kerajaan untuk menggalakkan mereka berbuat demikian? Biasanya bila kita ingin menggalakkan sesuatu industri ditempatkan di sesuatu kawasan di Malaysia, katakan di Corridor Pantai Timur, kita telah memberi insentif-insentif tertentu seperti *discount* kepada cukai, seperti taraf perintis dan juga kemudahan-kemudahan lain seperti pelantikan pegawai, pelantikan kakitangan syarikat berkenaan, membenarkan mereka membawa masuk kepakaran yang sedia ada dan sebagainya.

Dalam perkara ini saya tidak tahu, kalau kita melihat rang undang-undang ini sahaja saya tidak tahu sama ada pihak-pihak tertentu akan menggunakan kemudahan yang telah disediakan. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, semalam kita telah membahaskan rang undang-undang tentang pendaftaran kapal layar di Langkawi di bawah Kementerian Pengangkutan.

Kita diberitahu sejak tahun 2003 sehingga hari ini hanya satu kapal sahaja telah didaftarkan dalam masa hampir dua tahun didaftarkan di bawah daftar Langkawi. Kalau kita memperkenalkan satu *business* sedemikian tentu ada masalah kerana kita melantik pegawai-pegawai, buka pejabat dan sebagainya dan menunggu pendaftaran dan dalam masa hampir dua tahun hanya satu sahaja pendaftaran berlaku. Di sini juga kalau kita hendak menggalakkan syarikat-syarikat kapal layar antarabangsa menjadikan Langkawi

sebagai pusatnya dan mendaftar di sana, perkara semacam itu juga akan berlaku kalau kita tidak sebut apa kebaikan untuk mendaftar syarikat-syarikat atau menubuhkan syarikat kapal layar di Langkawi itu.

Saya tidak tahu semasa saya membaca rang undang-undang ini tidak disebutkan, apakah insentif dan galakan-galakan yang akan diberi kepada syarikat-syarikat itu. Bagi saya itu adalah mustahak untuk kita mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan Langkawi itu..... kita boleh menjadikan Langkawi sebagai satu pusat kapal layar yang terkenal kalau kita sediakan banyak kemudahan bot-bot, jadi daripada semua tempat akan datang. Pada masa sekarang kita juga cuba hendak menyediakan satu marina di Pulau Pinang. Semua terpulang kepada kemudahan-kemudahan yang akan disediakan.

Yang pertama, Langkawi telah menjadi satu tempat yang boleh menarik pelancong bila kita adakan regata-regata di sana, tahun lepas kita ada regata di sana. Saya lihat kapal layar daripada begitu banyak negara telah datang untuk mengambil bahagian dalam perlumbaan bot-bot itu, dan regata itu pada pendapat saya sangat berjaya menarik pelancong dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Apa pula faktor-faktor yang telah menjadikan Panama satu pusat pendaftaran yang begitu berjaya?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu Tuan Yang di-Pertua mungkin dari segi tax, dari segi struktur cukai, dari segi kawalan kepada syarikat-syarikat yang telah berdaftar di sana dan juga mungkin dari segi apabila mereka didaftarkan di sana, mereka mempunyai hak-hak yang diberi kepada negara-negara tertentu kerana ia menggunakan bendera daripada negara tersebut apabila didaftarkan di sana. Semua aspek ini bagi saya adalah penting sebagai satu penggalakan.

Sekarang kita mahu menggalakkan syarikat-syarikat itu supaya datang ke Langkawi dan ditubuhkan di Langkawi ataupun syarikat-syarikat dari Panama katakan sebagai contoh supaya menubuhkan cawangan atau lain syarikat di Langkawi. Itu adalah tujuan akta ini. Kalau kita hendak mencapai itu kita harus juga memberitahu. Tadi semasa kita mendengar pembentangan perkara ini tidak disebutkan. Kita ada melihat *details* mengenai proses pendaftaran syarikat dan sebagainya. Proses

Tuan Yang di-Pertua: Mungkinkah terdapat soal sikap dan falsafah. Kadang-kadang kita ini mahu orang datang, kita hendak tarik supaya orang datang, tetapi kita mahu mereka berperangai macam kita mahu betul-betul. Jadi siapa hendak datang kalau dia tidak bebas, dia kena ikut kita sahaja. Dia ada belanja duit pergi ke negara jiran.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itu mungkin cara kitalah. Tetapi kalau kita mahu pihak-pihak ini supaya datang ke sini, kita kena tanya kenapa dia mahu datang ke sini dan bukan ke tempat lain. Saya boleh lihat pelancong, kalau kita beri kemudahan macam bot-bot, pada satu ketika sebagai contoh, di lautan India banyak bot dari Taiwan datang menangkap ikan di Lautan Hindi. Setiap bot ini bersaiz besar mungkin *crewsnya* lebih kurang 50 orang. Apabila mereka berada dalam lautan itu selama 3 atau 4 bulan mereka datang mengambil bekalan dan sebagainya dan memberi cuti rehat kepada anak kapal yang ada.

Tuan Yang di-Pertua: Katakanlah kita kenakan syarat pula di bawah undang-undang daripada 50 orang anak kapal atau kelasi itu boleh ada kelasi perempuan. Siapa hendak datang?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betullah, kalau kita akan mengenakan syarat-syarat sedemikian. Jadi saya tanya apakah insentif yang akan diberi? Dalam contoh yang saya berikan di mana bot-bot itu datang dan lepas itu satu industri yang besar telah wujud dalam negara kita khasnya di Pulau Pinang, kerana mereka bawa ikan itu balik kemudian dihantar melalui kapal terbang ke Taiwan, Jepun dan ke mana-mana tempat sementara anak-anak kapal berehat di sana dengan membawa keluarga mereka dari Taiwan datang ke Pulau Pinang

Tuan Yang di-Pertua: Macam kita suruh pelancong datang ke KLCC, tetapi kita kata kalau berada di KLCC tidak boleh berpegang-pegang tangan, jadi siapa hendak datang?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ha, itu saya hendak tanya kalau kita tidak mempunyai sikap yang betul sungguhpun kita ada tujuan yang betul, tujuan ini baik, saya sokong

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang saya tujuan baik, tetapi kalau sikap tak betul maka tak berjaya juga.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sikap itu juga terpulang kepada sistem penyampaian kita Tuan Yang di-Pertua. Itu mustahak. Sistem penyampaian juga terpulang kepada dasar kerajaan dan dasar kerajaan itu terpulang kepada pemimpin-pemimpin dalam Kabinet, itu sangat mustahak dan semua golongan ini kena memainkan peranan mereka supaya kita betul-betul memahami apakah tujuan kita.

Dalam perkara bot dari Taiwan itu, saya telah memberitahu selepas itu mereka bawa keluarga datang *shopping*, beli-belah, duduk di sana dua minggu dan belanja banyak. Ini menjadi satu galakan kepada pertumbuhan ekonomi dan sebagainya. Tetapi, ada satu insiden yang menyebabkan Kerajaan Malaysia takut bahawa anak kapal dari bot-bot ini tidak akan balik atau akan datang tanpa izin dan sebagainya.

Kemudian, bot-bot ini dilarang datang dan kemudian semua bot ini ke Singapura Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu kehilangan besar kepada ekonomi Malaysia, khasnya ekonomi Pulau Pinang. Kalau kita tidak belajar dari insiden semacam itu, bagaimana? Kemudian selepas lebih kurang 15 tahun, baru kita sedar tentang kegiatan kita dan sekarang kita telah menggalakkan lagi industri tuna daripada bot-bot ini supaya datang dan kita telah kehilangan masa dan kehilangan peluang. Satu *cost opportunity* yang kita sudah hilang dan kalau kita hendak bina infrastruktur dan sebagainya untuk menggalakkan ini, maka sukarlah bagi kita.

Jadi, saya harap dalam perkara ini, kita mesti sebut apa insentif. Kalau tidak disebut dalam rang undang-undang ini, kita juga mesti dengar daripada Kerajaan Malaysia kenapa sesuatu syarikat harus datang dan mendaftar di Langkawi untuk menjadikan Langkawi itu sebagai ibu pejabat firma-firma kapal layar yang besar di dunia itu. Kalau kita belajar daripada pengalaman kita Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada lihat sebagai contoh syarikat-syarikat MNC, *multinational companies*, syarikat-syarikat besar ini, banyak daripada syarikat ini yang dulu ibu pejabatnya di Amerika Syarikat atau di *Great Britain* atau di Australia dan sebagainya ada dan sekarang menjadikan Malaysia sebagai ibu pejabat mereka.

Kenapa mereka buat keputusan itu? Apakah tarikan di Malaysia yang boleh membawa pihak-pihak ini supaya pindah ke Malaysia dan semua itu terpulang kepada kos untuk membuat *business* kepada cara hidup di Malaysia dan juga kepada sikap kita.

Kalau kita pun tidak pernah dua pihak pegang tangan Tuan Yang di-Pertua, itu satu kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kita tidak mahu pegang tangan, kita tidak usah pegang tangan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya. Kalau kita tidak mahu buat.....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan kita tengok tiap-tiap pasangan yang pegang tangan, kita minta surat nikah, siapa hendak datang?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betullah. Dalam yacht ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin mereka, pakaian pun sikit sahaja. *[Ketawa]* Berpakaian pun, kalau kita lihatlah, kalau saya dalam yacht Tuan Yang di-Pertua, bila ke laut, kita pakai seluar sahaja. Yang lain semua tidak pakai, seluar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak usah tengoklah.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tetapi mereka datang, mereka datang bersinggah.....

Tuan Yang di-Pertua: Untuk perhatian Yang Berhormat, jangan halang orang hendak pakai apa. Kita itu, tidak usah tengok.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tetapi, kita mahu tengok.....

Tuan Yang di-Pertua: Haa..... *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng:selepas kita tengok.....

Tuan Yang di-Pertua: Kita mahu tengok, kita tidak mahu orang pakai.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya. Kita tengok tetapi kita tidak berani pakai. Selepas itu, so kita pun rasa cemburu. *[Ketawa]* Kenapa dia pakai macam itu, lebih baik melarang dia pakai demikian. Itu yang sebabnya. Saya tidak tahu sama ada kita sudah buka minda kita. Kalau perkara ini berlaku di Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita boleh katakan satu masyarakat yang lebih terbuka. Tetapi sekarang ini akan berlaku di Langkawi Tuan Yang di-Pertua.

Maksud ini, ialah di Langkawi. Setahu saya Tuan Yang di-Pertua, apabila saya ke Langkawi, pada masa-masa tertentu, sangat sukar bagi kita mendapat kemudahan. Kalau kita berada di sana pada jam katakan waktu sembahyang pada hari Jumaat, kadang-kadang hendak naik teksi pun tidak dapat. Itu satu bagi saya kekurangan

kerana semua sistem pengangkutan itu berhenti dan kalau kita berada di sana pada bulan Ramadhan, mungkin sukar juga hendak cari makanan dan sebagainya.

So, semua ini bagi saya adalah kerana cara kehidupan kita di Malaysia dan bagi saya, ini mungkin akan menjadi halangan-halangan tertentu kepada perkembangan yang kita mengharapkan di sini, dalam rang undang-undang. Adakah kerajaan telah memikirkan bagaimana kita boleh membuka ruang, bukan sahaja ruang fizikal tetapi ruang minda juga supaya membolehkan kegiatan-kegiatan semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi, macam mana di KLIA hari Jumaat dan bulan Ramadhan, dia berfungsi seperti biasa?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu mungkin kerana infrastruktur itu sudah ada. Tetapi, di Langkawi mungkin banyak itu terpulang kepada penduduk-penduduk di sana untuk menyediakan kemudahan-kemudahan itulah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tahu apa akan terjadi, kalau kita tidak mencukupi kemudahan-kemudahan untuk menarik orang-orang ini, mengapa mereka mahu mendaftarkan syarikat-syarikat kapal ini di Pulau Langkawi. Kita sudah tengok pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya tanya. Sejak tahun 2003, pada tahun itu kita meluluskan rang undang-undang dan kita kuatkuasakan. Sampai sekarang, berapa *yacht* telah berdaftar di *Langkawi International Yacht Registry*? Hanya satu. Satu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna bilangan Senator yang bahas rang undang-undang lebih banyak daripada bilangan kapal yang mendaftar, ya. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu pun tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Hanya saya seorang yang membahaskan dan di Dewan Rakyat, saya diberitahu tidak ada orang langsung. Tidak ada orang langsung yang membahaskan di Dewan Negara. Nasib baik saya telah cuba membahaskan rang undang-undang itu. Tetapi, perkara ini telah ditetapkan. Mereka telah beritahu saya, satu. Tetapi, kalau saya tidak tanya Tuan Yang di-Pertua, berapa pegawai telah menunggu di sana, pejabat yang dibuka di sini, tiap-tiap tahun menelan perbelanjaan berapa banyak.

Kita kena ada Pendaftar. Kita kena ada mungkin Timbalan Pendaftar. Kita kena ada kerani, kita kena ada sesiapa lagi termasuk *driver*, semualah mungkin. Tetapi,

daftar satu kapal Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tanya *fee* pendaftaran, itu sedikit sahaja. Tidak cukup bayar perbelanjaan untuk separuh hari. Dalam dua tahun, kita sudah membazirkan banyak. Di sini juga, kita ada dalam rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada struktur untuk pendaftar. Kita ada prosedur. Kita ada banyak perkara yang kita harus menguruskan. Macam mana kalau tidak ada bilangan, tidak ada syarikat mahu berdaftar di Pulau Langkawi ini kerana kemudahan-kemudahan kita terhad.

Sekarang saya diberitahu jeti itu cukuplah, marina itu ada. Marina itu semua ada. Tetapi, *yachts* dari mana tempat boleh datang ke sini tanpa didaftarkan di Pulau Langkawi. Mereka boleh datang dari mana tempat dan mereka boleh bersinggah di sana. Biasanya yacht dari Thailand selalu datang ke Langkawi dan datang ke sana beli rokok, beli arak semua belayar balik ke Thailand dan kemudian digunakan sebagai *yacht charter*. Siapa hendak melancong di tempat itu? Semua itu menggunakan kemudahan kita yang disediakan di Langkawi. Tetapi mereka tidak bersinggah di Langkawi. Mereka datang dari Thailand, beli-belah semua penuhkan *yacht* itu dan belayar balik. Kemudian dalam tiga bulan, empat bulan di guna sebagai bot untuk melancong. So, kalau kita mahu adakan parti di sana, semua boleh. Dia ada semua kemudahan di atas *yacht* itu. Tetapi.....

Tuan Yang di-Pertua: Mana Yang Berhormat tahu?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya terlibat di mana saya telah hadir pada cuti saya, satu kumpulan kawan saya, kita telah buat tempahan dan kita belayar di lautan itu selama tiga hari.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat pun pernah berparti atas yacht itulah? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu satu *relaxation* Tuan Yang di-Pertua. Selepas berusaha di sini dan mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangan, saya juga kena rehat dan memikirkan sesuatu dan mungkin mengkaji keadaan di tempat-tempat lain supaya kita boleh menambah pengalaman dan selepas itu datang ke sini, berkongsi pengalaman. So, itu secara peribadi saya telah tahu apa keadaan sebenar. Saya juga bernasib baik baru-baru ini, satu *yacht* yang sangat besar dan *yacht* ini pun dapat banyak hadiah antarabangsa dan sebagainya.

Tetapi yacht itu didaftarkan di Singapura. Krewnya datang dari Thailand. Yacht ini singgah di Pulau Pinang dan saya bernasib baik kerana dijemput naik ke *yacht* ini dan *yacht* ini belayar dari sana ke Langkawi. Kami berada di tempat itu selama empat hari. Tetapi, dari segi kos kepada krew itu, lebih kurang untuk mengendalikan *yacht* itu, lebih kurang USD3 juta setiap tahun, USD3 juta. Ada 22 orang krew dalam bot itu, ada kapten dan sebagainya.

Dan bilik semua canggih, begitu baik, sangat seronok macam di satu rumah tapi berada di dalam lautan dan belayar. Kita tengok dari segi pengalaman itu mereka yang cukup kaya itu berhasrat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan seperti itu.

Kita sekarang mahu menggalakkan pihak-pihak ini supaya datang, supaya mendaftarkan syarikat mereka dan syarikat mereka mungkin mempunyai beberapa bilangan *yacht* yang boleh diguna di tempat ini dan kalau mereka tempatkan bot-bot layar ini di Langkawi, itu satu penarikan kepada kita. Kalau mereka tidak cukup kemudahan di Langkawi bagaimana mereka akan datang ke Malaysia? Macam *yacht* ini, dia

Tuan Ismail bin Kasim: Mohon laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Dia ada di Singapura.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya ingin pandangan Yang Berhormat, penjelasan dan pandangan daripada Yang Berhormat berhubung dengan - saya tertarik dengan satu kenyataan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu berhubung dengan sejak 2003 pendaftaran dibuka kepada kapal-kapal layar daripada luar negara dan apabila Yang Berhormat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini hanya sebuah saja yang mendaftar setakat ini kerana sebelum ini pun semua pendaftaran ini dibuat di negara-negara Mediterranean dan juga di Singapura kalau tak silap saya.

Jadi kita sedia maklum bahawa tujuan Akta ini dibuat dan dibentangkan adalah tidak lain dan tidak bukan untuk kita masyhurkan Pulau Langkawi - pulau legenda yang telah diberi taraf bebas cukai dan sebagainya untuk kita menarik pelancong seberapa ramai yang boleh dari dalam dan luar negara supaya datang, terutamanya pemfokusan kita dalam aktiviti perahu layar ini. Sebab itulah kita lihat kalau tidak silap saya Tuan Yang di-Pertua, prasarana untuk ke arah ini selain daripada Akta dan juga pindaan Akta

dibuat, kesungguhan kerajaan dalam menyediakan prasarana yang mencukupi dan bertaraf antarabangsa telah pun dibuat ke arah itu. Sebab itu kita lihat di beberapa tempat contohnya di Jeti Kuah, sudah ada prasarana ataupun tempat *parking* bagi kapal layar, kemudian di Pantai Kok kalau tak silap saya sudah ada sebuah tempat mendarat dan juga tempat *parking* yang bertaraf antarabangsa.

Jadi kalau kita lihat kemasukan kapal-kapal layar daripada luar negara, saya lihat dalam keadaan yang cukup membanggakan kerana saya pernah selalu juga saya melawat ke tempat berkenaan menggunakan bot sendiri daripada Kuala Perlis ke Langkawi dan saya memang menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan dan saya pernah melawat sebuah kapal daripada Manchester, kepunyaan seorang pasangan Inggeris yang berumur lebih 80 tahun tapi mereka masih belayar daripada London ke Langkawi. Jadi mereka tinggal di sini hampir 6 ataupun 7 bulan. Ini yang kita kehendaki supaya prasarana yang kita buat ini, prasarana yang bersifat antarabangsa dan boleh diguna pakai dan juga boleh membuat, menyediakan persediaan yang memenuhi kehendak pemilik-pemilik kapal layar selain daripada kapal layar kecil *regatta* yang boleh dibuat di negara kita kerana sudah ada syarikat yang mampu untuk beroperasi dan menghasilkan keluaran tempatan.

Cuma saya rasa yang kekurangannya dari segi promosi kerana masih ramai lagi pemilik-pemilik kapal layar kerana bila dikaitkan dengan kapal layar ini orang biasa mengaitkan dengan soal *the rich and the famous*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Soal menggambarkan kemewahan, *luxury*, kekayaan dan sebagainya. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Dato' berhubung perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat sebut kelamin tadi terdapat banyak dari mereka yang ambil wang ganjaran dan wang pencen tak beli rumah tapi beli bot dan belayar sampai mati. Jadi bukan hanya orang kaya saja yang memiliki kapal-kapal layar ini.

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, tapi pada pandangan sayalah Tuan Yang di-Pertua, kemewahan yang ada kapal itu menggambarkan kemewahanlah tapi kehidupan sebenar saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, dari segi prasarana, daripada tinjauan saya Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Langkawi telah banyak

menyediakan kemudahan-kemudahan dari segi *marina* untuk bot-bot ini singgah dan sebagainya. Itu satu segi yang telah diberi tumpuan oleh pihak swasta dan kalau kita melihat *Langkawi International Yacht Club* di Pekan Kuah itu Tuan Yang di-Pertua, di sana ada banyak kemudahan. Di sana, saya pernah menggunakan kolam renang, ada satu kolam renang Tuan Yang di-Pertua, dan sungguh pun LIYC itu satu kelab persendirian, kelab swastalah, dan kita lihat ada banyak bot yang singgah di sana. Mereka mengambil air dan di sana ada satu restoran yang baik untuk mereka singgah di sana.

Tetapi selain daripada tarikan itu, pada waktu malam dan sebagainya, mereka keluar ke bandar tapi Langkawi dan Kuah itu selepas 9 malam, banyak tempat hiburan semua sudah tutup kedai. Tiada kemudahan lagi, kita jalan-jalan kaki, *okay*. Tetapi orang ini mungkin dia mahu keluar dia mahu menari, bukan di atas bot. Mereka tidak mahu berparti di atas bot, mereka mahu keluar kerana mereka mungkin sudah dua, tiga bulan di atas bot. Sekarang sudah mendarat so mahu pergi sini, pergi sana dan sebagainya. Itu juga kira prasarana yang kita belum lagi sediakan. Saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua, disko di Langkawi dibuka hingga 2 pagi.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud..

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Prasarana lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup prasarana hiburan di Langkawi?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ha, prasarana hiburan dan ...

Tuan Yang di-Pertua: *Entertainment infrastructure?*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, kita ada *cable car*. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, waktu malam tidak boleh naik *cable car* - itu sudah berhenti. Kita kata ia yang paling besar di rantau Asia atau di sini, *cable car* di Langkawi itu yang paling baik tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Jadi untuk hiburan berapa kali nak naik *cable car*?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu waktu siang saja boleh naik *cable car* dan waktu malam bila bot itu sampai mungkin mereka akan singgah di restoran-restoran yang mungkin restoran itu dibuka hingga jam 10.30 malam atau 10.00 malam sahaja. Eh, boleh balikkah, saya sudah mahu tutup kedai. Itu satu kelemahan bagi saya kerana kita

bukan melihat hanya *marina* itu, *marina* biasanya ada satu kelab dekat dengan *marina*. Kelab itu ada restoran tetapi barangan yang dijual di sana juga terhad. Ada pihak-pihak ini hendak keluar ke bandar membeli-belah dan sebagainya, hendak makan *supper* semua, tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana kedai-kedai tertentu tidak dapat dicari ataupun sudah ditutup.

Kalau kemudahan-kemudahan semacam itu tidak disediakan, bagaimana kita boleh menggalakkan. Saya bimbang selepas Dewan ini meluluskan rang undang-undang hari ini atau esok, lepas itu bulan depan mungkin dilaksanakan pegawai dilantik, pendaftar dilantik, satu pejabat canggih di Langkawi diguna, saya pun mahu bertugas di sana kalau boleh - kerana tidak ada apa. Saya lihat, bot datang saya pergi tengok, mungkin saya ada banyak jemputan untuk naik bot kerana saya pendaftar syarikat-syarikat kapal layar di sana. Saya pun mahu jawatan itu dan kerja tidak ada kerana tunggu segenap hari tidak seorang pun datang.....*[Ketawa]*... untuk mendaftar. Kalau ada tawaran macam itu, saya terima jawatan macam itu.

Tuan Ismail bin Kassim: Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa soal menunggu ini Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali apabila Tun Mahathir, bekas Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan ketika kita hendak memulakan semua gerak kerja ke arah promosi pendaftaran kapal layar ini, pernah mengumumkan bahawa sampai kita memberi pendaftaran dengan tidak perlu membawa kapal. Hendak kata Tun Mahathir pada masa itu membenarkan, supaya pendaftaran boleh dibuat di Langkawi dan tidak perlu terlebih dahulu membawa kapal. Bermakna boleh dibuat pendaftaran terbuka, asalkan kita memiliki kapal ataupun tidak memiliki kapal kerana kita tidak mengetahui perkara ini.

Jadi, saya inginkan pandangan Yang Berhormat Dato'. Adakah kedudukan, saya rasa dari segi kedudukan ataupun lokasi yang ada pada Pulau Langkawi ini, sudah dikira lokasi yang terbaik, sebab kalau kita menganjur ke Lautan Andaman dan juga Lautan Hindi, sudah dikira lokasi yang cukup menarik bagi pelayar-pelayar dan sukan kapal layar ini, bukan sukan yang.. walaupun sukan baru pada kita, tetapi sukan ini sudah menjadi sukan yang mula diminati walaupun tidak ramai tetapi sudah ada pertandingan-pertandingan, sudah ada regattas yang dibuat di peringkat antarabangsa,

yang disertai oleh banyak negara di dunia ini. Tetapi kenapa perkara ini masih kurang? Saya tertarik satu lagi apabila Yang Berhormat Dato' membangkitkan soal kekurangan hiburan-hiburan luar. Tinjauan rambang Dato' sebab saya pun tidak bolehlah hendak masuk hendak pergi tengok benda ini, nanti orang kata, sebab Perlis dengan Langkawi itu dekat sahaja. Tinjauan rambang pada waktu malam, kadang-kadang saya suka belayar pada waktu malam ke Langkawi kerana kita hendak melihat keadaan sebenar. Tetapi saya rasa, memang perkara-perkara ini di....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat orang Perlis, tidak boleh seronok macam orang lainlah? *[Ketawa]*

Tuan Ismail bin Kassim: *Regatta* di Perlis memang tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau hendak pergi Langkawi hendak seronok sedikit sahaja, baru boleh pergi Langkawi. Di Perlis memang tidak ada apa pun. Tetapi menunjukkan bahawa memang dari segi itu, di Langkawi ia agak dikuatkuasakan dan kalau dibenarkan pun hanya pada waktu-waktu tertentu dan untuk orang-orang bukan Islam sahaja. Kerana kita bimbang kalau benda ini... Jadi kita ada dua persimpangan delima di sini Tuan Yang di-Pertua, yang mana kita hendak menarik ini kita harus mengurangkan ini ataupun membenarkan ini.

Jadi berbalik kepada soal *enforcement* kita yang pelaksanaan dari segi Majlis Agama Islam Daerah dan sebagainya di Langkawi. Sebab itu kita hanya benarkan di hotel-hotel yang memang didiami oleh pelancong-pelancong dan juga tumpuan-tumpuan kepada orang-orang bukan Islam di Langkawi. Sebab itu tidak boleh dibenarkan semua, sebab biasanya kalau kita benarkan tempat seronok ini Tuan Yang di-Pertua, ada orang akan tumpang sekaki. Apabila tumpang sekaki ini, masalahnya kita hendak mengawal selia dari segi tempoh masanya, mengawal selia apa yang sebenarnya berlaku, sukar untuk kita hendak buat pengawalan dan juga pemantauan, dari segi apabila kita keluarkan lesen secara keterlaluan tanpa kawalan dan sebagainya, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kadang-kadang dia tidak boleh pergi Genting, dia pergi London, dia pergi Las Vegas, dia pergi Perth

Tuan Ismail bin Kassim: Itu bagi orang yang ada kemampuan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi yang kita maksudkan di sini, yang memang tidak ada kemampuan dan

memang tidak teringin hendak buat perkara itu. Jadi susahlah hendak dizahirkan.....

[Ketawa]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar orang dari Perlis pergi ke Thailand? *[Ketawa]*

Mungkin tidak pergi ke Langkawi, dia pergi Thailand lebih dekat. Langkawi Jauh, dia masuk sempadan...

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin lebih pergi ke Thailand daripada ke Langkawi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, betul, lebih pergi ke Thailand dan Thailand ada banyak kemudahan. Setiap kali kita tanya kawan ke mana, dia kata Thailand, dia bukan kata ke Langkawi, dia pergi Thailand. So, orang dari Perlis pun dari pengalaman Tuan Yang di-Pertua sebagai...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak pergi ke Langkawi kena naik bot, lintas laut bahaya, ke Thailand mudah.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, sana darat, bawa kereta sudah sampai, terus masuk Padang Besar - sudah sampai. Saya dapati itu adalah satu daripada pemikiran yang harus diberi oleh kerajaan, kalau kita mahu menggalakkan aktiviti ini. Saya setuju dari segi mungkin larangan, penguatkuasaan dan sebagainya cara hidup dan kalau kita rasai kita mahu kekalkan cara hidup kita, kita tidak mahu ubah dan sebagainya, biar demikian Tuan Yang di-Pertua. Mungkin tidak sesuai bagi kita mengadakan rang undang-undang ini. Kita mahu menggalakkan tetapi kita ada delima, kita juga mahu mengehadkan. Kita mahu melarang dan kita mahu membenarkan. Satu tangan kita kata benar, satu kita kata larang. Lebih baik jangan terlibat dalam kegiatan menggalakkan syarikat-syarikat berdaftar di Langkawi. Lebih baik jangan terlibat dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tuan Hassan bin Haji Shukri.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya tertarik dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Jadi apa kaitannya kapal layar ini dengan kelab-kelab malam dan sebagainya. Saya tengok dalam akta ini tidak ada sebut pun perkataan "mesti ada kelab malam" dari segi tujuan akta ini digubal. Tujuan akta ini digubal semata-mata untuk menggalakkan supaya sama ada rakyat Malaysia ataupun rakyat luar negara, supaya mereka itu menyewa kapal-kapal ini yang disediakan oleh

syarikat-syarikat perkapalan yang berdaftar di bawah akta ini. Jadi saya tidak berapa setuju, kerana hendak memperbanyakkan kapal, kita perbanyakkan, kita ubah pula ataupun kita pinda undang-undang yang berkaitan misalnya. Pinda Enakmen Syariah Negeri Perlis kerana ada perkara-perkara mungkin yang dibuat di Langkawi itu bercanggah dengan undang-undang ataupun Enakmen Pentadbiran Agama Negeri Perlis. Jadi, pasal kapal layar kita terpaksa pula meminda ataupun meminda beberapa akta-akta ataupun enakmen-enakmen yang lain. Jadi, saya minta penjelasanlah.

Tuan Ismail bin Kassim: Sambung...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan sedikit...

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih, saya dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi laluan kepada siapa dahulu? Siapa dahulu Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Kassim: Saya dahulu kemudian Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah. Saya tertarik dengan kenyataan Ustaz Hassan. Cuma di sini saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, sebab tadi golongan yang datang dengan kapal layar, yang saya katakan tadi, tetapi Tuan Yang di-Pertua pun mengesahkannya iaitu golongan-golongan yang sudah pencen dan memang kalau hendak menari pun tidak larat Yang Berhormat Dato'. Dia hanya mampu dalam 15-20 minit sahaja. Lebih masanya ialah untuk berehat, *relax* dan mengurangkan ketenangan selepas bekerja penat sejak sekian lama. Sebab kalau kita lihat kemudahan yang dibuat oleh pihak kerajaan, terutamanya di Pantai Kok Marina yang bertaraf antarabangsa ini, dia menggunakan konsep Mediterranean, yang memang kita ikut sebiji ikut betul-betul apa yang pernah ada di kawasan-kawasan Mediterranean ini. Saya ingat suasana ini sudah pun mencukupi untuk kita menarik pelancong asing. Cuma dari segi apa yang Dr. Chin maksudkan itu *complement* sahaja. Tetapi yang lain-lain saya ingat semua sudah ada di Langkawi. Cuma yang hiburan diberi ada, tetapi diberi masa-masa tertentu.

Cuma mungkin apabila pihak kerajaan menyiapkan kemudahan prasarana ini yang ada di Pantai Kok Marina ini dan juga kawasan-kawasan di sekitar Pulau Kilin dan sebagainya yang kita lihat dari segi *naturenya*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua memang alam semula jadinya dari segi yang telah Allah S.W.T. ciptakan memang sudah cukup untuk memberi mereka kepuasan kerana orang yang belayar ini biasanya mereka

tidak perlu sangat tertarik kepada hiburan. Lagi pun Dr. Chin, selepas enam bulan, tiga bulan - saya yang buat pelayaran ke Aceh hendak bagi bantuan kemanusiaan pun selama empat belas jam, saya merasakan memang sudah terlalu tanya bila hendak sampai. Itu yang saya dapat katakan perasaan hati saya, tetapi apa jadi pada rakan-rakan yang enam bulan, tiga bulan, pelayaran panjang masanya yang berada di tengah-tengah lautan.

Kita rasakan memang sesuatu yang bagi mereka hanya golongan yang berminat sahaja yang menyertai atau pelayaran ini, kerana kalau yang tidak berminat kita sedia maklum, cabaran di lautan bukan macam cabaran di sini, di tengah laut tenang pun tiba-tiba ia datang sebelas meter, dua belas meter, sepuluh meter ombak yang terpaksa kita harungi. Jadi, saya ingat apabila dia sampai ke darat dia lebih kepada hendak berehat, lebih kepada bersyukur kerana dia selamat diberikan Tuhan keselamatan dan nyawa dia ini dipanjangkan. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' berhubung perkara ini?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato'. Jadi, mengenai dengan keperluan kepada tempat-tempat hiburan ini saya rasa mungkin kalau kita hendak bersaing dengan Phuket, rasanya Phuket itu tidak jauh daripada Langkawi, jadi tidak mampu kita hendak bersaing sebab di sana itu macam-macam adalah mungkin. Kalau hendak bersaing dari sudut itu kita tidak mampu. Jadi rasa cukuplah dengan kemudahan marin yang ada dan keselesaan yang diberikan kepada kapal-kapal layar yang datang. Dan mungkin Dato' sedar bahawa dalam akhbar hari ini Kerajaan Negeri Pahang telah pun mengambil satu langkah yang amat baik, yang positif yang amat dialu-alukan iaitu menutup semua disko di negeri Pahang kerana mereka menyatakan bahawa disko ini adalah pusat kepada salah satu pusat kepada pengedaran dadah. Dan adakah Yang Berhormat Dato' merasakan bahawa pelabur-pelabur akan lari daripada Negeri Pahang dengan tertutupnya pusat-pusat disko, lari daripada Cherating dan sebagainya. Apa pandangan Dato'?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua apabila saya menyebut tentang kemudahan-kemudahan hiburan dan sebagainya, saya tahu tentu ada reaksi-reaksi daripada rakan-rakan saya itu kebiasaan, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu perkara yang baik kerana kita sedar tentang keperluan-keperluan setiap orang itu adalah

berlainan daripada keperluan orang lain. Kita tidak menafikan bahawa tiap-tiap orang harus diberi peluang untuk membuat keputusan sama ada hendak buat ini atau buat itu. Itu secara kebebasan dan secara hak kemanusiaan, itu kita harus mempertahankan. Tetapi kalau sesuatu pihak itu memilih untuk mengadakan hiburan sehingga keluar malam dan kalau ia tidak mengganggu pihak-pihak lain, kita kena tanya adakah munasabah bagi kita menahan sesuatu pihak itu.

Kita telah menyediakan banyak kemudahan untuk menarik pelancong tetapi sebaliknya kita gagal dalam usaha kita kerana pada masa yang sama kita ada amalan-amalan lain yang melarang perkara-perkara itu untuk berterusan. Saya tidak tahu bagi contoh di Pahang sama ada pelabur akan lari atau tidak kita boleh tanya statistik daripada MITI, daripada MITI kita boleh tanya sekarang ada insentif ke koridor timur, koridor Pantai Timur, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas Yang Berhormat habis kupas.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kita telah tanya pagi ini termasuk Sabah dan Sarawak. Insentif-insentif itu telah diberikan. Saya telah tanya pagi ini kita telah diberi jawapan 137 sahaja firma yang ingin melabur di Sabah. Sungguhpun hanya insentif dari *taxation*, dari segi insentif kepada kakitangan semua ada, tetapi tiada galakan. Dan kita juga ditanya kenapa tiada orang ke Kelantan? Yang Berhormat Puan Siti Zailah tanya pagi ini saya masih ingat, beliau tanya kenapa, dan Tuan Yang di-Pertua kata "oh apa yang ditanya di Sabah tetapi jangan ditanya di Kelantan." Tetapi menteri jawab tadi "itu ada kaitan kerana kita mahu galakkan di koridor Pantai Timur." Dan itulah jawapan kepada cara hidup kita, amalan kita dan sebagainya. Kalau pihak-pihak menganggap sesuatu masyarakat itu tidak begitu gembira dengan kehadirannya, kenapa dia mahu datang?

Kalau saya ke Perlis, saya tidak nampak ada apa sambutan dan sebagainya, kenapa saya mahu ke Perlis, saya lebih baik berada di Pulau Pinang. Itu adalah satu perasaan manusia Tuan Yang di-Pertua. Saya baru-baru minggu lepas saya berada di Terengganu dan saya lihat bila saya sampai sana sudah jam lebih kurang 9.30 dari *airport* saya datang ke Kuala Terengganu, sampai sana sudah dekat jam 10 malam.

Saya tengok di jalan-jalan seorang pun tidak ada, semua sudah begitu sunyi, lampu semua bernyala baik tetapi tempat itu begitu sunyi, banyak kedai pun sudah tutup, tidak ada apa yang buka. So kalau saya seorang yang suka hiburan maka saya kata lain kali saya pergi ke Kuantan, jangan berada di sini. Mungkin di Kota Bharu lebih teruk, saya tidak tahu. *[Ketawa]* Mungkin saya kata, mungkin, mungkin mungkin, mungkin lebih teruk saya kalau dibandingkan dengan Kuala Terengganu. Tetapi itulah, itulah pada pendapat saya bila saya lihat kenapa tempat itu ialah ibu kota.....

Tuan Ismail Kasim: Pohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat belum habis lagi....

Dato' Dr. Chin Fook Weng:.....ibu kota Terengganu. Jadi berasaskan kepada itu kalau orang datang ke Langkawi, jam 9.30 malam dia mahu keluar makan, kedai sudah tutup, tidak dapat apa, dia kena berada dan di atas bot. Berapa lama dia boleh bersendirian di sana? Itu adalah perkara yang kementerian ini harus memikir. Kalau tidak sesuai saya cadang silalah ubah perkara ini ke Selangor, negeri yang termaju sekali di Malaysia. Sudah mencapai wawasan 2020 negeri yang termaju di Malaysia ataupun datang ke Pulau Pinang ahh. *[Ketawa]* Pulau Pinang tidak jauh, Tuan Yang di-Pertua, sedikit belakang sahaja, sedikit sahaja. Kita sekarang sudah ada MSC, MSC luar daripada MSC di Cyberjaya ada di Pulau Pinang dan nampaknya kita ada pilihan.

Nampaknya kita ada pilihan. Jadi apabila kita memilih Langkawi, kita mesti ada sebab, bukan kecantikan dan sebagainya. Kecantikan di sini pun ada Pulau Ketam. Pulau Ketam ada di Selangor. Semua ada. Dan kalau Perak, Perak ada Pulau Pangkor. Pulau Pinang pun ada Pulau Pinang. *[Ketawa]* Jadi kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah memilih ini dan saya tidak mahu melawat pejabat pendaftar itu, masuk tengok siapa pun tidak ada, mungkin pendaftar pun tidak ada. Dia tidak ada kerja, kenapa dia perlu ada dalam pejabat. Tepat pukul jam 4, dia sudah ke *golf course* atau sudah balik kerana apa-apa kerja pun tidak ada.

Itulah satu kesusahan kepada negara, Tuan Yang di-Pertua. Bukan murah untuk mengendalikan satu pejabat dengan kemudahan-kemudahan, *fax machine* mesti ada, Tuan Yang di-Pertua. Di sini ada kata...

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam mohon laluan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, ya, saya mahu bagi sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tetapi dari segi kemudahan, banyak yang telah disediakan. Kalau tidak ada pelanggan, macam mana? Sila.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah dan dijawab oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin iaitu keputusan Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur melarang dan tutup semua disko di situ. Pada pandangan saya, ini satu keputusan yang tidak berapa bagus oleh kerana ini akan menghadkan lagi hiburan untuk remaja. Jika ada gejala-gejala sosial di dalam disko macam masalah dadah atau orang Islam minum arak, itu harus dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingin bertanya, yang dikatakan disko itu sudah berapa lama wujud?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dari...

Tuan Yang di-Pertua: Tahun 60-an ada tidak disko? Tahun 60-an.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: 70-an saya tahu sudah ada, 60-an saya belum...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat umur berapa?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Saya sudah 55.

Tuan Yang di-Pertua: 55, 70-an, 35 tahun sudah ada disko. Bermakna Yang Berhormat ketika umur 20 sudah boleh pergi disko.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Sudah dan ada pergi banyak kali. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kerana Yang Berhormat pergi disko itu, Yang Berhormat sekarang berdiri di sini sebagai orang jahat?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Saya harap tidaklah. *[Ketawa]* Saya pun balik kepada perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah kegagalan penguatkuasaan. Jika penguatkuasaan baik dan mereka cegah aktiviti-aktiviti yang tidak baik yang saya sebut tadi, disko itu boleh dijalankan untuk tari-menari sahaja. Saya tidak tahu mengapa...

Tuan Yang di-Pertua: Oh saya lupa, Yang Berhormat bukan pergi disko sahaja, Yang Berhormat main gitar pun boleh, ya?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Boleh sikit-sikit, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*
Apa pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin?

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin kerana bagi laluan selepas laluan. Cuma soalnya di sini saya bukan hendak menyanggah ataupun memberi pandangan yang berbeza dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato'. Cuma pada saya bila kita ingin masuk ataupun menceburkan diri dalam sesuatu bidang, kita harus mempunyai seperti mana yang Yang Berhormat Dato' Dr. Chin kata tadi, acuan kita sendiri. Bermakna tidak perlu kita mengikut acuan-acuan yang telah dibuat oleh orang lain.

Kalau kita hendak ikut pun, kita boleh ikut sebahagian, tidak perlu kita ikut semuanya. Macam yang dibuat oleh Kerajaan Thailand, kalau dia hendak majukan dalam sektor pelancongan, dia punya *trademark*, dia punya cara dia mesti pelancongan itu diikuti dengan pelancongan seks. Itu memang diakui oleh seluruh dunia. Sampai sekarang ini boleh ada benda yang pelik-pelik yang dunia lain pun termasuk dunia Barat tidak pernah buat, di Thailand buat iaitu pelacur dari kalangan orang-orang yang mengandung dan sebagainya. Tetapi adakah kita! Kita harus pada pandangan sayalah, Yang Berhormat Dato', Pulau Phi Phi ataupun Phi Phi Island yang telah dilanda *tsunami*, habis semua mati ketika *tsunami* melanda pulau ini.

Pada saya, Pulau Phi Phi ini adalah pulau yang cukup cantik. Kalau kita lihat dalam *National Geographic* merupakan pulau yang ada *ranking*, kedudukan dalam pulau-pulau yang tercantik di dunia dari segi pantai, pasirnya yang halus yang memang hebat tetapi Kerajaan Thailand dalam usaha menarik pelancongan ini, dia telah membenarkan Pulau Phi Phi dibangunkan dan ditadbir oleh pelancong-pelancong atau pemilik-pemiliknya terdiri daripada orang-orang Barat yang datang melabur, mendirikan hotel dan buatlah apa hendak buat. Maknanya, *free for all* termasuklah pelancong-pelancong di situ kalau mereka rasa mereka hendak dedahkan, kalau *topless*, dengan izin, *topless*lah, kalau *bottomless*, *bottomless*lah, jadi dibiarkan.

Tetapi kita lihat apa yang terjadi kepada Pulau Phi Phi. Kita tidak boleh ikut cara Thailand. Kalau dia hanya datang untuk berhibur dengan cara itu, tarikan kepada seks, dia pergi ke tempat yang untuk itu ke negara yang berkenaan. Tetapi kalau dia datang ke negara kita, biarlah dengan acuan Malaysia sendiri sebab pada saya insentif yang ditawarkan di negara kita, *privilege*, keistimewaan yang sedia ada termasuk urusan pendaftaran untuk mendapatkan lesen selama seminggu kita terus mendapatkan sijil.

Kemudian urusan kadar bayaran yuran yang telah dikenakan jauh lebih murah, USD800 yang dikenakan oleh kita bagi pendaftar-pendaftar atau pemilik-pemilik kapal layar yang merupakan antara insentif yang cukup menarik.

Tetapi biar kita meletakkan bahawa Malaysia adalah Malaysia. Cara kita dengan cara kita. Walaupun, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, kadang-kadang cara ini lambat tetapi dengan perkara-perkara ataupun bencana-bencana yang pernah berlaku dan juga masalah-masalah keselamatan jika di tempat-tempat atau negara-negara berkenaan, bom sana bom sini, meletup sana meletup sini, sudah tentu mereka memilih tempat alternatif yang selamat.

Di samping kita memberi kemudahan-kemudahan ini, saya ingat kalau saya difahamkan, kalau saya tidak betul, boleh dibetulkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu kita telah menyediakan soal keselamatan di sepanjang perairan pantai Barat. Apabila akta ini telah dibuat dan hendak dilaksanakan lebih 11 radar yang mengesan dan menjaga keselamatan pelayar-pelayar ini supaya mereka benar-benar berada dalam situasi yang cukup selamat apabila mereka hendak belayar sama ada ke Pulau Langkawi atau destinasi yang telah ditentukan dan dikehendaki oleh mereka sendiri.

Apa pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Dato', boleh saya pohon laluan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya mohon menyampuk sebenar. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sedar bahawa di hadapan kita adalah masalah pindaan kepada Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003. Saya telah sengaja membenarkan perbahasan yang meluas hanya untuk menunjukkan bahawa kepada kita yang dipertanggungjawabkan untuk memperundangkan sesuatu dalam masyarakat majmuk negara tercinta kita ini, kita berhadapan dengan pertembungan nilai. Kita hendak memperundangkan soal-soal kewangan, kita berhadapan dengan pertembungan nilai.

Soal kapal layar pun sekarang, kini kita berhadapan dengan soal pertembungan nilai. Maka, terpulanglah kepada kebijaksanaan kita bagaimana kita secara kolektif hendak menangani pertembungan nilai yang kita sentiasa hadapi dalam negara kita ini.

Tuntutan terhadap kebijaksanaan kita adalah lebih daripada tuntutan terhadap mereka di negara yang lebih *homogenous* seperti Jepun. Maka, bahaslah dengan bijak, bahaslah dengan toleransi agar di tengah-tengah pertembungan nilai dan sistem nilai ini, kita akan membuat undang-undang yang paling baik untuk seluruh masyarakat dan rakyat kita.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya terpanggil untuk menyatakan sesuatu bila Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng menyebut hal Terengganu. Yang pertama katanya, di Terengganu pada malam dia pergi, pukul 9.30 sudah tidak ada apa-apa lagi. Mungkin barangkali Yang Berhormat, kalau dibandingkan dengan dua, tiga tahun dahulu keadaan Terengganu waktu malam lebih baik, lebih meriah. Mungkin barangkali, saya pun tidak tahu juga, tetapi saya rasa *night life* di Kuala Terengganu ini *start* lebih awal, barangkali pukul 10 sudah ada di atas, jadi pukul 9.30 Yang Berhormat janganlah mengharap apa-apa.

Dalam hubungan dengan Terengganu ini juga, saya cukup tertarik hati apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi iaitu kemudahan-kemudahan bagi saya Tuan Yang di-Pertua, tambahan kepada kemudahan-kemudahan asas yang undang-undangnya kita bahaskan sekarang. Bagi saya, apa yang saya maksudkan kemudahan asas ini ialah kemudahan hiburan dan lain-lain lagi sedangkan kemudahan-kemudahan lain – infrastruktur, ICT pun alhamdulillah sekarang saya rasa di Langkawi kita semua sudah pun ada tinggal lagi barangkali ada perkara-perkara lain seperti kata Tuan Yang di-Pertua tadi, mungkin kita tidak dapat menyediakan semua ini.

Khususnya di Kuala Terengganu dalam hal yang sama, walaupun Kuala Terengganu tidak menawarkan untuk dijadikan tempat pendaftaran kapal layar daripada 4 hari bulan yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merasmikan dua projek yang ada hubungannya dengan kapal layar. Yang pertama, diwujudkan *marina* dan yang kedua sebagai tambahan kemudahan bersetuju menerima pelawaan sebuah syarikat untuk membina beberapa puluh buah *chalet* untuk menyediakan kemudahan kepada tuan punya, awak-awak dan sebagainya daripada kapal layar.

Yang kedua, Kerajaan Persekutuan juga telah bersetuju untuk menolong, mungkin membiayai, menyediakan kemudahan-kemudahan kewangan supaya pembuatan ataupun pengeluaran bot-bot kayu tradisional yang memang terkenal di

seluruh dunia diperbesar dan dipermodenkan. Dalam hal ini apa yang saya hendak tunjukkan Tuan Yang di-Pertua, kalau di Terengganu kerana sebab-sebab tertentu, kita tidak dapat menyediakan kemudahan-kemudahan kasino barangkali, kemudahan-kemudahan disko dan lain-lain, tetapi kita dapat alhamdulillah dengan apa yang ada di Terengganu, kita dapat menyediakan, kalau hendak tengok bagaimana bot kapal layar dibuat di Terengganu, alhamdulillah setidak-tidaknya kita ada. Hal ini barangkali ada hubungannya juga dengan keadaan di Langkawi.

Mungkin apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Senator kita tadi mungkin tidak dapat disediakan sepenuhnya di Langkawi tetapi kita harus ingat bahawa Langkawi berasal daripada sebuah pulau yang agak mundur tetapi dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita terutamanya Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, kita tengok kedudukan Langkawi sekarang boleh kita banggakan. Setiap tahun ada sahaja acara-acara yang membangunkan nama Langkawi.

Kalau tidak silap saya, lumba basikal Langkawi, pertunjukan *marin* dan kapal terbang dan lain-lain yang ada hubungannya dengan Langkawi. Apa yang kita bincangkan sekarang ialah menambahkan lagi satu kemudahan untuk orang yang mencintai kapal layar menjadikan Langkawi bukan sahaja tempat persinggahan tetapi mahu mendaftarkan kapal layar mereka di situ.

Saya sangat bersetuju dengan komen Tuan Yang di-Pertua, keadaan kita berlainan dengan tempat-tempat yang lain. Oleh kerana kekangan-kekangan tertentu, saya rasa tidak semua apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi dapat disediakan di Langkawi, setidak-tidaknya sekarang. Mungkin barangkali lima atau sepuluh tahun yang akan datang, kemudahan-kemudahan yang dikehendaki itu timbul dengan secara sengaja atau tidak sengaja disebabkan oleh perkembangan-perkembangan bukan sahaja perkembangan pendaftaran kapal, singgah kapal dan lain-lain tetapi juga ditambah dengan keperluan-keperluan dan perkembangan-perkembangan kemajuan-kemajuan lain.

Saya rasa tidak usah kita terlalu sangat menekankan bahawa untuk maju, supaya usaha kita ini tidak gagal, supaya usaha ini tidak membuang masa dan membuang belanja, maka kita haruslah sekali gus pada peringkat awal ini menyediakan semua perkara-perkara yang sepatutnya ada seperti di tempat-tempat lain.

Bagi saya elok kita jalankan ini sebagai satu gerakan awalan, tindakan awalan yang kemudian kita percaya dengan keramahtamahan kita, dengan keselamatan yang ada di sekeliling negara kita dan lain-lain, orang akan datang ke negeri kita khususnya di Langkawi dan oleh kerana kedatangan yang bertambah itu, insya-Allah bertambahlah kemudahan-kemudahan termasuklah kemudahan-kemudahan yang dikatakan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kebanggaan saya ialah perkara ini boleh dibahaskan dengan tenang dan mendalam. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kerana dapat memaparkan bahawa Dewan Negara boleh membahaskan isu-isu yang sensitif secara rasional, secara arif, secara tenang, barulah itu membuktikan demokrasi tulen hidup subur di negara kita. Terima kasih [*Tepuk*]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Harapan saya juga di bawah kepimpinan Tuan Yang di-Pertua itu, kita dapat melakukan kesemua urusan kita dengan bijaksana, dengan berkongsi pengalaman dan juga dengan sikap tolak ansur dan kompromi seperti yang kita harapkan.

Berbalik kepada pertanyaan daripada rakan-rakan saya, saya dapati hasrat kerajaan itu adalah baik. Tetapi untuk mencapai hasrat itu, kita menggunakan duit daripada rakyat, duit daripada cukai dan sebagainya. Kalau kita tidak bersedia untuk menyediakan sesuatu kemudahan sepenuhnya, kita kena memikirkan adakah sesuai bagi kita melibatkan negara kita di dalam perkara ini. Itu menjadi asas perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua. Dalam perkara ini secara kebetulan Tuan Yang di-Pertua, bukan pendaftaran kapal....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud seperti kata dengan izin, dalam bahasa Inggeris, *if you think you cannot do it well, don't do it at all!*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Yes, yes. Itu maksud saya. Saya tidak mahu lihat, sudah ada contoh, saya sudah bagi satu contoh – Langkawi. Pendaftaran Kapal, dalam masa dua tahun, satu kapal sahaja didaftarkan. Bolehkah kita berbangga dengan usaha kita? Boleh? Saya fikir tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah kalah dalam perkara ini, kita sudah kalah. Kalau tiap-tiap aspek kita masuk, kita menghadapi masalah yang sama, adakah kita memikirkan bahasa kita betul? Harapan kita betul? Pelaksanaan kita betul? Ataupun mungkin tidak sampai masa lagi bagi kita menceburi

diri dalam perkara ini. Kita bukan satu tugas yang diwajibkan Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu tugas yang diwajibkan.

Kita sudah ada sektor-sektor swasta yang menyediakan kemudahan marina dan sebagainya dan mereka datang. Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu contoh biar saya beri sedikit maklumat, ini daripada pengalaman saya. Bot yang saya naiki itu dari Pulau Pinang - Swettenham Pier ke Langkawi itu apabila dia isi minyak, tangkinya kalau penuh boleh isi setengah juta ringgit minyak diesel. Dalam perjalanan dari Singapura ke Langkawi balik ke Singapura lebih kurang suku tangki itu sudah habis. Kalau kita bandingkan amaun pendapatan yang kita boleh perolehi akibat daripada satu kapal isi minyak sahaja.

Selain daripada itu kita boleh jual air, kita boleh jual bekalan-bekalan lain kepada kapal yang datang itu. Ini adalah satu industri, kita kata pertumbuhan ekonomi kita kena cari jalan dan sebagainya dan ini adalah satu perkara yang mendapat sambutan yang baik. Tentu akan memberi banyak kemudahan kepada kita. Itu yang kita kena memikirkan dan kita bukan satu negara yang begitu kaya sehingga kita cuba ini dan gagal dan cuba itu dan gagal, cuba ini dan gagal, bolehkah kita berbuat demikian? Kita tidak boleh, kerana kita kena memikirkan dengan baik.

Kalau kita hendak membuat sesuatu, kita kena memikirkan sama ada masyarakat kita sudah sampai ke tahap itu untuk mengalu-alukan perkara ini ataupun kita masih ada masalah dari segi penerimaan sesuatu perkara itu, itu yang saya tanya kerajaan dalam perkara yang saya bangkitkan itu, saya tidak mahu lihat sekarang Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu situasi di mana satu percubaan kita untuk membuka Langkawi International Yacht Registry itu telah gagal, itu untuk pendaftaran kapal layar. Sekarang kita mahu....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, balik kepada semangat ucapan Yang Berhormat yang saya terjemahkan tadi dengan izin, *if you think you cannot do it well, don't do it at all*. Ia juga boleh dipakai dalam mendirikan rumah tangga, nikah kahwin, *if you think you cannot carry a family well, raise a family, don't get married at all*. *Instead of getting married and divorcing one year later*. Satu lagi, *if you think you cannot be a minister, don't try to be a minister at all instead of making everybody unhappy*.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Yes, selepas itu menangis, *why* menangis? *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]* *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, itu saya paling bersetuju, kalau kita mahu secara ketulusan menyatakan sesuatu itu biar kita memegang kepada pendirian kita, dan selepas itu kalau kita rasa sudah ada kesilapan kita telah buat sesuatu yang silap, kita harus juga akui bahawa kita ada kelemahan dan mungkin kita akan dimaafkan kerana itu adalah satu aspek kekurangan manusia. Seseorang manusia itu ada kekurangan dan kalau kita buat silap kita minta pohon ampun dan sebagainya dan kita akan dimaafkan dan perkara itu dianggap tutup.

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya belum habis menjawab pertanyaan tentang Terengganu dan saya juga mahu mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan Selamat Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu.

Saya melawat Terengganu dan saya melihat ada perhiasan-perhiasan kerana hari ini sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, dari segi apa yang saya meninjau sepintas lalu sahaja, kerana saya semalam sahaja di sana, saya melihat mungkin kemudahan-kemudahan itu ada, tetapi dari segi menarik pelancong dan sebagainya mungkin kita boleh menambah baik lagi. Dari segi Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Idris Jusoh itu dan juga Ketua Menteri Pulau Pinang, esok dan lusa Ketua Menteri Pulau Pinang akan berada di Kuala Terengganu. Saya sendiri dan tiga orang, kita semua rakan sejawat di USM, bolehlah. Sekarang Yang Berhormat Dato' Dr. Latif Awang dia juga rakan saya di USM, Pulau Pinang dan kami semua empat orang dari Pulau Pinang ditempatkan di USM, dan kemudian tiga orang masuk politik di barisan hadapan, saya di barisan belakang dan saya diminta datang ke sini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau hendak bagi sumbangan dalam bidang politik sekalipun *make sure you do it well!*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu yang penting dan saya juga menggalakkan....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak boleh, jangan!

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Lebih baik jangan, kalau tidak boleh pun hendak cuba nanti tidak berjaya dan kita rasa kecewa dan sebagainya kenapa? Dan lebih baik kita cari sektor yang kita ada minat dan kita ada kebolehan, dan kita beri tumpuan

sepenuhnya kepada perkara itu. Kalau kita rasa kita boleh menjadi seorang korporat atau ahli korporat yang berjaya dan kita minta AP, kita buat ini, buat itu....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, mungkin kita boleh, kita boleh jadi ahli korporat. Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, bermaknanya kalau hendak jadi ahli korporat boleh minta AP, tetapi kalau sekadar hendak jual AP sahaja baik tidak usah. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu mungkin cara yang senang Tuan Yang di-Pertua, kalau saya minta satu AP saya difahamkan mungkin bernilai 30,000 ribu ringgit dan kalau saya ada 1,000 AP sudah cukuplah tidak payah buat apa lagi, kita jual AP sahaja. Tidak payah buat apa kerja, mengapa menyusahkan diri dan saya diberitahu pemegang AP dia berada di London, dia hendak *lunch* di Paris dan tempah helikopter dari London dan terbang ke Paris makan *lunch*, selepas itu balik ke London - helikopter Tuan Yang di-Pertua, kerana dia ada begitu banyak APs. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, itukah tujuan kita ataupun kita ada tujuan yang lebih murni, kita mahu menggalakkan usahawan-usahawan mungkin pembina-pembina bot itu datang ke Langkawi untuk mendaftarkan syarikat mereka, dan selepas itu membawa banyak bot masuk ke Langkawi dan Langkawi menyediakan kemudahan dan sebagainya kepada pihak-pihak ini.

Itu mungkin hasrat kerajaan dan saya juga mahu melihat Langkawi itu berjaya kerana Langkawi dari Pulau Pinang begitu dekat sahaja dan kita dengan Kedah kawan baik kerana kita menganggap kita sebagai negeri miskin di utara - Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Dengan demikian kita boleh membantu dan kita ada satu koridor IMTGT yang kita mahu menarik lebih pelancong. Apa usaha kerajaan di Kedah, kita di Pulau Pinang juga menyokong. Tetapi dari segi pengalaman kita Tuan Yang di-Pertua, itu penting. Kita tidak mahu kata kita *try*. Kita *try* kita pun mesti ada harapan *try* mesti *succeed* atau berjaya. Dalam perkara ini kita sudah lihat pendaftaran kapal itu lebih senang daripada pendaftaran syarikat, Tuan Yang di-Pertua. Pendaftaran syarikat bagi saya lebih mustahak, lebih mustahil dan lebih susah daripada pendaftaran kapal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peraturan Mesyuarat 63 dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Haji

Karim Ghani mempengerusikan majlis Mesyuarat Dewan Negara bagi pihak saya pada hari ini seterusnya.

4.02 ptg

[Datuk Haji Karim Ghani **mempengerusikan Mesyuarat**]

Datuk Haji Karim Ghani: Teruskan Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha kita ini Tuan Yang di-Pertua, saya suka lagi hendak tanya, apabila pejabat yang telah dibuka itu kurang dapat sambutan yang baik, yang sedia ada tapi dibuka oleh kementerian lain. Kementerian Pengangkutan telah membuka satu pejabat di Langkawi untuk pendaftaran kapal layar antarabangsa. Sekarang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mahu membuka satu lagi pejabat untuk pendaftaran syarikat kapal layar. Satu usaha yang ada kaitan dengan kapal tetapi dikendalikan oleh dua kementerian. Semalam pegawai-pegawai dari Kementerian Pengangkutan ada, hari ini pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Yang di-Pertua.

Saya pun tidak tahu sama ada kedua-dua kementerian ini hendak berkongsi pejabat, atau tiap-tiap ada pentadbiran sendiri, ada *budget* sendiri, dan ada kemudahan sendiri. Dari segi birokrasi selepas daftar syarikat, daftar kapal dia kena berhubung dengan kedua-dua kementerian. Ini pun satu perkara yang bagi saya mungkin membazirkan kerana kita kena buka dua pejabat, kita kena melantik dua set pegawai. Kita sekarang ada dua pendaftar satu pendaftar sini, satu pendaftar sana. Semua *duplicate*, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi kos tentulah, saya tidak tahu saya tidak sempat cari *budget* yang diperuntukkan kepada pendaftaran kapal layar ini. Dalam masa dua tahun kita sudah ada *budget*, kita sudah guna perbelanjaan dan sebagainya dan sekarang kita mahu mula satu proses yang baru dengan satu set pegawai dan juga kemudahan-kemudahan yang lebih kurang sama tujuan iaitu untuk pendaftaran.

Saya tidak tahu kenapa pemisahan fungsi dalam perkara ini begitu ketara sehingga satu proses yang melibatkan perkara yang sama itu tidak dapat di kendalikan oleh sesuatu kementerian dan tumpuan di bawah satu kementerian sahaja. Ini adalah satu perkara yang mungkin ada sebab-sebab tertentu. Sungguhpun saya tahu bahawa

Kementerian Hal Ehwal Pengguna sekarang menjadi *Registrar of Companies* (ROC) atau pendaftar syarikat-syarikat, di sini mungkin yang terlibat ialah syarikat-syarikat dan oleh kerana itu mungkin di letak di bawah kementerian yang lain dan semalam kita membahaskan pendaftaran kapal layar di bawah bidang tugas kementerian yang lain. Tapi kalau kita boleh menggabungkan proses itu, bagi saya itu akan membawa satu penjimatan perbelanjaan kerajaan. Mungkin tidak banyak, mungkin satu bulan RM50,000,00 tapi dalam setahun pun lebih kurang setengah juta atau RM0.6 juta itu pun satu amaun yang kalau boleh di jimat harus di jimat demi kepentingan negara.

Memandangkan pada masa sekarang kita lihat begitu ramai anak kita tidak ada peluang untuk melanjutkan pelajaran kerana tidak ada bantuan kewangan, tidak ada biasiswa dan sebagainya dan di sini kita rela membelanjakan duit-duit yang kita tahu mungkin pada hari akhir tidak akan membawa apa kesan baik kepada kita, dan mungkin setahun dari sekarang apabila kita tanya sejak dibuka pendaftar ini atau daftar ini berapa syarikat telah daftar mungkin kita akan diberitahu kosong, saya tidak tahulah ramalan saya ialah kosong. Kalau kosong itu bermakna kerana saya kata dalam tempoh satu tahun kosong, dalam kes yang saya sebutkan tadi dalam tempoh dua tahun satu itu sahaja pendaftaran, ini mungkin dalam satu tahun kosong pendaftaran. Kalau demikian adakah kita akan mengkaji balik sama ada sesuai atau tidak untuk memberi kemudahan ini dengan harapan ia akan membawa lebih syarikat-syarikat berdaftar di Malaysia.

Yang penting sekali untuk menjayakan projek ini saya harap kita akan memberi tumpuan yang lebih kepada pihak-pihak yang ingin mendaftar syarikat mereka di Langkawi ini untuk berbuat demikian. Kita kena senaraikan kemudahan-kemudahan yang kita mahu sediakan, insentif-insentif yang ada dan apakah kebaikan dibandingkan dengan *Bermuda, Panama, Cayman Island* dan tempat-tempat lain atau *Monaco* dan sebagainya yang sudah orang kenali sebagai tempat sama ada *tax heaven* sama ada memberi keutamaan atau kemudahan yang terbaik dan sebagainya.

Itu semua. Kita sekarang mahu mula dan kita perlukan promosi, dan di Dewan yang mulia ini kita pun tidak tahu apa insentif yang akan diberi. Kita pun tidak tahu, mungkin kerajaan pun belum memikirkan lagi apa insentif akan diberi, bila hendak menguatkuasakan ini? Kalau pelabur bertanya "*Why must I register my company in Langkawi?*" Apa yang akan boleh diberikan kepada saya?" Barulah kita memikirkan, itu

sudah terlambatlah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi itu adalah permulaan. Saya sudah ambil masa yang panjang. Itu adalah permulaan perkara-perkara yang saya ingin bawa ke Dewan yang mulia ini sebagai pemerhatian sebelum saya menyentuh fasa demi fasa dalam rang undang-undang yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini adalah satu rang undang-undang yang baru dan bukan satu pindaan kepada rang undang-undang yang sedia ada, ini satu perkara yang baru dan semua fasa yang ada dalam rang undang-undang ini adalah fasa-fasa baru dan belum pernah dibahaskan, maka ada banyak unsur bagi kita membuat komen dan juga memberikan pandangan. Saya akan cuba berbuat demikian dalam perkara ini. Saya telah meninjau fasa demi fasa atau seksyen demi seksyen dalam rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini dan semuanya ialah 127 fasal dalam rang undang-undang ini dan pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua nampaknya ia sangat mencukupi, ia sangat menyeluruh, ia telah merangkumi kesemua perkara yang saya rasa penting dalam satu rang undang-undang baru itu. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dan juga pihak Pejabat Peguam Negara atas usaha mereka untuk membentangkan perkara ini.

Aspek-aspek yang penting ada yang saya bersetuju dengan sepenuhnya, ada yang saya buat pertanyaan dan ada yang saya akan beri pendapat sendiri supaya akan diambil kira nanti oleh kementerian sama ada dalam peringkat pemindaan kerana akta yang kita telah luluskan baru-baru ini iaitu [Akta 630] untuk pendaftaran kapal layar pada tahun 2003. Semalam kita telah meminda akta ini selepas diguna pakai satu tahun lebih sungguhpun sambutan kepada akta itu tidak begitu baik, tetapi sungguhpun demikian akta itu telah dibuat pindaan.

Ini adalah satu akta, satu rang undang-undang baru dan mungkin selepas diguna pakai dalam masa satu, dua tahun, ada dari segi pengalaman yang diperolehi semasa itu kita mungkin ada pindaan dan cadangan-cadangan baru. Kalau pandangan saya itu boleh diambil kira pada peringkat sekarang itu adalah baik, tetapi kalau tidak dapat diambil kira pada peringkat sekarang maka ia boleh dikaji dan kemudian kalau dirasai sesuai boleh dimasukkan ke peringkat pindaan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah tentang ketidakpakaian Akta Syarikat 1995 iaitu di bawah seksyen 5 rang undang-undang ini ada diperkatakan bahawa ketidakpakaian Akta Syarikat 1965. Ini dikecualikan kepada Syarikat Langkawi atau syarikat asing yang akan diperbadankan atau didaftarkan di bawah akta ini. Yang pertama saya ingin bertanya rasional supaya ini dengan Akta Syarikat 1965 itu tidak ada kaitan, ini berasingan daripada Akta Syarikat 1965 yang diusahakan oleh ROC (*Registrar of Companies*).

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman kita dalam pelaksanaan Akta Syarikat 1965 itu sudah banyak. Tahun demi tahun kita telah melihat perkembangan dalam akta-akta kita dan kita telah membuat beberapa pindaan yang penting kepada Akta Syarikat 1965. Jadi saya ingin tahu unsur-unsur yang telah dipinda khususnya kewajipan-kewajipan yang dikenakan kepada pengarah-pengarah syarikat. Nampaknya, semua itu tidak ada dalam rang undang-undang yang baru ini. Bagi saya ini adalah satu perbezaan yang sangat ketara dan sangat besar dan mungkin sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menarik perhatian saya apabila kita buat pindaan kepada Akta Syarikat 1965 itu ialah tentang pengarah syarikat - kewajipan-kewajipan, tanggungjawab dan sebagainya yang kena dilakukan oleh seorang pengarah, sehingga di bawah Akta Syarikat 1965 itu kita memerlukan seseorang pengarah itu supaya menghadiri kursus. Kalau tidak menghadiri kursus tidak boleh menjadi pengarah. Itu adalah satu keperluan dari Akta Syarikat untuk menghadiri kursus dan sekurang-kurangnya tahu selok belok *business* dan sebagainya. Dan satu aspek yang penting ialah tanggungjawab tentang penyelewengan dan sebagainya di mana pengarah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 itu ada tanggungjawab juga. Kalau bersabit salah maka kita ada liabiliti peribadi (*personal liability*) dalam perkara ini.

Dan dari segi ketelusan Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kita sekarang sudah ke satu tahap yang boleh dikatakan sangat membanggakan, kerana kerajaan yang baru ini adalah kerajaan yang dipilih sejak bulan Mac 2004 ini. Sekarang mementingkan ketelusan, Perdana Menteri kita telah menyatakan jangan tipu, "*tell the truth*" dan sungguhpun dalam isu AP itu, keputusan telah dibuat supaya tidak mendedahkan senarai penerima AP itu, tetapi Jabatan Perdana Menteri sendiri mengumumkan senarai

itu. Dan kalau kita lihat surat khabar hari ini, semalam, kita lihat bahawa tindakan semacam itu telah menerima sambutan yang baik daripada kalangan rakyat.

Dan saya sangat tertarik hati melihat Ketua Pembangkang kita pun menyatakan kita sudah masuk ke satu era baru dari segi *accountability* dan ketelusan. Adakah dalam rang undang-undang yang baru ini mencapai hasrat kerajaan? Bagi saya tidak, dan kita macam sudah undur, *retreated* daripada kemajuan yang telah dicapai oleh negara kita dalam perkara-perkara pengurusan syarikat. Ini satu perkara yang mustahak.

Terdapat unsur-unsur yang baik dalam Akta Syarikat 1965, tidak dimasukkan dalam rang undang-undang baru ini dan saya rasa adalah satu ketinggalan yang sangat mustahak dan tak harus berlaku, kita mahu maju, kita tidak mahu ke belakang Tuan Yang di-Pertua dan adalah mustahak bagi tiap-tiap kementerian sebelum membentangkan sebarang rang undang-undang memikirkan keadaan semasa. Keadaan semasa ialah supaya kita mentadbir secara terbuka, kita lebih telus dalam negara kita. Kita lebih memberitahu maklumat dan saya juga terbaca dalam surat khabar hari ini bahawa Perdana Menteri sendiri minta pemimpin-pemimpin UMNO di Persidangan Perwakilan itu apabila sesuatu isu sahaja dibangkitkan oleh para perwakilan maka beri jawapan, beri penjelasan, jangan sembunyi apa-apa perkara dan ini adalah satu cara terbuka yang sedang diamalkan di negara kita.

Kita mahu orang yang mengguna Malaysia sebagai ibu pejabat atau *base* mereka itu supaya memahami hasrat kerajaan dan apa-apa undang-undang yang diguna pakai terhadap mereka kena buktikan bahawa kita adalah telus berhal tuju yang dimaksudkan itu. So itu adalah satu perkara pertama tentang Seksyen 5 di mana ketidakpakaian Akta Syarikat 1965.

Tetapi kalau ketidakpakaian keseluruhan akta itu mungkin boleh diterima tetapi aspek-aspek yang penting yang kita telah, pada masa-masa yang lalu itu kita telah memikirkan penting dan kita telah masukkan dalam pindaan kepada akta itu, kita harus memberi perhatian yang mencukupi kepada perkara semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh dan juga ada kaitan dengan proses kawalan dan proses kelulusan ialah tentang peranan juruaudit. Di bawah Seksyen 85, ada diperuntukkan bahawa juruaudit itu tidak

diperlukan, ada disebutkan juruaudit tidak diperlukan dan ia memberikan dua keadaan di mana juruaudit tidak diperlukan.

Satu, kalau tidak ada tawaran kepada orang awam untuk membeli saham di dalam syarikat itu, dan yang kedua, sekiranya mesyuarat anggota-anggota syarikat demikian menerima satu resolusi bahawa tidak perlu melantik juruaudit.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kata demikian, maka kita menerima satu keadaan di mana penyelewengan itu boleh berlaku tanpa kawalan. Ada pihak lain yang akan memeriksa dan bagaimana kita boleh mengawasi perkara *money laundering*, Tuan Yang di-Pertua, kerana syarikat itu mungkin didaftarkan di Vietnam atau di Amerika atau di Australia dan kemudian buka satu cawangan di sini dan didaftarkan di Langkawi.

Dan tiba-tiba akaun itu menunjukkan begitu banyak duit sudah ada dalam akaun tanpa apa usaha, tak bina bot, tak sewa bot, tak buat apa tapi akaun itu tumbuh, duit itu tambah dan sebagainya. Siapa pihak pun tak memeriksa akaun itu dan anggota kata tidak perlu melantik juruaudit dan juruaudit itu tidak dilantik. Dan kita juga membenarkan pendaftaran syarikat di mana hanya ada seorang pengarah sahaja membuat keputusan tak perlu lantik juruaudit.

Adakah Malaysia akan menggalakkan budaya semacam ini, walhal kita sendiri telah begitu tegas kepada syarikat-syarikat yang didaftarkan di Malaysia mesti ada juru audit. Juru audit mesti orang yang layak dilantik sebagai juru audit. Kalau juru audit buat kesilapan, boleh dipenjarakan, boleh digantung lesennya dan sebagainya. Kita semua ada meminda Akta Syarikat tahun 65 untuk membolehkan perkara-perkara ini. Tetapi bagi rang undang-undang yang dijalankan itu, bagi saya kita memakai satu standard yang kurang arif dan kalau ada penyelewengan yang berlaku kita sudah kata kita bersama-sama dengan para lain untuk mengatasi masalah *money laundering* dan kita telah menandatangani perjanjian antarabangsa dan protokol ini, protokol itu untuk menangani perkara ini.

Tetapi dalam rang undang-undang ini, saya lihat kita sudah membuka ruang dengan mengadakan seksyen 85 ini. Jadi, saya tidak tahulah apakah rasional dalam perkara ini supaya difikirkan tidak perlu juru audit. Dalam kedua-dua keadaan itu, mungkin satu sindiket datang daftarkan satu syarikat di Langkawi dengan tujuan hendak mengendalikan kapal layar, tetapi sebenarnya tidak ada apa kegiatan dan syarikat itu

diguna untuk tujuan-tujuan jenayah seperti membawa duit masuk dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya memikir ini adalah suatu....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi tentang syarikat-syarikat boleh ditubuhkan di Langkawi tanpa juru audit. Maksudnya, adakah kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat seperti apa yang Yang Berhormat cakap tadi, menggalakkan syarikat-syarikat luar supaya boleh mengadakan syarikat di Langkawi? Ini bukannya, dari segi keselamatan tidak terjamin lagi di Langkawi. Padahal kita lihat sekarang ini, ramai lanun telah pun mula beroperasi di Langkawi dan kita takut, kalau syarikat-syarikat ini tidak diaudit, tidak diawasi mungkin keselamatan di Langkawi sudah tidak terjamin. Ini sebagai satu, Langkawi adalah terkenal dengan kawasan pelancongan. Saya takut kalau terjadi perkara-perkara yang keselamatan ini sudah tentulah pelancong-pelancong tidak akan melawat di Langkawi lagi. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja tidak mahu melawat, tetapi negara-negara lain pun mungkin tidak mahu ada apa lagi *venture* atau usaha sama dengan kita, memandangkan undang-undang kita itu membenarkan penyelewengan itu berlaku. Ini adalah satu risiko yang besar bagi saya dan oleh kerana itu, dari segi pengauditan, saya berpendapat ini adalah satu perkara yang begitu mustahak dan kita tidak haruslah tolak ansur dalam perkara ini dan kita mesti mewajibkan bahawa pengauditan itu dibuat. Syarikat-syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat itu, kita ada jawatankuasa audit, dan jawatankuasa audit itu kita mahu pengarah bebas atau *independent director* duduk sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit. Itu adalah satu keperluan di bawah Akta Syarikat. Setiap syarikat mesti ada satu Audit Committee dan Audit Committee itu dipengerusikan oleh seorang *independent director* kerana pengarah yang bebas itu, dia tidak ada hubungan. Dia bukan ada *share* dalam syarikat berkenaan. Dia bukan saudara mara kepada pihak yang memegang majoriti syer dalam syarikat tersebut.

Tanggungjawab kepada seorang *independent director* itu sangat berat, oleh kerana itu banyak orang. Sekarang pun fikir banyak kali sebelum mahu menerima tawaran untuk menjadi *independent director* kerana tanggungan-tanggungan begitu

berat diperlukan oleh Akta Syarikat tahun 65. Tetapi dalam syarikat yang akan didaftarkan di Langkawi ini, di bawah Akta ini nampaknya tidak begitu ketat dan apakah rasionalnya, saya tidak tahu. Saya tengok ini sebagai satu perkara yang memberi *wrong signals* kepada masyarakat antarabangsa kerana kita telah menjadi anggota WTO. Di bawah keanggotaan WTO, kita ada obligasi-obligasi antarabangsa. Siapa yang buat *business* di Malaysia ini, perlu membuka semua perkara mereka itu kepada pemeriksaan antarabangsa supaya perkara ketelusan itu kita dapat mencapai dan juga masalah-masalah lain itu kita dapat mengatasi....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Mohon laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan perbincangan ini, adakah maksud Yang Berhormat bahawa mengikut akta yang dicadangkan ini perkara 84 memang maknanya disebutkan di sini

Dato' Dr. Chin Fook Weng: 85!

Tuan Hassan bin Haji Shukri: 84. Ha, 84 juru audit hendaklah dilantik. Pada pemahaman saya, 'hendaklah' ini adalah suatu perkara yang wajib yang mesti dilantik. 85 ini adalah suatu pengecualian. Jadi, adakah maksud Yang Berhormat supaya pengecualian yang terkandung dalam perkara 85 tidak diadakan langsung supaya syarikat itu mesti ataupun wajib melantik juru audit seperti mana yang dikehendaki oleh perkara 84 (1) dan (2) akta yang dibentangkan itu. Adakah itu maksud Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua adalah betul bahawa di dalam dua keadaan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 85 itu maka juruaudit itu tidak perlu. Pendapat saya ialah juruaudit begitu mustahak dan diperlukan. Kita tidak beri apa pengecualian dalam apa juga keadaan, itu yang mustahak. Kerana di dalam negara sendiri kita memakai satu lagi set undang-undang yang begitu ketat sehingga juruaudit pun, bukan siapa boleh jadi juruaudit Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini apabila kita buat pindaan kepada akta kita juga ada tanggungjawab juruaudit termasuk satu tanggungjawab yang penting Tuan Yang di-Pertua, itu yang bagi saya yang paling penting. Akta sekarang mewajibkan seorang juruaudit. Kalau juruaudit itu rasa ada penyelewengan dalam akaun maka dia menjadi tanggungjawabnya supaya melaporkan kepada pihak berkuasa, itu tanggungjawabnya.

Kalau ia sembunyikan perkara ini dan tidak melaporkan perkara ini kepada pihak berkuasa maka ia sudah bersabit salah dan boleh dipenjarakan bukan sahaja kehilangan lesen tetapi boleh dipenjarakan. Saya tidak ingatlah berapa lama boleh dipenjarakan tetapi boleh dipenjarakan. Ini dipertanggungjawabkan kepada orang yang berkenaan kepada juruaudit yang berkenaan. Kalau kita hendak jadi juruaudit kita mesti memahami. Semua ini telah kita guna pakai selepas melihat beberapa *fiasco* di arena antarabangsa bukan di Malaysia di arena antarabangsa ENRON satu syarikat gergasi, ENRON telah menghadapi masalah kerana kejadian yang berlaku oleh Pengarah Syarikat demikian. Sehingga juruaudit yang berkenaan juga menghadapi masalah dan juga perkara itu sampai ke Malaysia.

Di Malaysia kita ada satu *revamp* yang besar kepada para juruaudit. Firma-firma itu ada mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka ini. Firma itu Arthur Anderson, Arthur Anderson sekarang di dunia tidak ada lagi. Cuma di Malaysia telah bergabung dengan syarikat lain tetapi di dunia tidak ada lagi kerana pihak tidak boleh harapkan juruaudit ini lagi dan kita mahu melihat kerana akta kita sendiri yang di guna pakai oleh warga Malaysia itu begitu ketat mengambil kira fungsi tanggungjawab juruaudit dan juga harapan kerajaan supaya kita dapat mewujudkan satu suasana yang boleh meyakinkan komuniti antarabangsa tentang kebolehan-kebolehan di Malaysia.

Itu yang penting dan kalau kita tidak mementingkan perkara ini di dalam rang undang-undang seperti yang dibentangkan hari ini saya kesal, saya kesal satu kemajuan yang telah dicapai itu kita ketepikan demikian sahaja. Itu tidak betul, tidak betul. / pun tidak faham lah apa ke rasionalnya dan saya harap ini akan diberi dalam perkara ini dan berkaitan dengan peranan juruaudit Seksyen 89, Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 89 juga tidak ada peruntukan bahawa kalau seseorang juruaudit itu berkenaan dengan hak tanggungjawab seorang juruaudit itu, dia tidak menyatakan seperti di bawah akta syarikat itu bahawa juruaudit kena memberitahu pihak berkuasa kalau juruaudit terdapat ada apa masalah dalam akaun itu. Itu menjadi satu tanggungjawabnya.

Tetapi kalau kita lihat Seksyen 89 kita hanya menyatakan juruaudit itu kena melaporkan kepada anggota syarikat sama ada akaun yang telah dibentangkan itu betul-betul mengimbangkan, keadaan betul memberi gambaran tentang keadaan yang sebenar. Subseksyen 89(2) iaitu hanya tentang *Memorandum & Articles (M&A)* itu

sahaja yang ada di sini. Saya rasa ini tidak mencukupi, ini patut mengambil kira fungsi yang diharapkan kepada seorang juruaudit itu. Dalam perbincangan peranan juruaudit itu saya juga menyatakan saya bagi pandangan tentang ganjaran-ganjaran yang harus diberi kepada juruaudit.

Saya juga tidak bersetuju dengan keadaan sekarang di mana juruaudit merunding ganjaran atau *fee* nya dengan pihak syarikat yang melantiknya, tidak, itu tidak sebenar. Kerajaan patut tetapkan satu skala *fee* yang boleh dibenarkan dan kemudian sebagai seorang profesional dia harus menggunakan skala itu dan keadaan yang lebih baik bagi saya ialah kerajaan membayar ganjaran kepada juruaudit bukan syarikat, kerajaan membayar ganjaran kepada juruaudit dan juruaudit bertanggungjawab kepada kerajaan kerana kita mahu melihat ya dalam kes itu *Registrar Of Companies* (ROC) membayar ganjaran kepada juruaudit dan juruaudit tidak bergantung kepada ganjaran daripada syarikat-syarikat yang dia auditkan itu.

Dalam Akta Koperasi Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lihat Jabatan Koperasi memberi satu senarai, satu senarai juruaudit dan pihak-pihak itu digalakkan atau diminta carilah dari senarai itu, lantiklah dari senarai ini seorang juruaudit untuk mengaudit akaun syarikat atau koperasi berkenaan. Ini adalah satu perkembangan yang baik tetapi dalam perkara ini satu kewajipan yang dikenakan kepada juruaudit di bawah Akta Syarikat ini tidak dikenakan kepada seorang juruaudit dalam rang undang-undang ini. Ini bagi saya adalah satu perbezaan yang menunjukkan ada kelemahan.

Yang pertama saya tanya kenapa kerajaan telah rasa bahawa adalah begitu penting bagi syarikat-syarikat kita, pengauditan yang lebih rapat diadakan dan kita ketatkan syarat-syarat pelantikan juruaudit dan sebagainya. Dalam situasi ini kita tidak memberi perhatian yang cukup kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pelantikan juruaudit di bawah Seksyen 16(1) itu, juruaudit yang diluluskan atau *approved auditor*, tajuk itu adalah *approved auditor* atau juruaudit yang diluluskan, ada dikatakan pendaftar boleh meluluskan sebarang orang untuk dilantik sebagai juruaudit untuk tujuan akta ini. Itu ada disebutkan di bawah Seksyen 16(1). Saya mahu tahu dari segi kelulusan juruaudit ini, adakah syarikat itu boleh melantik seorang juruaudit dari firma, katakan dari negara lain, katakan dari Indonesia, dari Fiji atau dari Sri Lanka atau dari Amerika Syarikat, adakah pendaftar

akan meluluskan cadangan itu kerana tidak disebutkan sama ada juruaudit itu mesti Ahli MIA atau juruaudit-juruaudit, satu kumpulan orang yang sekarang kita mahu melatih sebagai pakar dalam audit.

Kita juga melihat sekarang Lembaga Hasil Dalam Negeri, kerjanya sekarang juga audit kerana dia tidak *check* tiap-tiap pembentangan, *written* deklarasi pendapatan, dia tidak *check* lagi, dia buat pengauditan. Fungsinya ialah audit, tetapi orang yang membuat pengauditan itu mesti orang yang terlatih, orang yang cukup pengalaman. Jadi tidak disebutkan apa kelayakan. Di sini disebutkan pendaftar boleh meluluskan seorang di bawah Seksyen 16(1). Jadi saya ingin tahu apakah kriteria yang diguna oleh pendaftar semasa meluluskan pelantikan juruaudit ini, dan adakah itu bermakna orang yang bukan didaftarkan di Malaysia itu boleh jadi juruaudit.

Kalau itu adalah benar, mengapa kita mahu sedemikian? Kenapa kita tidak wajibkan bahawa juruaudit itu mesti dari Malaysia, mesti diluluskan oleh Kerajaan Malaysia dan biasanya juruaudit juga menjadi juruaudit kepada firma-firma di bawah Akta Syarikat 1996. Saya mahu melihat satu keadaan sedemikian oleh kerana kita mahu satu kumpulan orang profesionalisme yang betul-betul membantu kerajaan dalam mengawasi perkara akaun sesuatu firma itu. Kita mahu satu budaya itu wujud dan kumpulan itu kita kena bagi galakan, kita kena bagi latihan dan selepas itu kita kena bagi pekerjaan supaya kumpulan ini boleh membantu kerajaan dalam mengatasi sebarang penyelewengan yang ada.

Ini semua kalau diusahakan dengan baik, saya nampak kita boleh sampai ke tahap yang kita harapkan di bawah Wawasan 2020. Kita mahu satu tahap negara maju termasuklah kerja pengauditan juga maju. Ini bagi saya adalah mustahak. Saya tidak tahulah rasional yang diguna oleh kementerian ini supaya tidak diwajibkan bahawa pelantikan juruaudit itu diberi perhatian yang lebih serius, dan kawalan pihak-pihak yang akan dilantik itu juga diberi perhatian yang lebih serius supaya kita mahu melihat satu suasana di Malaysia di mana syarikat-syarikat yang berdaftar di sini ada harapan bahawa kita mengawasi kesemuanya dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya menyentuh tentang Seksyen 6 yang menyatakan syarikat-syarikat kapal layar yang didaftarkan di Langkawi ini tidak boleh menjalankan apa-apa perniagaan dengan seseorang pemastautin Malaysia kecuali

diperuntukkan di bawah subseksyen 3, dan subseksyen 3 berbunyi: “hanya dibenarkan dengan aktiviti yang berhubungan dengan kapal layar atau memperoleh pembiayaan atau pemberian pinjaman berhubung dengan aktiviti yang berhubungan dengan kapal layar.”

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tanya apakah rasional di bawah peruntukan Seksyen 6 ini, di mana pihak ini tidak boleh mengadakan perniagaan bersama dengan seorang pemastautin Malaysia kecuali kalau aktiviti itu ada kaitan dengan kapal layar ataupun memberi pinjaman kepada syarikat itu untuk membina kapal layar ataupun untuk membuka marina dan sebagainya, mungkin itu semua dibolehkan. Tetapi satu aspek yang penting ialah mungkin orang yang bermastautin di Malaysia itu ada kepakaran untuk membawa pelancong untuk melawat kapal yang ada itu dan juga mungkin menempah cuti mereka di atas bot dan sebagainya.

Dan oleh kerana itu maka untuk menjayakan aktiviti itu, maka mungkin perkongsian di antara orang tempatan dengan syarikat ini kena diadakan supaya boleh mengembangkan *business* ini dengan lebih teratur dan sebagainya. Tetapi di bawah Seksyen 6 ini, itu dilarang kerana mungkin membawa pelancong ke kapal berkenaan, itu mungkin tidak dianggap sebagai satu aktiviti yang bersesuaian dengan maksud syarikat demikian.

Jadi kita tak mahu juga bahawa orang kita ketinggalan dalam sektor ini dan mungkin ada sebab-sebab tertentu di mana kerajaan rasa adalah penting bagi kita menghadkan penglibatan orang tempatan, orang yang bermastautin di Malaysia itu tidak dibenarkan dan mungkin ada sebab-sebab tertentu. Bolehkah kita juga diberi satu - lebih baik kalau kita boleh diberi satu senarai yang menunjukkan aktiviti-aktiviti yang boleh dibenarkan. Juga satu contoh dan satu senarai aktiviti-aktiviti yang dianggap tidak sesuai dan tidak dibenarkan supaya tidak ada kekeliruan kerana Seksyen 6 itu adalah jelas menyebutkan bahawa hanya dibenarkan aktiviti-aktiviti yang ada perhubungan dengan kapal layar sahaja dan yang lain itu tidak dibenarkan.

Bagi saya, ini adalah satu perkara yang harus diberi lebih maklumat supaya tidak mengelirukan mana-mana pihak. Ini adalah penting supaya kita tidak mahu rakyat kita rasa bahawa sungguhpun kita menggunakan duit rakyat untuk mengadakan pendaftaran syarikat kapal ini tetapi dari segi *business*, mereka dihadkan dan mengendalikan

sesuatu dengan syarikat-syarikat yang didaftarkan itu. Mungkin penjelasan yang diberikan itu akan menenangkan hati rakyat kita bahawa ia bukan tujuan kerajaan untuk menghadkan sesiapa tetapi urusan perniagaan dan kita sebenarnya tidak ada tujuan-tujuan tertentu. Melihat kepada Seksyen 6 ini, saya tidak lihat tujuan dan saya tidak lihat kenapa kita mahu larangan ini.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dengar penjelasan daripada Yang Berhormat tadi, ada beberapa perkara yang saya ingin mengambil perhatian. Kalau dibandingkan Phuket ataupun Bali dibandingkan dengan Langkawi, pelancongan di Phuket dan di Bali lebih mengatasi di Langkawi, yang mana orang datang melancong di Langkawi kurang jika dibandingkan dengan Phuket dan Bali. Tetapi apakah dengan cara memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat untuk menubuhkan syarikat di Langkawi ini untuk menggalakkan pelancongan datang ke Langkawi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, kalau banyak syarikat didaftarkan di Langkawi, mungkin syarikat-syarikat ini akan mengadakan banyak aktiviti sebagai contoh mungkin aktiviti ini termasuk menyediakan *cruise* ke Andaman Sea dan ke lautan Selat Melaka dan sebagainya, dan ini akan menarik pelancong. Mungkin mereka juga akan menyediakan kemudahan untuk memancing ikan dan sebagainya. Mungkin mereka juga boleh mengadakan parti dan sebagainya di atas bot ini dan kalau banyak daripada aktiviti seperti ini dikendalikan, tentulah ia akan menarik pelancong.

Dari segi pelancongan, saya melihat kalau banyak syarikat itu didaftarkan di sini mungkin selepas itu mendaftarkan kapal-kapal mereka di sini juga, maka bendera ataupun *ensign* Langkawi itu kita akan melihat berkibar di merata-rata tempat di dunia dan sebagainya dan lama-kelamaan ramai orang akan kenal, oh, bot ini mungkin dari Langkawi. *Where's Langkawi?* Malaysia. Dan orang itu mungkin akan datang sebagai pelancong dan ada banyak kemungkinan bahawa apabila perkara ini giat berlaku di Langkawi, maka adalah peluang-peluang.

Setahu saya di Thailand, syarikat-syarikat yang mengendalikan bot-bot itu semua ada berkongsi dengan orang tempatan. Ada yang mengendalikan secara berasingan tetapi banyak yang ada *partner* atau rakan kongsi daripada kumpulan orang tempatan. Saya tidak tahu dari segi pengalaman mereka sama ada itu menjadi satu masalah atau

tidak. Mungkin Kerajaan Malaysia telah mengkaji perkara ini dan telah merasakan bahawa ini tidak diinginkan dan oleh kerana itu juga ada cadangan untuk membuat larangan di bawah Seksyen 6 ini. Jadi saya tanya apakah rasionalnya memandangkan di tempat-tempat lain perkara ini telah berjaya dan ia telah dibereskan dengan baik dan tidak menimbulkan sebarang masalah. Kenapa di Malaysia kita tidak mahu membenarkan?

Berhubung dengan perkara ini juga ialah kawalan tentang rakyat Malaysia memegang saham dalam syarikat-syarikat ini. Ia telah menyatakan bahawa dalam syarikat ini, nampaknya orang Malaysia itu tidak digalakkan untuk memegang saham dalam syarikat demikian dan ini juga satu perkara yang mungkin kita kena tahu apakah sebabnya kerana saya melihat dalam pelantikan pengarah itu, hanya minimum ialah seorang pengarah sahaja, so tidak ada bahagian diperuntukkan kepada rakyat Malaysia. Mungkin dalam sektor ini, penglibatan kaum bumiputera dan sebagainya itu mungkin tidak difikirkan penting dan mungkin tidak wujud. Jadi tidak ada peruntukan dalam pemegang syer itu supaya ada unsur ini dan mungkin kementerian rasa ini boleh dimiliki ke 100% oleh orang asing dan tidak perlulah penglibatan orang Malaysia langsung dalam syarikat ini. Itu pun saya fikir memerlukan satu penjelasan supaya kita lebih memahami apakah rasional tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyatakan di sini ialah tentang *liquidation* atau likuidasi yang diluluskan (*approved liquidator*), orang yang diberi tugas sekiranya syarikat yang didaftarkan di Langkawi itu mempunyai masalah maka di bawah seksyen 18(1) ada dikatakan pendaftar boleh meluluskan mana-mana orang untuk menjadi pelikuidasi yang diluluskan atau *approved liquidator*. Bolehkah kita diberitahu apakah kriteria yang diguna oleh pendaftar dalam pelantikan *liquidator* ini, kerana orang yang akan dilantik untuk mengendalikan hal-hal sesuatu firma yang telah didaftarkan di Langkawi tetapi telah menghadapi masalah ia ada fungsi-fungsi tertentu dan di Malaysia kita juga ada kawalan-kawalan tertentu kepada fungsi seorang pelikuidasi termasuk ganjaran yang kena dibayar kepada pihak ini dan sebagainya. Adakah amalan yang ada di Malaysia itu juga akan diguna pakai kepada *liquidator* yang dilantik itu dan kalau *liquidator* ini datang dari orang asing kerana mungkin duit yang

diguna untuk pelaburan dalam syarikat itu datang dari orang asing dan kemudian mereka mahu sesuatu pihak itu dilantik sebagai juru *liquidator*.

Dalam perkara ini, bolehkah kita diberitahu permohonan semacam ini boleh diluluskan atau boleh diterima atau orang yang berkenaan sungguhpun orang asing itu boleh dianggap sebagai orang yang sesuai untuk menjalankan tugas likuidasi ini. Dari segi tanggungjawab kepada pelikuidasi dan kalau bukan orang Malaysia, bolehkah kita memastikan bahawa fungsi dan sebagainya yang dijalankan itu mengikut undang-undang Malaysia yang sedia ada dan dalam proses likuidasi mungkin keutamaan dari segi gaji dan sebagainya akan diberi kepada pekerja yang sedia ada. Satu lagi peruntukkan dalam undang-undang ini ialah hutang yuran pendaftaran kepada pendaftar, dia ada tuntutan yang pertama kepada sesiapa firma yang akan dilikuidasi itu, tuntutan daripada pendaftar syarikat itu mesti diberi keutamaan. Kalau ke mahkamah juga dia akan diberi keutamaan untuk menuntut yuran pendaftaran sekiranya masih hutang yuran pendaftaran.

Jadi ini adalah aspek-aspek yang tidak disebutkan di dalam 18(1) itu ia hanya sebutkan "mana-mana orang" saya tidak tahu siapa orang itu layak dan siapa orang itu tidak layak dan apakah kriteria yang akan diguna oleh pendaftar. Adalah lebih baik kalau dalam perkara yang sensitif semacam ini kerana kita terdapat bahawa hal-hal likuidasi itu selalu menimbulkan sentimen yang tidak diingini dan siapa yang dilantik sebagai pelikuidasi itu amat penting dan sungguhpun pendaftar berhak meluluskan siapa untuk dilantik maka kelulusan itu bagi saya kena lebih telus supaya kita tahu apakah kelayakan dan apakah kriteria yang akan digunakan oleh pendaftar dalam meluluskan pihak itu. Itu berkenaan dengan 18(1).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang nama syarikat untuk pendaftaran dan pemerbadanan di bawah seksyen 27(1) iaitu tentang nama syarikat yang akan didaftarkan di Langkawi itu. Saya lihat ada 3 huruf yang saya tidak tahu maksudnya, LGK. LGK itu saya tidak tahu, apa itu LGK. LGK mesti ada sebut LGK dalam nama syarikat itu. Termasuk LGK, L mungkin Langkawi dan G serta K saya tidak tahu apa itu. Boleh jelaskan apa itu LGK? Dan ini di bawah seksyen 27(3) mesti ada LGK dan saya lihat definisi LGK saya tidak dapat cari. Yang lebih penting bagi saya

ialah di bawah seksyen 27(1) ada dikatakan pendaftar boleh tidak terima amah yang tidak diinginkan atau tidak sesuai.

Dalam banyak daripada nama-nama antarabangsa itu kerana mungkin syarikat yang akan didaftarkan itu akan menggunakan satu nama dari negara asing, negara mereka. Kalau ada peruntukkan yang menyatakan nama syarikat yang akan didaftarkan itu mesti sesuai dan tidak ada sebutkan apa garis panduan bagi pendaftar menentukan sesuai dari segi mana dan dari apa segi. Bagaimana dia boleh menolak sesuatu nama, mungkin dia akan menggunakan kriteria-kriteria tertentu tetapi bolehkah kita diberi keadaan yang mana sesuatu nama itu dianggap tidak sesuai dan tidak boleh digunakan untuk mendaftarkannya syarikat itu.

Kita mahu semua perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya terbuka dan dinyatakan dengan jelas, supaya masalah-masalah itu tidak timbul nanti. Kalau tidak nanti dalam masa satu tahun atau lebih balik lagi ke sini untuk membuat pindaan dalam seksyen ini di mana dari segi pendaftar menolak. Saya juga lihat tidak ada proses untuk membuat rayuan, tidak ada peruntukan untuk membuat rayuan. Kalau pendaftar itu menolak sesuatu nama dan saya sebagai pemilik syarikat itu saya mahu nama itu kerana ia merupakan satu nama yang sangat penting bagi saya dan saya mahu nama itu tetapi ditolak oleh pendaftar.

Tidak ada ruang, tidak ada peruntukan untuk saya membuat rayuan, biasanya dalam perkara ini kalau pendaftar itu tolak, mungkin saya boleh ke menteri untuk mendapat satu keputusan daripada menteri dan di sini nampaknya tidak ada ruang untuk saya membuat rayuan, jadi keputusan pendaftar nampaknya adalah muktamad dan mungkin ini akan menimbulkan ketidakpuasan, tengok siapa yang menjadi pendaftar dan apakah garis panduan kepada pendaftar ini. Dia anggap tidak sesuai, tetapi saya mungkin anggap sesuai dan kalau kita tukar pendaftar mungkin pendaftar lain itu anggap nama itu sebagai sesuai dan saya harap kita ada garis panduan yang jelas, yang mana dianggap tidak sesuai dari segi nama itu sensitif atau sebagainya. Kalau nama itu sudah diguna oleh satu syarikat itu tentu kata, "Oh, ada satu syarikat sudah guna nama ini so, nama sekarang tidak boleh digunalah kerana dua syarikat mempunyai nama yang sama".

Itu mungkin satu alasan, tetapi kalau saya guna satu nama yang tidak disukai oleh pendaftar nampaknya saya tidak ada *redress*, tidak ada jalan keluar untuk membuat rayuan kepada mana-mana pihak atasan untuk mengkaji balik keputusan pendaftar itu. Bolehkah kita memberi sedikit garis panduan tentang apa yang dimaksudkan sebagai nama tidak sesuai, supaya tidak menjadi satu kekeliruan kepada mana-mana pihak yang ingin mendaftarkan satu syarikat di bawah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain ialah tentang kelulusan terdahulu pada prinsipnya, ada satu peruntukan di bawah Seksyen 23(1) di mana ada sebut, “bahawa sesuatu pendaftaran boleh disetujui pada prinsipnya dan kemudian pihak yang buat permohonan itu diberi tempoh 6 bulan”. Dalam tempoh 6 bulan maka kemukakan permohonan yang sebenar, dalam tempoh 6 bulan dan kalau datang hari ini tanya pendaftar dan pendaftar kata, “Oh, saya tidak ada masalah, saya tidak ada apa halangan syarikat ini boleh didaftarkan”.

Dari segi kebaikan untuk mengadakan seksyen ini saya pun tidak lihat, apakah kebaikan dari segi ini kerana pada saya adakah ini bermaksud kalau didaftarkan secara prinsip tidak ada bayaran, kalau didaftarkan secara kebetulan ada *fee* yang dikenakan. Bukankah ini mendatangkan duplikasi kerja sahaja? Apa kebaikan untuk pendaftaran pada prinsip dan pendaftaran sebenar? Kenapa pendaftaran sebenar itu tidak dapat diadakan pertama kali, tidak payah melalui prinsip selepas itu baru pendaftaran sebenar.

Saya tidak tahulah apakah kebaikan dengan mengadakan seksyen semacam ini, kerana peruntukan ialah boleh diluluskan secara prinsip tertakluk kepada permohonan dibuat dalam masa 6 bulan. Kalau satu perkara yang begitu senang sahaja daftar satu syarikat memerlukan satu proses yang ada peringkat pertama dan kemudian ada peringkat kedua, saya nampak macam kita tidak betul-betul berusaha dengan baik.

Dengan mengadakan peruntukan di bawah Seksyen 23 ini, saya dapati bahawa perkara ini mungkin membazirkan masa, membazirkan tenaga dan akhir sekali tidak mencapai apa-apa. Lebih baik terus mendaftarkan syarikat itu kerana tujuan rang undang-undang ini ialah supaya kita menggalakkan lebih syarikat datang ke Malaysia, datang ke Langkawi untuk mendaftarkan syarikat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian ialah tentang transaksi dan juga penubuhan cawangan. Seksyen 32(4) menyatakan, "...bahawa boleh menubuhkan syarikat yang didaftarkan di Langkawi itu boleh menubuhkan cawangan di luar Malaysia, di luar Malaysia boleh tetapi tidak boleh luar daripada Langkawi", iaitu di tempat lain di Malaysia tidak boleh, hanya membolehkan syarikat itu didaftarkan di Langkawi tidak boleh di Pulau Pinang, tidak boleh di Selangor. Di mana mungkin ada banyak kemudahan-kemudahan kapal layar.

Sekarang Pulau Pinang dalam proses membina satu marina yang cukup besar, cukup canggih dan itu akan siap pada tahun hadapan dan kita harapkan bahawa banyak kapal layar antarabangsa akan mengunjungi marina itu dan kalau sesuatu syarikat yang didaftarkan di Langkawi itu telah berjaya dalam *business* mereka, dan mereka sekarang mahu menubuhkan satu cawangan di Pulau Pinang akta ini tidak membenarkan, iaitu 32(4) itu ada menyatakan, "Tidak membenarkan luar daripada Langkawi". Ini pun satu perkara yang bagi saya menjadi satu sekatan perkembangan *business* yang harus tidak berlaku, dan kalau pihak ini hendak berkongsi dengan tempat-tempat lain di Malaysia mungkin seperti di Terengganu, di Pulau Pinang, di Selangor, di Johor Bharu, di Tioman dan sebagainya, kenapa kita mengehadkan, kita membuat larangan tentang penubuhan cawangan? Mungkin ada sebab-sebab tertentu tetapi mungkin ini ada kaitan dengan kemudahan-kemudahan yang akan diberi kepada syarikat ini ataupun taraf perintis dan sebagainya.

Saya tidak tahulah kerana pada masa sekarang Langkawi adalah satu *free port* dan oleh kerana itu mungkin ada sebab-sebab yang ada kaitan dengan itu, tetapi kalau boleh tubuh cawangan di tempat-tempat lain daripada Langkawi di Malaysia, itu bagi saya lebih baik dari segi kita berkongsi kemudahan-kemudahan dengan negeri-negeri lain supaya negeri-negeri lain pun boleh melabur, pihak-pihak ini juga boleh melabur di tempat lain dan kemudian kita juga boleh menikmati kemudahan dari segi sumbangan kepada ekonomi dan sebagainya. Jangan semua dihadkan kepada Langkawi, saya sambung esok pagi?

Datuk Haji Karim Ghani: Ya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, oleh sebab masa sudah cukup, maka saya tangguhkan persidangan kita ini sehingga jam 10 pagi besok, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang]